

BAB 1

Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Sebagai sebuah negeri di dalam Persekutuan Malaysia, Sabah mengamalkan sistem demokrasi. Pilihanraya Umum (PRU) diadakan setiap lima tahun untuk memilih kedua-dua wakil negeri dan wakil negara, iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen.

Kerajaan negeri Sabah sekarang dikuasai oleh Barisan Nasional (BN)¹, sebuah parti campuran yang terdiri daripada pelbagai parti etnik utama, iaitu *United Malays National Organization* (UMNO), Sabah Progressive Party (SAPP), United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organization (UPKO), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Parti Bersatu Sabah (PBS).

UMNO telah mencapai kuasa dengan pantas sejak kemasukannya ke Sabah pada tahun 1991. Sebelum ini, UMNO tidak mengambil bahagian dalam kedua-dua negeri di Malaysia Timur. Seterusnya UMNO melebarkan sayapnya ke daerah Tawau dan diterima baik oleh masyarakat Tawau terutamanya masyarakat Melayu Islam dan keturunan Arab di Tawau.

¹ Barisan Nasional. <http://barisannasional.org.my>. 5 Mei 2012.

Masyarakat Melayu Islam dan keturunan Arab yang terdapat di Sabah terutamanya di Tawau, sebuah daerah yang terletak di hujung tenggara negeri Sabah. Masyarakat Melayu Islam keturunan Arab di Tawau ini telah wujud sejak lama dahulu iaitu di awal kewujudan bandar Tawau iaitu di zaman pemerintahan Syarikat Borneo Utara British ketika hujung 1880-an. Walaupun masyarakat Melayu keturunan Arab ini terdapat di seluruh Sabah namun di Tawau, masyarakat Melayu Arab agak ramai dan istimewa kerana mereka memainkan peranan utama di dalam perkembangan dakwah agama Islam di Tawau serta perjuangan hak dan politik orang-orang Melayu khususnya di Tawau, Sabah ini.²

Peniaga-peniaga Arab yang datang ke Tawau menetap dan berkahwin dengan penduduk tempatan. Ramai orang Melayu keturunan Arab ini, kini telah pun menjadi ahli peniagaan yang berjaya dan kaya atau pun menjadi ahli politik yang terkenal. Misalnya Datuk Panglima Ahmad Ayid, seorang ahli perniagaan dan pemimpin yang sangat berjasa kepada orang-orang Melayu di Tawau sejak sebelum dan selepas kemerdekaan negeri Sabah. Begitu juga dengan sumbangan beliau kepada penyatuan orang Melayu di Tawau bersama-sama Datuk Abu Bakar Titingan (bapa kepada Datuk Taufik Abu Bakar Titingan, iaitu ADUN Apas), Datuk Kassim Kamidin (bapa Haji Kamil Kamidin, bekas ADUN Tanjung Batu), Datuk Haji Ahmad Ayid, Penghulu Jainal dan adiknya Haji Ampong serta pemimpin Melayu Tawau yang lain melalui penubuhan Persatuan Kebangsaan Melayu Tawau (PKMT) pada 1945 dan penubuhan USNO pada 1961³.

² Ken Goodlet (2009), *The Making of a Tropical Community*. Tawau: Opus Publication, h. 7-18.

³ *Ibid.*, h. 305.

Bermula dengan tertubuhnya Persatuan Kebangsaan Melayu Tawau inilah kemudiannya mencetuskan Persatuan Islam Tawau (PIT) dan seterusnya bersama-sama seluruh masyarakat Melayu Islam di seluruh negeri Sabah bergabung dan membentuk Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) pada tahun 1961 yang berusaha mendapatkan kemerdekaan untuk negeri Sabah bersama Malaysia pada tahun 1963. Kini, Datuk Ghapur Salleh (Ketua UMNO Kalabakan merangkap ahli Parlimen Kalabakan) dan Syed Abbas Habib Ali (Ketua UMNO Tawau merangkap ADUN Balung) adalah antara pemimpin-pemimpin Melayu keturunan Arab yang sangat dikenali dan sedang menyumbangkan jasa mereka kepada rakyat di daerah Tawau ini.

Detik awal cadangan untuk PAS mengembangkan sayapnya ke Sabah telah lama dibangkitkan dalam Perhimpunan Agung dan Muktamar PAS Pusat. Pada awal tahun 1986, satu perbincangan yang diadakan di antara saudara Hamzah Hj. Abdullah dengan ustaz Nakhaie Hj. Ahmad melalui telefon telah disusuli dengan perjumpaan bagi mengaturkan tarikh pelancaran PAS Sabah. Natijahnya ialah satu tarikh telah ditetapkan bagi memenuhi maksud tersebut. Maka pada 19 Mei 1986, PAS Sabah telah ditubuh dengan rasminya dan majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Yang DiPertua PAS ketika itu, iaitu Tuan Hj. Yusof Rawa. Seterusnya berkembang ke daerah Tawau beberapa tahun kemudian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kepada kajian ini ialah konsep politik Islam dan perkembangannya di Malaysia dan sejauh mana hubungannya dengan masyarakat Sabah khususnya di Tawau. Tujuan sistem politik Islam adalah untuk membangunkan sebuah sistem pemerintahan dan kenegaraan yang tegak di atas dasar untuk melaksanakan seluruh hukum syariat Islam. Tujuan utamanya ialah menegakkan sebuah negara Islam atau Darul Islam. Dengan adanya pemerintahan yang mendukung syariat, maka akan tertegaklah *ad-Din* dan berterusanlah segala urusan manusia menurut tuntutan-tuntutan *ad-Din* tersebut.

Dalam konteks PAS di Sabah, untuk melihat masa depan perjuangan Islam melalui politik maka sudah tentulah tidak dapat tidak harus disorot dari segi sejarah Politik PAS di Semenanjung. Ini kerana sejarah sudah tentu menjadi cermin kepada masa yang akan mendatang. PAS yang berada di bumi Sabah adalah cerminan PAS di Semenanjung Malaysia dan memang parti ini berasal dari sana yang dibawa dan dikembangkan oleh aktivis-aktivis PAS yang memperjuangkan Islam di bumi Sabah khusus di Daerah Tawau.

Politik Islam dalam bahasa Arab dikenal dengan istilah *Siasah Syar'iyah*. *Siasah* adalah kata terbitan daripada kata dasar *sasa-yasusu*⁴. Dalam kalimah *sasa-yasusu-siyasatan* bererti mengurus, memelihara, melatih dan mendidik. Bila dikatakan *sasa al-amra* ertinya *dabbarahu* (mengurus / mengatur perkara). Makna *siasah* dari

⁴ Ibn Manzur (1990), *Lisan al-Arab*, Jilid 6. Beirut: Dar al-Fikr, h. 108.

segi bahasa adalah meliputi berbagai bentuk kegiatan dan langkah yang mendatangkan kebaikan dan manfaat kepada pihak yang berada di bawah jagaan seseorang seperti mendidik, memimpin, mentadbir, mengurus, menjaga kepentingan, menyuruh melakukan kebaikan, menjalankan tugas dan sebagainya. Perkataan *Syar'iyah* pula bermaksud sesuatu yang disandarkan kepada syariah atau syarak, iaitu perkara yang bertepatan dengan kehendak Allah S.W.T. Ini bererti secara ringkas maksud politik Islam adalah pengurusan atas segala urusan seluruh umat Islam yang menepati kehendak syarak.

Kajian ini dimulai dengan penyelidikan tentang pengertian politik Islam dan parti politik Islam. Penulis juga akan menjelaskan mengenai politik Sabah secara umum dan perkembangan parti politik di Sabah, latar belakang sejarah penubuhan PAS Sabah, tujuan penubuhan PAS Sabah, dasar penubuhan PAS dan matlamat perjuangan PAS di Sabah. Seterusnya melihat latar belakang sejarah Parti Islam SeMalaysia (PAS) di peringkat pusat sebagai parti politik Islam.

Penulis juga akan menjelaskan mengenai daerah Tawau dari segi pembahagian kawasan pilihanraya, latar belakang sejarah penubuhan PAS Kawasan Tawau, pendaftaran PAS Kawasan Tawau, pengaruh PAS dalam masyarakat Tawau dan masalah PAS Kawasan Tawau.

Penulis akan menyentuh mengenai perkembangan PAS Kawasan Tawau dalam pilihanraya, faktor-faktor belum menang dalam pilihanraya, persiapan menghadapi pilihanraya akan datang, aktiviti PAS Kawasan Tawau, cawangan dan ahli Jawatan Kuasa Penaja PAS Kawasan Kalabakan, Tawau, Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) Tawau, Unit Amal dan Nisa' PAS Tawau dan ramalan masa depan PAS di daerah Tawau.

Penulis tertarik untuk mengkaji perkembangan politik Islam di Sabah khususnya Parti Islam SeMalaysia di Daerah Tawau kerana sejak ditubuhkan hingga kini, PAS di Sabah khususnya di Tawau tidak pernah menang dalam pililihanraya sama ada dalam pilihanraya negeri atau persekutuan. PAS Sabah telah menyertai pilihanraya buat kali pertama pada tahun 1986 di tiga kerusi Parlimen iaitu Kota Belud, Jambongan dan Kimanis⁵, manakala PAS Kawasan Tawau pula meletakkan calonnya yang pertama iaitu Mohamed bin Husain pada pilihanraya tahun 1990 di Bahagian Pilihanraya P.151 Tawau yang mendapat 426 undi⁶ dan yang terakhir PAS Kawasan Tawau meletakkan calonnya Mohamad bin Tingka pada pilihanraya tahun 2008 yang hanya mendapat 931 undi⁷. Jika diteliti di sini, sejak tahun 1990 hingga 2008 peningkatan hanya 405 undi untuk PAS di Tawau selama 18 tahun PAS berjuang. Adakah ini menunjukkan

⁵ Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen Negeri Sabah Bagi Tahun 1986.
http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 27 Januari 2012.

⁶ Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen Negeri Sabah Bagi Tahun 1990,
http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 28 Februari 2012.

⁷ Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen Negeri Sabah Bagi Tahun 2008,
http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 1 Mac 2012.

penerimaan masyarakat Tawau kurang memberangsangkan terhadap PAS dan PAS lambat berkembang di Tawau khususnya dan di Sabah umumnya. Usia PAS di Sabah 27 tahun lamanya jika diukur dari tahun 1986 hingga tahun 2013 mewajarkan PAS menjadi 'Pemuda' yang matang. Oleh itu, sewajarnya ada kajian mengenai Politik Islam di Sabah yang meninjau secara dekat perkembangan PAS di Daerah Tawau. Berdasarkan fakta-fakta di atas, maka satu kajian perlu dibuat untuk mengetahui perkembangan politik Islam di Sabah khususnya Parti Islam SeMalaysia di Daerah Tawau.

Tawau⁸ (Jawi: تڤاو) merupakan nama sebuah bahagian, daerah dan juga bandar di Sabah. Tawau kini merupakan bandar ketiga terbesar di Sabah selepas Kota Kinabalu dan Sandakan. Bandar ini dihubungkan dengan Kota Kinabalu melalui jalan raya sejauh 500 km, laluan udara melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Tawau dan laut melalui Pelabuhan Tawau.

Tawau secara ringkas mendapat jolokan sebagai 'Bumi Peladang'. Ini kerana sebahagian besar muka buminya kini adalah kawasan perladangan. Dahulu ketika awal kewujudan Tawau ketika zaman pemerintahan British iaitu sebelum era kemerdekaan, kawasan Tawau dipenuhi dengan ladang kelapa (kopra), getah dan pisang lanut (abaka), kini wajah Tawau sudah berubah wajah dengan pokok-pokok kelapa sawit yang terbentang luas jika dilihat dari atas muka bumi dan sebahagian kecilnya masih ditanam dengan tanaman koko yang dulunya juga pernah menjadi identiti Daerah

⁸ Kedudukan Tawau, <http://www.mpt.sabah.gov.my/Tawau.html>. 22 September 2011.

Tawau. Sebahagian besar ladang-ladang kelapa sawit ini adalah dimiliki Sime Darby Corporation, Sabah Softwood Sdn Bhd dan Borneo Samudera (Sawit) Sdn Bhd.

Daerah Tawau meliputi kawasan seluas 6,125 km persegi atau 612,506 hektar. Ia berkongsi sempadan dengan Kalimantan, Indonesia di selatan serta dikelilingi Laut Sulu di timur dan Laut Sulawesi di selatan. Tawau mempunyai 10 mukim dan 81 kampung yang terhimpun dalam dua kawasan parlimen dan enam Dewan Undangan Negeri (DUN). Parlimen Tawau mengandungi DUN Sri Tanjung, Apas dan Balung sementara Parlimen Kalabakan mengandungi Merotai, Tanjung Batu dan Sebatik⁹. Dahulunya ia terkandung dalam satu kawasan parlimen dengan empat kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sabah iaitu Balung, Merotai, Sri Tanjung dan Kalabakan.

1.3 Permasalahan Kajian

1. Perkembangan politik Islam di Sabah adalah lemah dan sukar diramal. Walaupun masyarakat Islam adalah majoriti, namun mereka sukar memenangi dan menguasai politik di negeri Sabah. Menurut Yahaya Ismail (1986) dalam bukunya yang bertajuk Politik Islam di Sabah mengatakan *“kekalahan parti-parti yang dipimpin orang Islam dan para pemimpin Islam di Sabah pada Mei 1986 adalah satu tamparan kepada seluruh rakyat Sabah dan juga rakyat Malaysia yang beragama Islam. Umat Islam di Sabah baru terasa sekali betapa Islam dihina di negerinya sendiri setelah PBS, parti Kristian berkuasa*

⁹ Profile Tawau, <http://www.mpt.sabah.gov.my/Geografi.html>. 22 September 2011.

di Sabah. Penghinaan ini bukan sahaja dirasai oleh umat Islam di Sabah tetapi juga di seluruh Malaysia. Walaupun umat Islam pada ketika itu mempunyai kekuatan lebih 52% yang memeluk Islam namun perpaduan ummah di Sabah adalah lemah. Para pemimpin politik Islam di Sabah iaitu dalam USNO dan BERJAYA telah gagal menjadi wadah menyatupadukan seluruh rakyat beragama Islam untuk membina kekuatan politik, ekonomi, sosial dan pelajaran di Sabah”¹⁰. PAS telah masuk ke Sabah pada tahun 1986 ekoran kekalahan parti-parti yang dipimpin orang Islam dan para pemimpin Islam di Sabah pada ketika itu ekoran kemenangan besar PBS pada pilihanraya negeri pada 6 Mei 1986 serta sikap dingin UMNO membela masyarakat Islam di Sabah. Oleh itu, sewajarnya dibuat satu kajian untuk mengetahui sejarah dan perkembangan parti politik Islam iaitu PAS di negeri Sabah. Ini kerana PAS sebagai parti Politik Islam sebenarnya lebih dekat dengan perjuangan dan kelangsungan umat Islam di Sabah.

2. PAS di Tawau telah ditubuhkan sejak tahun 1988¹¹, namun PAS tidak pernah menang dalam pilihanraya yang ditandinginya. Menurut YDP PAS Kawasan Tawau, PAS Kawasan Tawau telah menyertai pilihanraya sejak tahun 1990 namun tidak pernah menang¹². Oleh itu, sepatutnya ada kajian mengenal pasti cabaran dan permasalahan yang dihadapi oleh PAS di Daerah Tawau untuk

¹⁰ Yahaya Ismail (1986), *Politik Islam Di Sabah*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif Sdn. Bhd., h. 111.

¹¹ Sijil Kebenaran Penubuhan Cawangan PAS Kawasan Tawau.

¹² Muhammad Hussain, YDP PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 14 Disember 2011.

diketahui secara mendalam agar kajian tersebut boleh digunakan sebagai landasan untuk merangka strategi memantapkan lagi perjuangan PAS.

3. Walaupun PAS tidak pernah menang di Tawau, namun petugas dan jentera pilihanraya PAS Kawasan Tawau optimis suatu hari nanti PAS dapai mencapai visi dan misinya dengan bantuan Allah S.W.T. Menurut Setiausaha PAS Kawasan Tawau, gerak kerja PAS tidak pernah berhenti untuk memenangi hati masyarakat Tawau¹³. Oleh itu, penulis terasa terdorong untuk mengenal pasti pelaksanaan aktiviti PAS di Daerah Tawau yang memungkinkan PAS boleh menang di Tawau.
4. PAS telah melebarkan sayapnya ke Sabah sejak tahun 1986. Namun kajian mengenai PAS di Sabah amat sedikit dan belum ada lagi kajian mengenai perkembangan PAS di Daerah Tawau¹⁴. PAS Kawasan Tawau telah mengikuti setiap pilihanraya sejak tahun 1990 hingga 2008 namun gagal memenangi walau satu kerusi. Oleh itu sewajarnya dibuat satu analisis mengenai perkembangan PAS di Daerah Tawau melalui pengalaman dalam pilihanraya.

¹³ Muhammad Nasir Ali, Setiausaha PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013, Temubual pada 1 Februari 2012.

¹⁴ Usman bin Madeaming, mantan calon PAS Pilihanraya tahun 2004 Bahagian N.58 Merotai. Temubual pada 22 Disember 2011.

1.4 Objektif Kajian

Dalam menjalankan kajian, objektif kajian haruslah diberi perhatian memandangkan ia berfungsi sebagai satu rangka rujuk bagi memastikan pelaksanaan kajian berjalan dengan lancar dan sistematik. Oleh itu, objektif dan tujuan yang ditetapkan sebagai tumpuan dalam kajian ini ialah:

1. Penyelidikan dibuat untuk mengetahui secara ringkas sejarah dan perkembangan parti politik Islam iaitu PAS di Sabah.
2. Kajian ini dibuat bagi mengenal pasti cabaran dan permasalahan yang dihadapi oleh PAS di daerah Tawau, Sabah.
3. Kajian ini dibuat untuk mengenal pasti pelaksanaan aktiviti dan pengurusan PAS di daerah Tawau, Sabah.
4. Penyelidikan ini dibuat untuk menganalisis perkembangan PAS di Tawau melalui pengalaman dalam pilihanraya yang telah ditempuhi, peningkatan undi dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.

1.5 Kepentingan Kajian

1. Kajian ini dikemukakan untuk menaiktaraf pendidikan penulis ke peringkat Sarjana bagi manfaat Darul Quran dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tenaga pakar dalam Siasah Syar'iyah perlu dilahirkan demi pembangunan pendidikan al-Quran seterusnya membantu Darul Quran ke arah menaiktaraf menjadi Kolej Universiti Darul Quran.
2. Kajian ini dapat mengemukakan ilmu Politik Islam secara mendalam untuk dimanfaatkan khususnya oleh gerakan Islam atau parti politik Islam dan umat Islam amnya. Bagi penulis, kajian ini dilihat amat penting kerana ia dapat memberikan gambaran secara jelas mengenai politik Islam, PAS di daerah Tawau, demografi Tawau, politik Sabah serta cabaran kepada perkembangan politik Islam di Sabah secara umum.
3. Kepentingan yang lain ialah kajian ini dapat memberikan kefahaman mengenai PAS di Tawau dan di Sabah umumnya dengan lebih sempurna dalam membantu PAS mencapai hasrat memerintah negara, untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam, negara adil dan berkeadilan.
4. Diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan pemikiran yang bermakna dalam arena politik Islam di Malaysia agar suatu hari nanti ianya dilaksanakan dengan berhati-hati agar pemerintah tidak mengorbankan prinsip-prinsip Islam. Seterusnya dapat melahirkan pemimpin yang Islamik yang mampu untuk merealisasikan sebuah Negara Islam Malaysia yang berkeadilan.

1.6 Skop Kajian

Skop penulisan kajian ini adalah untuk menjawab permasalahan atau persoalan mengenai kajian ini iaitu Politik Islam di Sabah dan Parti Islam SeMalaysia (PAS). Oleh kerana aspek pengkajian mengenai Politik Islam dan PAS di Sabah sangat luas, penulis telah meninjau, membatasi serta merumuskan hanya beberapa masalah sahaja yang akan dikaji iaitu berkaitan PAS di daerah Tawau. Penulis ada menyentuh mengenai pertubuhan Islam dan perkembangan politik orang Islam di Sabah di awal penulisan ini. Perkara ini diutarakan kerana ianya amat penting bagi memberi gambaran yang jelas mengenai politik di Sabah dan parti-parti politik yang melibatkan orang Islam di Sabah.

Penulis menumpukan perbincangan kajian kepada Definisi Perkembangan, Politik Islam dan Parti Politik Islam. Seterusnya penulis menjelaskan mengenai Perkembangan Politik di Sabah, Era Kemunculan Politik Islam di Sabah, Perkembangan Politik Islam di Sabah, PAS dan Perjuangan Politik Islam di Sabah, Latar Belakang Sejarah Penubuhan PAS Sabah, Tujuan Penubuhan PAS di Sabah, Dasar Penubuhan PAS, Matlamat Perjuangan PAS dan akhirnya menjelaskan mengenai Perkembangan PAS di Sabah.

Penulis juga meninjau secara khusus mengenai Parti Islam SeMalaysia di daerah Tawau, penulis menerangkan mengenai daerah Tawau sebagai tempat kajian, pembahagian kawasan pilihanraya di Tawau dan Latar Belakang Sejarah Penubuhan

PAS Kawasan Tawau. Penulis juga menjelaskan organisasi PAS Kawasan Tawau seperti Urusan Ulamak, Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau dan tidak ketinggalan juga dinyatakan mengenai visi, misi, piagam pelanggan, pendaftaran dan alamat PAS Kawasan Tawau. Penulis juga ada mengkaji dan memasukkan mengenai PAS Kawasan Kalabakan yang baru ditubuhkan yang mana Kalabakan juga termasuk dalam Daerah Tawau. Seterusnya, penulis mengkaji pengaruh PAS dalam masyarakat Tawau dan masalah-masalah PAS Kawasan Tawau.

Skop kajian ini mengenai Perkembangan PAS Kawasan Tawau dari mula ditubuhkan pada tahun 1986 sehingga 2012, penulis mengkaji penglibatan PAS Kawasan Tawau dalam pilihanraya dan faktor-faktor belum menang PAS Kawasan Tawau dalam pilihanraya. Selain itu, penulis mengkaji persiapan PAS Kawasan Tawau dalam menghadapi Pilihanraya Umum 2013, aktiviti-aktiviti PAS Kawasan Tawau, cawangan PAS di daerah Tawau, bilangan ahli PAS di Tawau, PASTI dan unit-unit di bawah PAS Kawasan Tawau. Akhirnya, penulis meramal mengenai masa depan PAS di Tawau berdasarkan kajian yang dibuat.

1.7 Kajian Lepas

Sorotan literasi merupakan sesuatu yang paling penting dan perlu dilakukan oleh seseorang yang ingin menulis tidak kira dalam bidang apa pun. Dengan pembacaan dan pengkajian hasil penulisan terdahulu, seseorang penulis itu sebenarnya mampu mengelakkan daripada membincangkan hal yang sama dalam penulisan yang

akan dikajinya, malah dengan melihat penulisan terdahulu, ia dapat membuka peluang kepada penulis untuk mencari ruang-ruang kosong yang masih belum diterokai dan perlukan kepada penambahan idea yang lebih mantap.

Bagi penulis dalam melakukan kajian ini, penulis telah melakukan sorotan dan kajian penulisan-penulisan terdahulu. Apa yang dapat diperhatikan melalui pengamatan yang dibuat berdasarkan kajian yang telah dijalankan pelbagai kajian tentang Parti Islam SeMalaysia (PAS) telah dibuat. Ia dilakukan dengan merujuk kepada beberapa sumber sama ada sumber primer dan sekunder. Kajian yang diteliti oleh penulis adalah sebagaimana berikut;

1. Tesis Ph.D - Terdapat kajian di peringkat tesis Ph.D yang dibuat oleh saudara Mujahid Yusof mengenai Parti Islam SeMalaysia (PAS) di Melaka¹⁵. Tetapi tesis beliau mengenai Konflik organisasi dalam parti Islam dan kesannya terhadap perubahan organisasi. Ini berbeza sama sekali apa yang penulis ingin kemukakan iaitu Sejarah Penubuhan PAS di Sabah.

Penulis juga mendapati ada kajian mengenai Parti Islam SeMalaysia di peringkat negeri [Kedah] dan di peringkat Kawasan [Kubang Pasu] : Satu Kajian Tentang Agama, Politik dan Kepimpinan oleh saudara Ahmad Kamar

¹⁵ Mujahid Yusof Konflik (2007), "Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Perubahan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka." (Tesis (Ph.D.), Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Abdul Rahman¹⁶. Apa yang dibuat oleh saudara Ahmad Kamar Abdul Rahman ini boleh dijadikan rujukan untuk menulis mengenai penubuhan Parti Islam SeMalaysia yang ada kaitannya dengan perkembangan PAS di daerah Tawau.

2. Disertasi Sarjana - Penulis juga mendapati ada beberapa kajian mengenai Parti Islam SeMalaysia di peringkat Disertasi Sarjana seperti apa yang telah ditulis oleh saudara Azhar bin Jaafar @ Ramli¹⁷ mengenai Parti Islam SeMalaysia (PAS) : Suatu Kajian Tentang Sejarah Perkembangannya di Jerantut, Pahang Darul Makmur. Sinopsis kajian ini membincangkan tentang sejarah dan perkembangan PAS bermula di peringkat pusat, negeri dan seterusnya di daerah kelahiran saudara Azhar iaitu Jerantut, Pahang Darul Makmur.

Saudara Azhar menghuraikan perkembangan PAS Jerantut mengenai calonnya yang kalah di dalam pilihanraya yang belum pernah hilang wang pertaruhan, calon PAS yang belum pernah memperolehi kemenangan di dalam pilihanraya sama ada di peringkat Parlimen mahupun DUN sehinggalah pada Pilihanraya Umum Ke-10 tahun 1999, rekod tersebut telah dipecahkan oleh Abdul Malik bin Yusof yang menang di DUN Tahan. Kajian ini hampir mirip apa yang ingin penulis nyatakan tetapi berbeza negeri iaitu negeri Sabah di

¹⁶ Ahmad Kamar Abdul Rahman (1984), "Parti Islam SeMalaysia Di Peringkat Negeri [Kedah] Dan Di Peringkat Kawasan [Kubang Pasu] : Satu Kajian Tentang Agama, Politik Dan Kepimpinan." (Tesis (Ph.D.), Jabatan Antropologi Dan Sosiologi, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

¹⁷ Azhar Jaafar (2001), "Parti Islam SeMalaysia (PAS) : Suatu Kajian Tentang Sejarah Perkembangannya Di Jerantut, Pahang Darul Makmur." (Disertasi M.Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Bawah Bayu dan tempat iaitu daerah Tawau Bumi Peladang serta fokus utama penulis iaitu penubuhan PAS di Sabah khususnya di Tawau. Cuma yang sama ialah membincangkan Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan PAS belum pernah menang setakat ini dalam mana-mana pilihanraya di Sabah berbanding PAS di Pahang yang sudah menang banyak kerusi Parlimen mahupun DUN cuma belum mencapai majoriti.

3. Latihan Ilmiah Sarjana Muda - Penulis mendapati banyak kajian peringkat Sarjana Muda mengenai Parti Islam SeMalaysia (PAS) yang telah dibuat antaranya ialah Latihan Ilmiah (B.A.) Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1987, “PAS dari 1982 hingga kini : Satu Kajian Khusus Bagi Kawasan Kota Bharu”¹⁸ yang ditulis oleh penyelia dan pensyarah penulis sendiri iaitu Dr. Bharuddin Che' Pa. Penulis akan menjadikan kajian ini sebagai rujukan untuk memahami Parti Islam SeMalaysia (PAS). Menurut beliau, perkembangan PAS di Kawasan Kota Bharu, Kelantan adalah menggambarkan kedudukan umum PAS di negara ini. Bagi penulis pula, jika PAS boleh berkembang hingga ke ceruk rantau Sabah maka itu tandanya suatu hari nanti PAS akan memerintah Malaysia.

Penulis juga mendapati kajian-kajian yang berkaitan dengan kajian ini antaranya ialah “Perubahan dan Perkembangan di dalam Pemikiran Politik

¹⁸ Bharuddin Che' Pa (1987), “PAS Dari 1982 Hingga Kini : Satu Kajian Khusus Bagi Kawasan Kota Bharu”. (Latihan Ilmiah (B.A.), Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).

Parti Islam SeMalaysia (PAS) : Satu Analisa” oleh saudara Nawawi Abdullah¹⁹. Beliau memberi fokus kepada perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam PAS apabila berlakunya pertukaran dalam pucuk pimpinan PAS setelah penolakan Dato’ Asri dari parti tersebut. Beliau juga membincangkan mengenai penolakan PAS terhadap idea-idea ciptaan manusia seperti sekularisme, nasionalisme, assobiyah dan sebagainya lagi yang boleh meruntuhkan akidah orang-orang Islam. Penulis pula memberi fokus kepada PAS Sabah, PAS Kawasan Tawau dan penglibatan PAS dalam pilihanraya di Sabah.

Selain itu penulis mendapati dua buah lagi Latihan Ilmiah yang membincangkan mengenai PAS yang bertajuk “Parti Islam SeMalaysia (PAS) dalam Usahnya Menegakkan Sebuah Negara Islam” oleh Wan Ismail Wan Abdullah²⁰ dan “Pendekatan Parti Islam SeMalaysia (PAS) dalam Membentuk Negara Islam : Satu Analisis” oleh Amir Ramadhan Ibrahim²¹. Mereka memberi fokus kepada sejarah perjuangan PAS semenjak daripada awal penubuhannya, penekanan terhadap matlamat dan asas penubuhan PAS sebagai sebuah gerakan Islam dan seterusnya memberi fokus kepada konsep dan teori negara Islam. Penulis juga memberi fokus kepada sejarah penubuhan PAS di peringkat pusat, negeri Sabah dan di daerah Tawau. Oleh itu, penulis

¹⁹ Nawawi Abdullah (1989/90), “Perubahan dan Perkembangan di dalam Pemikiran Politik Parti Islam SeMalaysia (PAS) : Satu Analisa”. (Latihan Ilmiah (B.Ec.) Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya), h. 4.

²⁰ Wan Ismail Wan Abdullah (1994), “Parti Islam SeMalaysia (PAS) dalam Usahnya Menegakkan Sebuah Negara Islam”. (Latihan Ilmiah (B.A.) Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya).

²¹ Amir Ramadhan Ibrahim (1995/96), “Pendekatan Parti Islam SeMalaysia (PAS) dalam Membentuk Negara Islam: Satu Analisis”. (Latihan Ilmiah (B.A.) Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).

akan mengambil isi-isi daripada pengkaji-pengkaji terdahulu mengenai PAS untuk menjelaskan rentetan sejarah PAS sehingga dapat melebarkan sayapnya ke Sabah seterusnya ke Tawau.

Selain itu, penulis juga merujuk kepada buku-buku tertentu seperti buku yang bertajuk ‘Politik Islam Di Sabah’ karangan Yahaya Ismail yang ditulis pada tahun 1986 iaitu semasa krisis UMNO dan PBS. Melalui buku tersebut, beliau cuba membuka minda pembaca mengenai masa depan Masyarakat Islam di Sabah. Buku ini walaupun tidak tebal, tapi banyak memberi manfaat kepada penulis.

1.8 Metodologi Kajian

Pengertian metodologi memberi maksud ilmu yang membicarakan tentang tatacara melakukan penelitian. Ianya berasal dari kata Yunani yang digabungkan iaitu “metodos” yang bererti cara, dan “logos” yang bererti ilmu.²² Di dalam bidang penulisan ilmiah, metodologi memainkan peranan yang penting kerana ia adalah merupakan cara bagaimana untuk memahami bidang yang menjadi sasaran penulisan oleh penulis.

Di dalam penyelidikan dan penulisan disertasi ini, penulis akan menggunakan beberapa metod untuk memperolehi data-data dan maklumat yang diperlukan. Metod yang dimaksudkan ialah :

²² Koentjaraningrat (ed) (1977), *Metod-Metod Penelitian Masyarakat*, Jakart : P.T Gramedia, h. 16.

1. Metod Pengumpulan Data
2. Metod Analisa Data

1.8.1 Metod Pengumpulan Data

Metod kajian ini ialah kajian lapangan yang menggunakan Metod Historis, Metod Dokumentasi dan Metod Interview. Metod ini adalah merupakan suatu usaha yang dilakukan dengan mengumpulkan data dan penafsiran terhadap data yang terkumpul. Kajian ini dinamakan sebagai kajian kualitatif. Menurut Othman Lebar²³, kajian kualitatif ialah pemahaman tentang fenomena sosial dalam persekitaran semulajadi dan lebih tertumpu kepada deskripsi-deskripsi verbal dan penerangan terhadap tabiat manusia. Dalam proses mengumpulkan data bagi penelitian ini, penulis akan menggunakan beberapa metod yang dirasakan perlu bagi mendapatkan data yang dikehendaki dengan menggunakan perpustakaan mencari buku-buku dan sebagainya dan menggunakan internet dengan pencarian laman-laman web yang berkaitan dan seterusnya turun ke lapangan untuk membuat temubual. Penggunaan internet juga banyak dilakukan kerana kesukaran mendapatkan maklumat yang diperlukan. Metod-metod yang digunakan ialah;

²³ Othman Lebar (2007), *Pengenalan Kualitatif Kepada Teori dan Metod*, Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 10-11.

1.8.1(a) Metod Historis

Ia merupakan salah satu metod pengumpulan data yang bermaksud satu proses yang meliputi pengumpulan dan penafsiran segala fakta-fakta yang lalu untuk membuat generalisasi bagi memahami situasi sekarang atau akan datang²⁴. Metod ini digunakan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai-nilai sejarah. Metod ini digunakan oleh penulis dengan meluas seperti pada bahagian latar belakang kajian dan sejarah Parti Islam SeMalaysia (PAS), Latar Belakang Sejarah Penubuhan PAS Sabah serta Latar Belakang Sejarah Penubuhan PAS Kawasan Tawau.

1.8.1(b) Metod Dokumentasi

Penyelidikan perpustakaan menurut Mohd Sheffie Abu Bakar²⁵ adalah merupakan teknik bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Metod ini adalah satu cara pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang diteliti. Dokumen pula ialah bahan-bahan bertulis yang dapat memberikan berbagai jenis keterangan. Penulis juga menggunakan metod dokumentasi dalam mengumpul data kajian. Kaedah dokumentasi adalah sangat penting dalam kajian ini terutama sekali dalam

²⁴ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, hh.42-44.

²⁵ Mohd Sheffie Abu Bakar (1995), *Metodologi Penyelidikan*, Edisi ke-2, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 41.

mencapai objektif kajian dalam bab kedua hingga ke empat. Segala data dan maklumat dikumpulkan melalui bahan-bahan ilmiah seperti kitab-kitab muktabar, tesis, disertasi, latihan ilmiah, jurnal, buku dan sebagainya yang terdapat di perpustakaan. Antara perpustakaan yang menjadi tempat penulis mencari rujukan ialah:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya.
3. Perpustakaan Awam Daerah Tawau, Sabah.
4. Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya.
5. Perpustakaan Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

1.8.1(c) Metod Interview (temubual)

Kaedah temubual yang digunakan ialah temubual berstruktur dan bersemuka yang dilaksanakan secara lisan dari seorang responden dengan bercakap berhadapan muka dengan individu terbabit²⁶. Penulis melaksanakan temubual kepada setiap responden secara berasingan pada masa dan tempat yang berlainan. Kaedah ini dapat menjamin ketelusan dan ketulenan data atau jawapan yang diberikan kepada setiap soalan yang diajukan. Sebelum temubual diadakan, penulis terlebih dahulu akan menyediakan panduan temual dan persoalan untuk ditanya kepada responden supaya data yang diperolehi tidak tercicir dan ketinggalan.

²⁶ *Op.cit.*, Koentjaraningrat, h. 129

1.8.2 Metod Analisa Data

Penulis menggunakan metod analisis data untuk menilai setiap data yang diperolehi. Kaedah yang digunakan ialah:

1.8.2(a) Metod Induktif

Metod ini ialah pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum²⁷. Penggunaan kaedah ini adalah untuk membuat kesimpulan secara umum terhadap pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh sarjana terutama sekali ketika membuat penelitian dalam pencapaian objektif pertama iaitu untuk mengetahui secara ringkas sejarah dan perkembangan parti politik Islam iaitu PAS di peringkat pusat dan di negeri Sabah dan pencapaian objektif kedua dalam kajian ini iaitu mengenal pasti segala cabaran dan permasalahan yang dihadapi oleh PAS di daerah Tawau. Selain itu ia juga digunakan untuk menghuraikan segala maklumat yang terkandung dalam jadual atau melalui temubual kepada penerangan yang lebih umum. Penulis akan merangkum aspek-aspek tersebut menjadi satu rumusan umum tentang PAS di Tawau.

²⁷ *Op.cit.*, Imam Barnadib, h.52.

1.8.2(b) Metod Deduktif

Melalui metod ini, penulis akan menerangkan data yang bersifat umum kepada suatu yang bersifat khusus²⁸ dengan cara mengaplikasikannya kepada suatu bentuk yang lebih mudah dan difahami umum iaitu dalam bentuk jadual, tema atau kesimpulan dan dapatan kajian. Metod ini digunakan dalam mengkaji penglibatan PAS dalam pilihanraya di Bab 4 dengan membina jadual-jadual supaya mudah difahami mengenai penglibatan PAS dalam pilihanraya bermula tahun 1990 (PRU8) hingga tahun 2008 (PRU12). Seterusnya, penulis juga menganalisis data-data umum yang diperolehi seperti aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PAS Tawau, kemudian membuat kesimpulan dari data itu dan hasilnya akan diperolehi sama ada ia mendukung perkembangan PAS atau tidak.

1.8.2(c) Metod Komparatif

Ia merupakan satu cara membuat kesimpulan dengan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan. Data yang diperolehi akan dikaji dan seterusnya dibuat perbandingan untuk mendapatkan kesimpulan atau keputusan dari kajian. Metod ini digunakan dalam mengkaji penglibatan PAS dalam pilihanraya di Bab 4.

²⁸ *Ibid.*, h.53.

BAB 2

Politik Islam di Sabah

2.1 Definisi Perkembangan, Politik Islam dan Parti Politik Islam

Perkembangan menurut Kamus Dewan bermaksud suatu perihai atau proses berkembang menjadi maju atau tersebar, membiak, meluas atau suatu pertumbuhan, atau proses kemajuan. Jika perkembangan dikaitkan dengan politik, ia menunjukkan berlaku proses tersebarnya ilmu, fahaman atau parti politik itu²⁹.

Akhmad Sudrajat³⁰ memberikan definisi bahwa “perkembangan dapat diertikan sebagai perubahan yang sistematik, progresif dan berkesinambungan dalam diri individu atau organisasi sejak lahir hingga akhir hayatnya atau dapat diertikan pula sebagai perubahan-perubahan yang dialami individu atau organisasi menuju tingkat kedewasaan atau kematangannya.” Maka dengan kata lain, perkembangan dapat diertikan sebagai suatu rangkaian proses yang terus berlanjutan, proses tersebut meliputi perkembangan (*development*), pertumbuhan (*growth*) serta kematangan (*maturation*).

Selama proses bertambahnya usia manusia atau organisasi, maka selama itulah proses perkembangan akan terus berjalan. Proses ini terjadi dalam diri manusia atau

²⁹ Noresah bt. Baharom (2007), *Kamus Dewan, edisi ke empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 730.

³⁰ Akhmad Sudrajat. Perkembangan Individu. <http://akhmadsudrajat.wordpress.com>. 28 Mei 2012.

organisasi secara bertahap dan memiliki fasa-fasa tertentu yang menjadi proses perkembangan tersebut. Perkembangan merupakan proses yang lebih kompleks meliputi kualitatif dan kuantitatif berbanding pertumbuhan (*growth*) bersifat kuantitatif sahaja³¹.

Di dalam al-Quran Allah S.W.T menjelaskan perkembangan manusia melalui tahap-tahap tertentu sepertimana firmanNya:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ
مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً تَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ³²

Maksudnya: Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu ia menjadikan kamu kuat. Setelah itu ia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya, dan Dialah jua yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.

(Surah al-Rum (30): 54)

Ayat di atas menjelaskan bahawa manusia melalui beberapa tahap atau fasa dalam kehidupannya iaitu lemah, kuat dan lemah kembali. Jika dikaitkan dengan perkembangan organisasi maka organisasi juga mempunyai tahap perkembangan yang sama seperti manusia iaitu bermula lemah, selepas lemah menjadi kuat, selepas kuat menjadi lemah kembali, dan akhirnya mati. Dalam ayat yang lain Allah S.W.T juga menjelaskan peringkat kejadian manusia seperti mana firmanNya:

³¹ Pengertian Perkembangan. <http://yoezronbloon.blogspot.com/2009/10/pengertian-perkembangan.html>. 28 Mei 2012.

³² Al-Quran, Surah al-Rum (30): 54.

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ
 طِفْلاً ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشَدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا شُيُوخًا وَمِنْكُمْ مَنْ يُتَوَفَّى مِنْ
 قَبْلُ وَلِتَبْلُغُوا أَجَلًا مُّسَمًّى وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

Maksudnya: Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian ia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua, dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan); dan supaya kamu memahami (hikmat-hikmat kejadian itu dan kekuasaan Tuhan)³³.

Ayat di atas menjelaskan mengenai perkembangan manusia yang bermula dengan air mani, seterusnya berkembang menjadi segumpal darah, kemudian menjadi daging, seterusnya keluar ke dunia menjadi bayi dan kanak-kanak, seterusnya menjadi dewasa, tua dan akhirnya mati. Ada juga yang mati sebelum menjadi dewasa dan tua. Keadaan ini berlaku supaya manusia memikirkan tentang kejadian dan perkembangannya agar mengakui akan kekuasaan Allah S.W.T. Jika dikaitkan contoh kejadian manusia dengan perkembangan organisasi, ia bermula daripada sekecil-kecil organisasi, mungkin ada beberapa orang sahaja aktivis, seterusnya berkembang menjadi ramai aktivis dan menjadi kuat organisasi tersebut yang juga dikatakan organisasi tersebut telah menjadi dewasa atau matang. Maka akhirnya sama ada panjang usianya organisasi tersebut atau pun mati berkubur. Semua ini adalah supaya manusia mengambil iktibar daripada fasa-fasa atau tahap-tahap tersebut.

³³ Al-Quran, Surah al-Mu'min (40): 67.

Politik pula didefinisikan sebagai ilmu pengetahuan berkenaan cara atau dasar-dasar pemerintahan³⁴. Ia juga dipanggil ilmu *Siasah* (berasal daripada bahasa Arab) atau ilmu kenegaraan³⁵.

Perkataan politik sekarang sudah menjadi bahasa internasional, terkenal hampir seluruh manusia yang terdiri dari pelbagai bangsa dan bahasa. Adapun asal usul perkataan politik ialah dari bahasa Yunani iaitu '*politikos*' atau bahasa Latin '*politica*'. Dalam bahasa Inggeris ditulis '*polity*', '*policy*' atau '*politic*', dalam bahasa Perancis '*politique*', dalam bahasa Jerman '*politik*', dalam bahasa Belanda '*politiek*' dan lain-lain lagi bahasa yang asal katanya ialah '*polis*' yang bererti negara kota atau yang membawa erti lain ialah kemajuan³⁶.

Makna *siāsah* dari segi bahasa adalah meliputi berbagai bentuk kegiatan dan langkah yang mendatangkan kebaikan dan manfaat kepada pihak yang berada di bawah jagaan seseorang, contohnya kegiatan mendidik, memimpin, mentadbir, mengurus, menjaga kepentingan, menyuruh melakukan kebaikan, menjalankan tugas dan sebagainya³⁷.

السياسة هي القيام على الشيء بما يصله

Maksudnya: *Siāsah* ialah melakukan sesuatu tindakan yang mendatangkan kebaikan.

³⁴ *Op.cit.*, Noresah bt. Baharom (2007), *Kamus Dewan, edisi ke empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1223.

³⁵ *Ibid.*, h.1486.

³⁶ H. Zainal Abidin Ahmad (1977), *Ilmu Politik Islam, Jilid 1*. Jakarta: Bulan Bintang, h. 18.

³⁷ Ibn Manzur (1990), *Lisan al-Arab*, jilid 6. Beirut: Dar al-Fikr, h. 108.

Perkataan *Syar'iyah* pula bermaksud sesuatu yang disandarkan kepada syariah atau syarak, iaitu perkara yang bertepatan dengan kehendak Allah s.w.t.³⁸. Oleh itu, apabila kegiatan *siasah* menepati kehendak syarak, ia disebut *Siasah Syar'iyah*. Contohnya, mengurus secara syarak, mentadbir secara syarak, mendidik secara syarak dan lain-lain lagi. Sebaliknya jika *siasah* atau tindakan yang diambil itu bercanggah pula dengan kehendak syarak, maka ia tidak disebut *Siasah Syar'iyah*.

Politik Islam dikenali sebagai *Siasah Syar'iyah* yang membawa maksud mengurus dan mengendalikan urusan-urusan masyarakat untuk memperbaiki keadaan sesebuah negeri demi menjamin perpaduan dan kepentingan bagi masyarakat itu mengikut syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.³⁹.

Politik Islam atau *Siasah Syar'iyah* adalah berkaitan sesuatu tindakan yang diambil oleh pemimpin atau politikus mengikut *masalah* atau ada kebaikan yang difikirkan perlu dilaksanakan walaupun tindakan itu tidak dinyatakan oleh dalil syarak secara khusus. Politik Islam juga adalah bertujuan memperelokkan dan menjamin keselamatan masyarakat serta rakyat dengan membimbing mereka ke jalan yang selamat di dunia dan akhirat. Takrif ini disandarkan kepada pendapat Ibn 'Aqil seorang tokoh Mazhab Hanbali yang memberikan takrif *Siasah Syar'iyah* sebagai⁴⁰;

³⁸ Ahmad Ibn Muhammad Ibn Ali, al-Fayyumi (t.t), *al-Misbah al-Munir*, Beirut: Maktabah Lubnan, h. 118.

³⁹ Muhamad Taqyir Rahbar (1986), *Sistem Politik Di Dalam Islam*, terj. Ustaz Hassan Salleh, Kuala Lumpur: Pustaka 'Alami, h. 11.

⁴⁰ Abu Abdullah Muhammad Ibn Abi Bakr, Ibn al-Qayyim (1995), *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 11.

السياسة ما كان فعلا يكون معه الناس أقرب الى الصلاح
وأبعد عن الفساد، وإن لم يضعه الرسول ولا نزل به وحي

Maksudnya: *Siasah* ialah apa saja tindakan yang dapat mendekatkan orang ramai kepada kebaikan dan menjauhkan mereka daripada kemusnahan, walaupun perkara itu tidak dinyatakan oleh Rasulullah S.A.W dan tidak dijelaskan oleh wahyu secara langsung.

Politik Islam atau *Siasah Syar'iyah* adalah suatu cara yang bertujuan untuk mencapai kehendak atau *Maqasid Syari'ah* dan mengangkat martabat Islam ke mercu kejayaan⁴¹. Oleh itu, politik Islam berperanan untuk menjamin dan membela kebenaran dan menyekat gejala kezaliman atau ketidakadilan sebagaimana yang dikehendaki dalam pelaksanaan undang-undang Islam⁴². Takrif ini berdasarkan perbincangan Ibn Farhun seorang ulama' Maliki yang mengutarakan tajuk *Siasah* dalam bidang kehakiman iaitu *al-Qada' bi al-Siasah al-Syar'iyah*⁴³.

Politik Islam menurut Ibn Taimiyyah adalah satu kaedah pemerintahan yang berlandaskan prinsip amanah dan keadilan seperti mana yang dinyatakan dalam al-Quran⁴⁴;

⁴¹ Ibrahim Syamsuddin, Ibn Farhun (1301H), *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-Aqdiyah wa al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, juz 2, h. 104.

⁴² Shukeri b. Mohamad (2009), "Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar'iyah Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 Hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan." (Tesis (Ph.D), Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.50.

⁴³ *Ibid.*, h.49.

⁴⁴ Taqiuddin Ibn Ahmad, Ibn al-Taymiyyah (1988), *al-Siyasah al-Syar'iyah fi Islah al-Ra'i wa al-Ra'iyah*, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, h. 4-5.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا



Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

(Surah al-Nisa' (4): 58)

Beliau juga berpendapat politik Islam juga adalah berkaitan segala tindakan pemimpin yang dapat mendekatkan orang yang dipimpin kepada kebaikan dan kebajikan serta menjauhkan mereka daripada kemusnahan dan kerosakan, walaupun perkara itu tidak dinyatakan dan dijelaskan secara langsung melalui al-Quran dan al-Sunnah. Segala kaedah perlu digunakan melalui pendekatan bijaksana untuk menyelesaikan segala masalah masyarakat dan rakyat dengan adil dan diterima oleh syarak.

Politik Islam bukanlah suatu pengurusan dan pentadbiran yang kaku atau statik. Ianya boleh berubah mengikut perubahan masa, tempat dan keperluan. Ia juga melibatkan perkara-perkara yang tidak dijelaskan oleh nas-nas syarak. Oleh itu, politik Islam menerima ruang untuk berijtihad yang luas yang mana menjanjikan dua kebaikan kepada pemerintah atau pemimpin yang mampu berijtihad iaitu sama ada

⁴⁵ Al-Quran, Surah al-Nisa' (4) : 58.

satu pahala jika tersalah, atau dua ganjaran pahala jika tepat dan betul. Ini bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh al-Syaikh Abd al-Wahhab Khallaf yang memberikan maksud *siāsah* sebagai⁴⁶;

تدبير الشؤون العامة للدولة الإسلامية بما يكفل تحقيق المصالح ودفع
المضار مما لا يتعدى حدود الشريعة وأصولها الكلية، وإن لم يتفق
وأقوال الأئمة المجتهدين.

Maksudnya: *Menjalankan pentadbiran awam sebuah negara Islam berdasarkan sesuatu yang menjamin masalah dan mengelakkan keburukan di mana ia tidak terkeluar dari batas-batas syariat dan dasar-dasar umumnya, walaupun perkara itu tidak menepati pendapat para imam mazhab.*

Siasah syar'iyah dalam bidang kehakiman pula, menurut al-Fudi⁴⁷ para pemimpin serta hakim dibenarkan menggunakan kuasa budibicara bagi menyelesaikan masalah rakyat atau sesuatu kes yang memerlukan tindakan tertentu seperti untuk menjaga kemaslahatan masyarakat, menjamin kepentingan awam dan menolak kerosakan dengan membongkar kezaliman. Namun begitu, bagi mengelakkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa perlu ada dua syarat pelaksanaan iaitu darurat atau keadaan kritikal dan dengan tujuan untuk mendaulatkan agama Islam semata-mata, bukannya mengikut hawa nafsu dan syaitan.

Definisi parti politik ialah suatu pertubuhan politik di mana ahlinya mempunyai ideologi serta agendanya yang tersendiri. Matlamat utama ialah untuk

⁴⁶ Abd al-Wahhab Khallaf (1987), *al-Siasah al-Syar'iyah wa Nizam al-Daulah al-Islamiyyah fi al-Syu'un*

al-Dusturiyyah, wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 7.

⁴⁷ Syaikh Abdullah Ibn Muhammad Ibn Fudi (1988), *Diya' al-Siasat wa Fatawa al-Nawazil*, Kaherah: Al-Zahra al-'Ilam al-'Arabiyy, h.75.

membentuk kerajaan, supaya ideologi mereka boleh dijadikan dasar kerajaan dan diamalkan oleh rakyat jelata. Menurut Sigmund Neumann seorang ahli sosiologi dan sains politik Jerman, mendefinisikan parti politik sebagai “organisasi yang melaksanakan aktiviti politik yang bertujuan untuk mendominasi kekuasaan pemerintah serta menarik sokongan masyarakat atas dasar persaingan dengan kelompok yang lain yang memiliki pandangan atau ideologi yang berbeza”. Menurut Carl Joachim Friedrich pula yang berasal dari Jerman, seorang professor Amerika dalam teori politik mendefinisikan parti politik sebagai “organisasi yang dibentuk dengan tujuan merebut atau mempertahankan kekuasaan pimpinan partinya di pemerintahan”. Kedua definisi tersebut memperlihatkan adanya persamaan dalam memahami parti politik, iaitu merebut atau mempertahankan kekuasaan sebagai tujuan utama. Parti politik merupakan media atau alat perebutan kekuasaan⁴⁸.

Parti politik Islam pula bermaksud suatu pertubuhan politik yang menjadikan Islam sebagai dasarnya dan matlamat perjuangannya ialah mempertahankan kesucian Islam dan mewujudkan sebuah negara, masyarakat serta pemerintahan kerajaan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam, hukum-hakam Islam dan membuat program pembangunan negara demi menuju keredhaan Allah dan sehaluan dengan semangat syariah Islam itu sendiri. Di samping ia juga dapat memperkukuhkan lagi kesatuan dalam masyarakat melalui pembentukan mekanisme demokrasi yang disebut dengan parti politik Islam⁴⁹. Mereka yang berjuang dalam parti politik Islam walaupun

⁴⁸ Nina M. Armando (2005), *Ensiklopedi Islam. Ed. baru*, Jakarta : PT. Ichtiar Baru van Hoeve, h. 273-274.

⁴⁹ Lukman Thaib (2000), *Penubuhan Parti Politik Menurut Pandangan Islam, Jurnal Syariah Bil. 2 Jilid. 8*,

terdapat tentangan dan halangan daripada sesiapa juga sama ada bapa-bapa mereka, anak-anak mereka, saudara-saudara mereka, ataupun keluarga mereka, namun mereka meneruskan matlamat perjuangan dan Allah menetapkan iman dalam hati mereka, dan telah menguatkan mereka dengan semangat pertolongan daripadanya⁵⁰.

Satu perkataan atau istilah yang menyamai perkataan ‘parti’ di dalam bahasa Arab moden ialah perkataan ‘*al-Hizb*’. Allah s.w.t menyebutkan di dalam firman-Nya seperti berikut;

لَا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَّ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ وَلَوْ كَانُوا آبَاءَهُمْ أَوْ أَبْنَاءَهُمْ أَوْ إِخْوَانَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ
أُولَئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَأَيَّدَهُم بِرُوحٍ مِّنْهُ وَيُدْخِلُهُمْ
جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا
عَنْهُ أُولَئِكَ حِزْبُ اللَّهِ أَلَا إِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ⁵¹

Maksudnya: *Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak berkasih mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan RasulNya, sekalipun orang-orang yang menentang itu ialah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka, atau saudara-saudara mereka, ataupun keluarga mereka. Mereka (yang setia) itu, Allah telah menetapkan iman dalam hati mereka, dan telah menguatkan mereka dengan semangat pertolongan daripadanya; dan Dia akan memasukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka tetap kekal di dalamnya. Allah redha akan mereka dan mereka redha (serta bersyukur) akan nikmat pemberianNya. Merekalah golongan /*

Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 69-70.

⁵⁰ M. Quraish Shihab (2002), *Tafsir Al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*, Jakarta: Lentera Hati, h.95.

⁵¹ Al-Quran, Surah al-Mujadalah (58): 22.

penyokong-penyokong (agama) Allah. Ketahuilah! Sesungguhnya golongan/penyokong-penyokong (agama) Allah itu ialah orang yang berjaya.

قال سعيد بن أبي سعيد الجرجاني عن بعض مشايخه ، قال داود عليه السلام: إلهي ، من حزبك وحول عرشك ؟ فأوحى الله إليه: " يا داود الغاضة أبصارهم ، النقية قلوبهم ، السليمة أكفهم ، أولئك حزبي وحول عرشي " .

Berkata Sayyid bin Abi Sayyid al-Jarjani daripada sebahagian gurunya; berkata Nabi Daud a.s: “Wahai Tuhanku! Siapakah golongan Engkau dan siapakah orang yang berada di sekitar arasyMu? Maka diwahyukan kepadanya: “Wahai Daud, mereka adalah yang menjaga pandangan mereka, menyucikan hati mereka dan sempurna langkah mereka. Mereka itulah golonganKu dan orang yang berada di sekitar arasyKu⁵².

Menurut M. Quraish Shihab di dalam Tafsir Al-Misbah, beliau menjelaskan perkataan ‘*al-Hizb*’ iaitu golongan yang dimuliakan Allah dan golongan yang sungguh tinggi kedudukan mereka di sisi Allah S.W.T, yang mana mereka itu adalah golongan yang Allah telah menetapkan hati mereka dengan menanamkan dan memantapkan mereka dengan keimanan dalam lubuk hati mereka yang terdalam dan mengukuhkan mereka dengan ruh iaitu cahaya dan pertolongan yang bersumber daripada Allah S.W.T sehingga setiap saat akan menerangi jalan dan meluruskan langkah mereka di dunia ini⁵³.

⁵² *Abi Abdillah Muhammad ibni Ahmad Ibni Abi bakr al-Qurtubiy* (2006), *Tafsir al-Jami’u li ahkam al-Quran*, Beirut: Al-Resalah Publishers, h. 332.

⁵³ *Op.cit.*, M. Quraish Shihab (2002), *Tafsir Al-Misbah*, h.95.

2.2 Perkembangan Parti Politik di Sabah

Setelah Sabah menjadi sebahagian daripada Malaysia, berkuatkuasa mulai 16 September 1963, parti politik yang memerintah negeri Sabah telah silih berganti. Tidak seperti di Semenanjung, di mana UMNO bersama rakan kongsinya yang lain di dalam Barisan Nasional telah dapat mempertahankan kuasa secara terus menerus sejak merdeka, apa yang berlaku di Sabah adalah berbeza⁵⁴.

Pada mulanya sebuah parti *United Pasok Momogun and Kadazan Organisation* (UPKO) gabungan antara Pasok Momogun dengan *United National Kadazan Organisation* (UNKO) yang dipimpin oleh Donald Stephens (nama Islamnya Tun Fuad Stephens) merupakan parti politik yang berpengaruh sejak Ogos 1961 dan membentuk kerajaan Sabah pada tahun 1963-1964 setelah Sabah menjadi sebahagian daripada Malaysia. Tetapi selepas itu, iaitu tahun 1965-1967, kedudukan itu telah diambil alih oleh Sabah Chinese Association (SCA) yang dipimpin oleh Tan Sri Peter Lo Sui Yin⁵⁵.

Pada tahun 1967-1976 kedudukan itu telah diambil alih oleh parti *United Sabah National Organisation* (USNO) yang dipimpin oleh Tun Datu Mustapha bin Datu Harun, USNO pula berkuasa selama 10 tahun. Pada tahun 1976, parti USNO ditumbangkan oleh Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) yang dipimpin

⁵⁴ Chamil Wariya (1992), *Umno Sabah Mencabar Dan Dicabar*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd., h.79.

⁵⁵ Eduardo bin Marusin (2007), "Politik Sabah, 1967-1994 : Suatu Kajian Perbandingan Dasar-Dasar Politik Kerajaan USNO-SCA, BERJAYA dan PBS." (Disertasi M.A, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya), h. 31.

oleh Tun Fuad Stephens, Peter Mojuntin, Datuk Haris Mohd. Salleh dan lain-lain iaitu salah satu parti komponen Barisan Nasional di Sabah. Datuk Haris Mohd. Salleh dipilih menjadi Ketua Menteri Sabah setelah kematian Ketua Menteri Tun Fuad Stephens, serta rakan beliau Peter Mojuntin, Salleh Sulong, Darius Binion, Chang Thian Vun dan enam orang lain dalam nahas kapal terbang di Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah. Peristiwa ini digelar *duoble 6* kerana berlaku pada 6 Jun 1976⁵⁶.

Parti BERJAYA telah muncul dengan rasminya pada 15 Julai 1975. Pada awalnya parti ini diterajui oleh Datuk Harris Mohd. Salleh. Timbalan Presiden ialah datuk Ganie Gilong, Yeo Pao Tzu dan Tuan Hj. Ampong Puyun. Tuan Hj. Mohd. Noor Mansoor sebagai Setiausaha Agung, Joseph Kitingan sebagai Timbalan Setiausaha Agung dan Datuk Peter Mojuntin sebagai Bendahari. Semua pemimpin BERJAYA adalah bekas pemimpin-pemimpin kanan USNO sendiri. Mereka telah keluar dari parti USNO kerana tidak puas hati dan tidak bersefahaman dengan kepimpinan Tun Datu Mustapha⁵⁷.

Kerajaan BERJAYA kemudian diganti oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) mulai tahun 1985-1994 yang dipimpin oleh Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan. Rakyat Sabah telah memberi mandat yang lebih besar kepada PBS untuk memerintah. Dalam pilihanraya negeri yang diadakan pada Mei 1986 iaitu selepas setahun PBS berkuasa, PBS telah berjaya menambah majoritinya daripada 25 kerusi / kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang diperolehi pada pilihanraya April 1985 kepada 35

⁵⁶*Ibid.*, h. 92.

⁵⁷ Ismail Yusoff (2004). *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 118.

kerusi/kawasan DUN. Ia mendapat majoriti dua pertiga yang diperlukan untuk memerintah Sabah dengan selesa tanpa sokongan USNO atau BERJAYA. USNO sendiri mengalami kemerosotan pengaruh apabila kerusi yang dimenangi merosot daripada 16 kepada 12 kerusi sahaja. BERJAYA dalam pilihanraya itu mengalami tamparan hebat yang cuma menang satu kerusi sahaja⁵⁸.

Kemunculan parti-parti politik awal di Sabah seperti UNKO dan USNO adalah berdasarkan kepada perjuangan menjaga kepentingan agama masing-masing. UNKO ditubuhkan untuk memperjuangkan kepentingan penganut Kristian, sementara USNO pula adalah untuk masyarakat Islam. Setelah USNO kalah pada tahun 1986, maka umat Islam di Sabah berpecah. Ada yang masih menyokong USNO, ada yang menyertai BERJAYA, dan ada yang beralih kepada PBS⁵⁹.

Jadual 2.1: Senarai Kerajaan Negeri Sabah Sejak 1963⁶⁰

1963 - 1967 (SCA)	SABAH ALLIANCE (USNO + UPKO + SIC)
1967 – 1975	SABAH ALLIANCE (USNO + SCA)
15 April 1976 - Februari 1981	BERJAYA
	USNO & SCCP (<i>Pembanggang</i>)
28 Mac 1981 - 20 April 1985	BERJAYA
	USNO (<i>Pembanggang</i>)
21 April 1985 - 26 Februari 1986	PARTI BERSATU SABAH (PBS)
	BERJAYA & USNO (<i>Pembanggang</i>)

⁵⁸ *Ibid.*, h. 120.

⁵⁹ Herman J. Luping (1994), *Sabah's Dilemma - The political History of Sabah (1960-1994)*, Petaling Jaya: Fasali Trading Sdn. Bhd., h. 126.

⁶⁰ Kerajaan Negeri Sabah Sejak 1963. <http://www.sabah.gov.my>. 9 Februari 2013.

06 Mei 1986 - 16 Julai 1990	PARTI BERSATU SABAH (PBS)
	USNO (<i>Pembanggang</i>)
18 Februari 1990 - 17 Februari 1994	PARTI BERSATU SABAH (PBS)
	USNO (<i>Pembanggang</i>)
21 Februari 1994 - 16 Mac 1994	PARTI BERSATU SABAH (PBS)
	BARISAN NASIONAL (<i>Pembanggang</i>)
17 Mac 1994 - 13 Mac 1999	BARISAN NASIONAL
	PARTI BERSATU SABAH (PBS) (<i>Pembanggang</i>)
14 Mac 1999 – 2012	BARISAN NASIONAL

2.3 Era Kemunculan Politik Islam di Sabah

Kekalahan parti-parti yang dipimpin orang Islam dan para pemimpin-pemimpin Islam di Sabah pada Mei 1986 adalah satu tamparan kepada seluruh rakyat Sabah dan juga rakyat Malaysia yang beragama Islam. Umat Islam di Sabah baru terasa sekali betapa Islam dihina di negerinya sendiri setelah PBS, parti Kristian berkuasa di Sabah. Penghinaan ini bukan saja dirasakan oleh umat Islam di Sabah tetapi juga di seluruh Malaysia. Walaupun umat Islam pada ketika itu mempunyai kekuatan lebih 52% yang memeluk Islam, namun perpaduan ummah di Sabah adalah lemah. Para pemimpin politik Islam di Sabah iaitu dalam USNO dan BERJAYA telah gagal menjadi wadah menyatupadukan seluruh rakyat beragama Islam untuk membina kekuatan politik, ekonomi, sosial dan pelajaran di Sabah⁶¹.

⁶¹ *Op.cit.*, Yahaya Ismail (1986), *Politik Islam Di Sabah*, h. 111.

Kemerosotan kekuatan Politik Islam di dalam politik Sabah ketika itu, menunjukkan bahawa umat Islam berpecah, bersengketa sama sendiri, caci-mencaci, keji-mengeji dan jatuh-menjatuhkan sama sendiri. Musuh-musuh Islam ketawa, bertepuk tangan melihat golongan Islam di Sabah jatuh-menjatuhkan antara satu sama lain. *Trend* politik Sabah menunjukkan bahawa hanya pemimpin yang dinamis, karismatik dan tegas sahaja yang dapat mengemblengkan kekuatan dan sokongan rakyat. Tetapi karisma dan dinamisma sahaja tidak mencukupi. Tanpa berpegang kuat pada ajaran agama, seseorang tokoh politik boleh melupai tanggungjawab kepada rakyat dan ummah hingga ia menjadi rakus untuk berkuasa.

Hanya di awal merdeka dalam Malaysia hingga timbulnya kerajaan PBS pada April 1985, selain itu Sabah adalah dikuasai dan dipimpin oleh tokoh-tokoh politik beragama Islam. Dengan kata lain, tradisi kepimpinan Islam dan penerimaan Islam sudah ada di Sabah. Masyarakat Islam di Sabah menghadapi krisis politik yang cukup berat setelah PBS berkuasa. Dalam masa yang singkat sahaja PBS sudah menampakkan tembelangnya iaitu permusuhannya terhadap Islam, dakwah Islamiyyah, anti Persekutuan dan anti Melayu.

Kekalahan golongan Islam di Sabah pada tahun 1985 adalah disebabkan tidak ada persefahaman antara sesama Muslim. Tidak ada kerjasama yang erat berdasarkan kemurnian agama sebagai landasan perjuangan politik. Konflik yang ditimbulkan antara para pemimpin ialah untuk melemahkan kekuatan politik masing-masing.

Akibatnya lebih dari 52% umat Islam di Sabah hidup menderita tanpa menguasai politik dan ekonomi negeri⁶².

Setelah umat Islam hilang kuasa politik di Sabah, para pemimpin dan penganut Islam di Sabah telah mendapat kesedaran dan bersatu mengemblengkan tenaga seluruh kekuatan umat Islam untuk memulihkan semula maruah para pemimpin, maruah bangsa dan maruah agama Islam dan mereka bertindak segera dan secara bijaksana untuk menebus kembali kekalahan Islam itu. Setiap pemimpin Islam telah sedar bahawa mereka akan menjadi pejuang yang sejati dan dihormati ramai sekiranya mereka jujur, amanah dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan rakyat.

2.4 Perkembangan Politik Islam di Sabah

Bermula tahun 1986, perkembangan politik Islam dan kesedaran politik di Sabah telah meningkat apabila UMNO mengumumkan keputusannya untuk mengembangkan sayap ke Sabah pada 18 Disember 1986, namun gagal setelah UMNO tidak membuat rundingan awal dengan Tun Datu Mustapha daripada USNO. Beliau tidak begitu ghairah untuk menyokong kemasukan UMNO ke Sabah waktu itu kerana percaya USNO akan dibubarkan dengan kemasukan UMNO ke Sabah. Akhirnya UMNO dapat bertapak di Sabah pada 21 Februari 1991 secara rasminya ekoran PBS keluar BN pada 15 Oktober 1990 lima hari menjelang pilihanraya umum pada 20 Oktober 1990. Mengembangkan sayap UMNO ke Sabah dilihat sebagai salah satu cara untuk mengajar PBS dan Datuk Joseph Pairin kerana melakukan

⁶²*Ibid.*, hh. 110-114.

pengkhianatan terhadap umat Islam dan menikam BN dari belakang. PBS percaya jika UMNO ke Sabah akan mengancam kepentingan mereka dan akan meniupkan semangat kesedaran politik Islam kepada rakyat Sabah.

2.5 Perjuangan Politik Islam di Sabah

PAS memainkan peranan yang penting untuk memperjuangkan nasib masyarakat Islam di Sabah dalam semua bidang seperti politik, ekonomi, dakwah, sosial dan pendidikan. PAS juga telah bekerjasama dengan berbagai badan amal Islam untuk mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat Sabah. PAS mengembangkan sayapnya ke Sabah adalah ekoran kemenangan besar PBS pada pilihanraya negeri pada 6 Mei 1986 serta sikap dingin UMNO membela masyarakat Islam di Sabah⁶³. PBS memperolehi 34 kerusi daripada 48 kerusi, USNO 12 dan BERJAYA satu kerusi dan Sabah Chinese Party (SCP) satu kerusi, calon SCP yang memenangi kerusi Sri Tanjung telah melompat ke PBS menjadikan kerusi PBS sebanyak 35 kerusi⁶⁴.

Perkembangan PAS di Sabah amat baik sekali sejak penubuhannya pada tahun 1986. Sambutan masyarakat tempatan terhadap program-program dan aktiviti-aktiviti PAS seperti ceramah-ceramah dan Pusat-Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) amat memberansangkan sekali. PAS telah berkembang dengan pesat dan kini telah bertapak

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ Khusairie Talib (1991), *PBS Keluar Membela Maruah*, Kota Kinabalu : Goldana Corporation Sdn. Bhd., h. 11.

di pedalaman Sabah seperti di Kalabakan, Keningau dan Kinabatangan⁶⁵. PAS telah menyertai pilihanraya Sabah buat pertama kalinya pada 3 Ogos 1986, pilihanraya umum Malaysia bagi memilih Ahli Dewan Rakyat (Ahli Parlimen). PAS telah meletak tiga orang calon bertanding di tiga kerusi Parlimen dan tidak meletakkan calon bagi Dewan Undangan Negeri pada tahun tersebut⁶⁶. Keputusannya adalah seperti berikut;

Jadual 2.2 : Keputusan Pilihan Raya Bahagian P.136 Kota Belud Tahun 1986

Nama Calon	Parti	Undi	%	Keputusan
MAIDOM PANSAI	BN	8,155	49.75	MENANG
YAPIN GIMPOTON	BERJAYA	4,384	26.75	
JAMLIDI BIN OLEH	PAS	3,629	22.14	
ASMARA BIN HAJI MOHD BILIN	BEBAS	223	1.36	HD

(Sumber Jadual : Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia)

Jadual 2.3 : Keputusan Pilihan Raya Bahagian P.139 Jambongan Tahun 1986

Nama Calon	Parti	Undi	%	Keputusan
METAH BIN ASANG @ MICHAEL ASANG	BN	7,495	73.11	MNG
HAMZAH HAJI ABDULLAH	PAS	2,757	26.89	

(Sumber Jadual : Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia)

Jadual 2.4 : Keputusan Pilihan Raya Bahagian P.147 Kimanis Tahun 1986

Nama Calon	Parti	Undi	%	Keputusan
NURNIKMAN BIN ABDULLAH	BN	5,603	61.58	MNG
PG ALI UDDIN	PAS	1,960	21.54	
SEBASTIAN DIRIH ANJIM	BERJAYA	1,535	16.87	

(Sumber Jadual : Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia)

⁶⁵ Sejarah Penubuhan PAS Sabah. <http://pasabah.tripod.com/sejarah.html>. 17 Oktober 2011.

⁶⁶ Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen Negeri Sabah Bagi Tahun 1986. http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 27 Januari 2012.

Daerah Tawau adalah tapak baru bagi PAS Sabah apabila mula meletakkan calonnya untuk bertanding dalam Pilihanraya Umum tahun 1990. PAS Sabah hanya meletakkan seorang calon tunggal pada Pilihanraya Umum (PRU Ke-8) tahun 1990 iaitu saudara Mohamed bin Husain bertanding di Kawasan Parlimen P.151-Tawau, namun beliau dikalahkan oleh calon PBS iaitu Yee Lung Fook @ Geossrey yang mendapat sebanyak 11,595 undi. Beliau hilang wang deposit kerana hanya mendapat 426 undi. PAS Sabah tidak meletakkan seorang pun calon dalam pilihanraya bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada ketika itu. Calon PAS berhadapan pertandingan 6 penjurur antara calon daripada PBS, DAP dan 3 calon Bebas⁶⁷.

Seterusnya politik Islam terus berkembang, pada Pilihanraya Umum (PRU Ke-9) tahun 1995, PAS Sabah sekali lagi meletakkan seorang calon tunggal untuk bertanding dalam pilihanraya P.165-Tawau, namun tewas. Calon PAS iaitu Tuan Hj. Mohamed bin Tingka telah dikalahkan oleh calon daripada BN iaitu Chua Son Bui. Beliau hanya sekadar mendapat 825 undi berbanding calon BN sebanyak 20,168 undi, sekaligus hilang wang deposit. Calon PAS ditentang dalam 5 penjurur antara calon BN, PBS, DAP dan calon Bebas.

Analisis apa yang tersirat ialah undi PAS meningkat hampir 100% berbanding tahun 1990. Ini menunjukkan bahawa walaupun PAS kalah dalam pilihanraya tetapi PAS terus berkembang sebagai sebuah parti politik Islam dan daerah Tawau kekal sebagai 'tapak semaian' politik Islam yang subur bagi PAS di Sabah.

⁶⁷ Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen Negeri Sabah Bagi Tahun 1990.
http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 2 November 2011.

Perkembangan politik Islam pada tahun 1999, Pilihanraya Umum (PRU Ke-10) telah mencatatkan sejarah bagi PAS Sabah kerana mampu berkembang ke daerah-daerah lain di Sabah. PAS telah meletakkan calonnya di dua kawasan iaitu P.150-Gaya dan P.148-Kota Belud iaitu saudara Hamzah Hj. Abdullah dan Dr. Datu' Bandira bin Datu' Alang. Namun mereka gagal memenangi kerusi tersebut. Mereka telah kalah ditangan calon BN iaitu Datuk Yong Teck Lee dan Datuk Salleh Said. Saudara Hamzah Hj. Abdullah mendapat 729 undi dan Dr. Datu' Bandira bin Datu' Alang mendapat 1,515 undi. Manakala calon BN jauh meninggalkan mereka dari segi undi.

PAS Sabah bersyukur atas penerimaan rakyat Sabah terhadap politik Islam, walaupun dalam tempoh 13 tahun perjuangan untuk mengembangkan politik Islam dari tahun 1987-1999 hanya 3 daerah yang ghairah menerimanya iaitu Daerah Tawau, Kota Kinabalu (Gaya) dan Kota Belud.

Pada tahun 2004, PAS Sabah telah berkembang dengan pesat dengan mengembangkan sayapnya ke daerah pedalaman dan pulau-pulau di Sabah seperti Pulau Sebatik, Kalabakan, Kinabatangan dan Libaran. Selain itu, PAS terus mengukuhkan tapaknya di Daerah Tawau, Kota Kinabalu dan Kota Belud⁶⁸.

Perkembangan politik Islam ini banyak dibantu oleh tenaga para guru-guru dan ustaz-ustaz daripada Semenanjung yang dihantar bertugas di Sabah. Mereka dikatakan dipindahkan ke Sabah atas sebab penentangan mereka kepada kerajaan BN di

⁶⁸ *Op.cit.*, Sejarah Penubuhan PAS Sabah. <http://passabah.tripod.com/sejarah.html>. 17 Oktober 2011.

Semenanjung Malaysia seperti Kelantan, Kedah dan Terengganu. Namun mereka dapat meneruskan usaha mengembangkan PAS dan politik Islam di Sabah pula. Ibarat pepatah; ‘benih yang baik, bila dibuang ke laut menjadi pulau’.

Pada Pilihanraya Umum (PRU Ke-11), PAS telah bertanding di enam kawasan DUN seperti Tempasuk dan Usukan, (di daerah Kota Belud), Sungai Sibuga (dalam Parlimen Libaran, Sandakan), Sukau (di daerah Kinabatangan, Sandakan), Merotai dan Sebatik dalam Parlimen Kalabakan (di Daerah Tawau). Namun, calon-calon PAS tetap belum menang mengalahkan calon-calon BN yang diterima baik oleh rakyat Sabah.

Pada tahun 2008, PAS tidak meletakkan ramai calonnya dalam Pilihanraya Umum (PRU Ke-12). PAS hanya meletakkan calonnya di dua kawasan sahaja iaitu DUN Merotai dan DUN Sukau. Ini kerana memberi laluan Parti Keadilan Rakyat (PKR) bertanding di banyak kawasan di Sabah. PAS Sabah mengambil kesempatan ini mengatur perancangan, mengumpulkan tenaga dan wang ringgit demi usaha untuk menarik sokongan rakyat Sabah kepada politik Islam dan dakwah. Bak kata pepatah; ‘setelah kapak itu lama digunakan memotong kayu ianya tumpul, perlu ada masa mengasah kapak untuk digunakan di masa depan’.

2.6 Latar Belakang Sejarah Penubuhan PAS Sabah⁶⁹

PAS Sabah telah ditubuh dengan rasminya pada 19 Mei 1986 dan majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Yang DiPertua PAS / Presiden pada ketika itu iaitu Tuan Hj. Yusof Rawa bertempat di Dewan Mesyuarat, Kinabalu International Hotel (sekarang Hyatt Internasional Hotel).

Cadangan awal untuk PAS mengembangkan sayapnya ke Sabah telah lama dibangkitkan dalam Perhimpunan Agung / Muktamar PAS Pusat. Namun cadangan tersebut tidak disusuli dengan tindakan bagi merealisasikannya. Namun pada awal tahun 1986, satu perbincangan yang diadakan di antara Saudara Hamzah Hj. Abdullah dengan Ustaz Nakhaie Hj. Ahmad melalui telefon telah disusuli dengan perjumpaan bagi mengatur tarikh pelancaran PAS Sabah. Natijahnya ialah satu tarikh telah ditetapkan bagi memenuhi maksud tersebut. Maka pada 19 Mei 1986, PAS Sabah telah ditubuh dengan rasminya dan majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Yang DiPertua PAS / Presiden pada ketika itu iaitu Tuan Hj. Yusof Rawa.

Pelancaran PAS Sabah dihadiri oleh kira-kira 100 orang peserta. Yang DiPertua PAS, Ustaz Hj. Yusof Rawa, Naib Yang DiPertua PAS, Ust. Nakhaie Ahmad dan Hj. Malik Husein adalah pemimpin PAS Pusat yang datang untuk merasmikan dan menghadiri mesyuarat penubuhan PAS Sabah. Majlis telah diisi dengan ceramah oleh pemimpin berkenaan serta pemilihan AJK PAS Sabah.

⁶⁹ Perhubungan PAS Negeri Sabah. <http://pasabah.wordpress.com/about/>. 17 Oktober 2011.

Berhubung cadangan penubuhan PAS Sabah, En. Jamaluddin Ismail dari Beaufort telah bangun untuk mencadangkan usaha baik PAS bagi mengembangkan sayapnya ke Sabah. Cadangan Encik Jamaluddin ini telah disokong oleh Tuan Hj. Ismail Hj. Wahab. Oleh yang demikian, maka tertubuhlah Parti Islam SeMalaysia (PAS) di Sabah atas kehendak dan permintaan masyarakat Islam di Sabah. Walaupun mesyuarat diadakan di dalam bulan Ramadhan, namun atas kegigihan para penyokong dan ahli-ahli PAS, mereka telah dapat menghadirkan diri bagi memastikan kejayaan penubuhan PAS Sabah.

Suasana pemilihan AJK PAS Sabah diadakan dalam keadaan baik serta teratur. Di akhir mesyuarat tersebut, satu sidang akhbar telah diadakan yang dihadiri oleh pemberita-pemberita dari pelbagai akhbar tempatan dan nasional. Senarai Ahli Jawatankuasa PAS Negeri Sabah di peringkat awal penubuhannya diwar-warkan kepada umum.

Pesuruhjaya PAS Sabah yang pertama ialah Hamzah Hj. Abdullah⁷⁰, manakala Timbalan Pesuruhjaya PAS Sabah disandang oleh Ishak Shafei, HabibAbdul Rahman Habib Alawi dan Hj. Ismail Hj. Wahab. Setiausaha pada ketika itu ialah Cikgu Alias Tijad, Bendahari (kosong), Ahli Jawatan Kuasa (AJK) yang dilantik iaitu Amir Kamsa (Sandakan), Zaaba Ismail (Kota Kinabalu), Hashim Abbas (Beaufort), Jain Bidin (Beaufort) dan Jamaluddin Ismail (Beaufort). Ketua Dewan Pemuda PAS Sabah pula dicadangkan disandang oleh Hussain Qasau.

⁷⁰ *Ibid.*

Mesyuarat pertama Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan PAS Sabah telah diadakan bertempat di No.3, Flat C, Maktab Perguruan Gaya, Kota Kinabalu. Mesyuarat bermula jam 8.00 malam pada 11 Julai 1986. Agenda besar pada ketika itu ialah membentuk Dewan Pemuda PAS Sabah. Permohonan untuk menubuhkan Dewan Pemuda PAS Negeri Sabah telah diluluskan oleh pihak Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 24 September 1986. Nombor sijil pendaftaran bagi DPP Negeri Sabah ialah: PPM/SB-26/52-3319/(2). Mukhtamar Penubuhan Dewan Pemuda PAS Negeri Sabah telah diadakan pada hari Ahad, 13 November 1988 jam 4 petang di Pusat Tarbiyyah Islamiah Sabah, Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah. Setiausaha Dewan Pemuda PAS Negeri Sabah yang pertama ialah Saudara Tri Sukma Arshad⁷¹.

Tuan Guru Abdul Hadi Awang, iaitu Presiden PAS sekarang dan Tuan Hj. Subky Latif adalah dua tokoh PAS yang telah menyumbang banyak tenaga dalam membimbing PAS Sabah diperingkat awal. Perkembangan PAS di Sabah amat positif sekali sejak penubuhannya pada tahun 1986. Sambutan masyarakat terhadap program dan aktiviti PAS amat baik sekali. PAS di bawah kepimpinan almarhum Dr. Datu' Bandira telah berjaya memecahkan tembok masyarakat dengan PAS.

2.7 Tujuan Penubuhan PAS di Sabah

Tujuan atau matlamat perjuangan PAS di Sabah adalah sama apa yang diperjuangkan di Semenanjung Malaysia iaitu memperjuangkan wujudnya di dalam negara Malaysia sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya

⁷¹ *Ibid.*

nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah serta mempertahankan kesucian Islam, juga kemerdekaan dan kedaulatan negara⁷². Bagi mencapai tujuan atau matlamat perjuangannya, usaha-usaha yang dilakukan oleh PAS di Sabah termasuklah⁷³:

1. Menyeru umat manusia kepada syariat Allah dan sunnah Rasulullah melalui dakwah, sama ada secara lisan, tulisan mahupun amalan.
2. Memperjuangkan Islam sebagai akidah dan syariah serta menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan bernegara serta memperkenalkan nilai-nilai kelslaman dalam usaha menegakkan keadilan dan kemajuan di segenap bidang termasuk pemerintahan dan pentadbiran, ekonomi dan sosial serta pelajaran dan pendidikan.
3. Memupuk dan memperkuat ukhwah Islamiah dan menyuburkan rasa perpaduan di kalangan rakyat bagi memelihara kehidupan politik dan masyarakat yang sihat dan berkebakikan.
4. Mengajak dan menggalakkan badan-badan, pertubuhan-pertubuhan dan orang-orang perseorangan bagi mengenali dan memahami serta memperjuangkan konsep dan pandangan hidup Islam.
5. Menyediakan rencana-rencana dan bertindak bagi memperbaiki susunan serta institusi-institusi masyarakat, bentuk politik, keadilan ekonomi dan negara untuk membela kepentingan umat Islam dan rakyat seluruhnya.

⁷² Perlembagaan PAS. <http://perlembagaan-pas.blogspot.com/2009/05/bab-yang-ketiga-tujuan-usaha-hukum-dan.html>. 26 Januari 2012.

⁷³ Perlembagaan PAS: Bab Yang Ketiga: Fasal 6. Usaha-Usaha. <http://perlembagaan-pas.blogspot.com>. 26 Januari 2012.

6. Menyertai dan bekerjasama dengan badan-badan, persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang tidak berlawanan tujuannya dengan PAS bilamana dan selama ia mustahak dan sesuai serta tidak bercanggah dengan undang-undang negara.
7. Mempertahankan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara yang tunggal dalam amalannya disamping berusaha mengembangkan bahasa al-Quran.
8. Memperjuangkan wujudnya kebudayaan negara berasaskan nilai-nilai yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam.
9. Memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam di negara ini tanpa mengabaikan tanggungjawab melaksanakan keadilan terhadap seluruh rakyat Malaysia dan tanggungjawab mewujudkan keharmonian antara kaum di dalam negara ini.
10. Menyertai dan bekerjasama dengan Bangsa-Bangsa Bersatu serta badan-badan lain yang sah bagi mengekalkan keamanan dan menjamin hak-hak asasi manusia serta menghapuskan segala macam kezaliman, kepalsuan, perhambaan dan penindasan di kalangan umat manusia.
11. Melakukan apa-apa juga usaha dan tindakan dalam batas-batas Perlembagaan dan undang-undang negara bagi mencapai semua tujuan-tujuan PAS ke dalam dan ke luar.

2.8 Dasar Penubuhan PAS

Dasar yang diperjuangkan oleh PAS ialah Islam dengan seruannya ialah Allahu Akbar⁷⁴. Hukum tertinggi sekali dalam pegangan PAS ialah Kitabullah (al-Quran) dan Sunnah Rasul serta Ijmak dan Qias yang terang dan nyata. Dasar ini jelas menunjukkan matlamat perjuangannya yang ingin menubuhkan sebuah pemerintahan yang berlandaskan Islam di Malaysia. Negara yang ingin ditubuhkan itu adalah menjalankan undang-undang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Manakala hukum mewujudkan pemerintahan ini adalah wajib pada hukum syarak.

Dasar Islam ini bukanlah suatu perkara yang mudah untuk diterima oleh masyarakat termasuklah mereka yang beragama Islam. Hal ini disebabkan sudah beratus tahun Islam yang dianuti di Malaysia diterima sebagai satu ibadah khusus sahaja seperti solat dan puasa. Manakala Islam sebagai *al-Din*, satu cara hidup yang lengkap, kemas dan teratur masih lagi belum difahami sepenuhnya oleh penganut Islam itu sendiri.

Di samping ketidakfahaman tersebut, para pemimpin umat Islam di Malaysia juga menekankan konsep tidak boleh mencapuk-adukkan agama dengan politik. Hal ini disebabkan di dalam diri mereka telah disemai pemahaman bahawa politik itu kotor dan penuh dengan tipu daya sedangkan agama Islam itu suci yang mana akan terjejas kesuciannya jika dicampur-adukkan dengan hal ehwal politik. Sementara itu

⁷⁴ *Op.cit.*, Azhar Jaafar (2001), h.67.

bagi PAS pula, agama adalah merangkumi seluruh penghayatan atau ruang lingkup kehidupan manusia yang tidak terlepas sedikit pun dari persoalan agama termasuklah berpolitik.

Dasar pemerintahan Islam adalah merujuk Pemerintahan Rasulullah s.a.w di Kota Madinah, sistem pemerintahan *Khulafa' al-Rasyidin* dan zaman kegemilangan Islam dahulu yang mana Islam dapat diamalkan keseluruhannya bermula soal-soal *Toharah* sehinggalah bab jihad dan pemerintahan bernegara.

2.9 Matlamat Perjuangan PAS

Matlamat perjuangan PAS adalah untuk menegakkan sebuah Negara Islam yang baik serta berkeadilan yang diredhai dan mendapat keampunan Allah s.w.t yang menjalankan sistem pemerintahannya dengan cabang-cabang kekuasaannya dari segi eksekutif, kehakiman dan perundangan yang berlandaskan Islam. Islam ini akan memandu sistem ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya melalui landasan taqwa. Barisan pemerintahannya pula hendaklah terdiri daripada orang-orang yang beriman dan taat kepada Allah s.w.t serta rasul-Nya⁷⁵.

Menurut Dato' Haji Harun bin Taib⁷⁶, Ketua Dewan Ulamak PAS Pusat, dasar dan matlamat perjuangan PAS ialah memperjuangkan agar Islam menjadi aqidah negara Malaysia, sama ada dari sudut pentadbirannya atau kehakimannya dan lain-

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ Dewan Ulamak PAS Pusat. <http://ulamak.pas.org.my>. 19 Oktober 2011.

lain. Pendek kata, apa yang terkandung di dalam dua kalimah syahadah iaitu tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, Nabi Muhammad s.a.w pesuruh Allah itu hendaklah terlaksana dalam kehidupan individu, masyarakat dan negara.

PAS merupakan sebuah parti Islam yang tidak berfahaman kebangsaan atau nasionalisma. Dalam erti kata yang lain, PAS bukanlah parti untuk orang melayu sahaja. Perkara ini terkandung di dalam Buku Perlembagaan PAS, Fasal 11 mengenai syarat-syarat menjadi ahli PAS:

1. Warganegara Malaysia.
2. Beragama Islam.
3. 'Aqil Baligh menurut Hukum Syara'.
4. Mengaku menerima serta taat kepada Perlembagaan PAS, peraturan, arahan-arahan dan keputusan-keputusan parti dari masa ke semasa.
5. Seorang pelajar Universiti atau Kolej Universiti tidak boleh menjadi ahli tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Naib Canselor / Rektor Universiti berkenaan⁷⁷.

Ini bermaksud untuk menjadi ahli PAS tidak perlu mengira bangsa, keturunan atau warna kulit asal saja seseorang itu Islam, rakyat Malaysia, berakal serta taat. Di dalam konteks ini juga PAS bukanlah sebuah parti perkauman dan berfahaman sempit tetapi merupakan sebuah parti yang bercita-cita besar untuk memperjuangkan Islam agar dapat memerintah Malaysia.

⁷⁷ Perlembagaan PAS. <http://perlembagaan-pas.blogspot.com/2009/05/bab-yang-keempat-darihal-ahli-ahli.html>. 19 Oktober 2011.

2.10 Perkembangan Parti Islam SeMalaysia (PAS)⁷⁸

Dalam konteks PAS di Sabah, untuk melihat masa depan perjuangan Islam melalui politik maka sudah tentulah tidak dapat tidak harus disorot dari segi sejarah Politik PAS di Semenanjung. Ini kerana sejarah sudah tentu menjadi cermin kepada masa yang akan mendatang. PAS yang berada di bumi Sabah adalah cerminan PAS di semenanjung Malaysia dan memang parti ini berasal dari sana yang dibawa dan dikembangkan oleh aktivis-aktivis PAS yang memperjuangkan Islam di bumi Sabah. Dalam memperkatakan mengenai sejarah perjuangan Politik Islam di Sabah, maka tidak sempurna jika sejarah PAS secara umum tidak diperkatakan di dalam tulisan ini.

Pada peringkat awal penubuhannya, PAS dilihat sebagai sebuah parti Melayu yang memperjuangkan hal-ehwal Islam melebihi dari apa yang dilaksanakan oleh UMNO. Didokongi oleh para ilmuan agama, PAS adalah parti yang menjadi pilihan bagi orang-orang Melayu yang berpendidikan agama. Pun begitu setelah berlakunya Tragedi 13 Mei 1969, PAS telah menerima cadangan UMNO untuk bergabung di dalam perikatan yang baru yang dinamakan sebagai Barisan Nasional (BN). PAS adalah di antara parti pengasas BN. Penglibatan PAS di dalam BN berakhir dengan krisis darurat di Kelantan pada 1978. Akhirnya PAS mengambil keputusan untuk keluar dari BN. Para penyokong PAS menganggap bahawa UMNO telah mengkhianati mereka. Para penyokong UMNO pula berpendapat PAS telah tidak patuh pada ketetapan BN. Pun begitu, krisis dalaman PAS telah membawa kepada perpecahan PAS pada beberapa parti serpihan seperti Berjasa dan Hamim.

⁷⁸ Parti Islam SeMalaysia (PAS). <http://www.pas.org.my/> 4 Oktober 2011.

Sebenarnya, kemunculan PAS dalam sejarah politik tanah air telah bermula semenjak 23 Ogos 1951 apabila Jawatan Kuasa Tertinggi UMNO dalam mesyuaratnya pada 30 Jun 1951 memutuskan bahawa UMNO (Jabatan Agama UMNO) akan mengadakan Kongres Alim Ulama 'Pan Malaya' pada 23 Ogos 1951. Para ulamak di dalam UMNO mengadakan Kongres Alim Ulamak 'Pan Malaya' yang bersidang di Kelab Sultan Sulaiman Kampung Baru, Kuala Lumpur bersetuju menubuhkan sebuah persatuan alim ulamak yang bebas yang tidak terikat secara langsung dengan UMNO yang dinamakan Persatuan Ulamak-Ulamak Se-Tanah Malayu. Nama persatuan ini kemudiannya diubah menjadi Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) pada 24 November 1951 yang dicadangkan oleh Muhammad Ma'sum dari Jamaah Masjid Telaga Air, Butterworth dalam satu Kongres Persatuan Ulamak-Ulamak Se-Tanah Malayu yang ketiga telah diadakan di Kelab Melayu Bagan Tuan Kecil (Butterworth), Seberang Perai. Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan telah dilantik sebagai Yang Di Pertua (YDP) setelah berlakunya pertandingan antara beliau dengan Tuan Syeikh Haji Abdullah Fahim⁷⁹.

PAS telah didaftarkan sebagai parti politik oleh pihak Pendaftar Pertubuhan sebagai 'Pan Malayan Islam Party' (PMIP) pada 15 Jun 1955, sehari sebelum hari penamaan calon Pilihanraya Pertama Persekutuan yang diadakan pada 27 Julai 1955. Nama Persatuan Islam Se-Malaya telah dipinda dalam persidangan atau kongres parti yang diadakan pada 25-27 Disember 1958 kepada nama Persatuan Islam Se-Tanah Malayu (Pan-Malay Land Islamic Union). Manakala dalam kongres PAS yang ke-17 yang diadakan pada 22 Jun 1971, nama Persatuan Islam Se-Tanah Melayu telah

⁷⁹ *Ibid.*

ditukarkan kepada Parti Islam SeMalaysia (PAS) yang diterima pakai sehingga ke hari ini. Sebutan nama PAS adalah berdasarkan susunan huruf jawi iaitu P untuk (پ) Pa iaitu Parti, A untuk (ا) Alif iaitu Islam dan S untuk (س) Sin iaitu SeMalaysia⁸⁰.

Sepanjang tempoh 60 tahun iaitu 1951-2011, PAS telah dipimpin oleh tujuh orang Yang Dipertua Agung / Presiden iaitu Tuan Guru Haji Ahmad Fuad Hassan (1951-1953), Dr. Haji Abbas Alias (1953-1956), Profesor Dr. Burhanuddin al-Helmy (1956-1969), Datuk Mohd Asri Muda (1969-1982), Tuan Haji Yusof Rawa (1982-1988), Dato' Fadzil Mohd Noor (1988-2002) dan Datuk Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (2002 hingga sekarang).

Para pengkaji yang menganalisis perkembangan PAS ini mengatakan PAS telah mengalami empat jenis kepemimpinan iaitu kepemimpinan ulamak tradisi (1951-1956), kepemimpinan nasionalis kiri (1956-1969), kepemimpinan nasionalis kanan (1969-1982) dan kepemimpinan ulamak haraki (1982-sekarang)⁸¹. Dalam pada itu juga, mereka mengatakan PAS telah melalui empat tahap perkembangan iaitu tahap kemunculan (1951-1959), tahap kebangkitan (1959-1973), tahap kemuncak (1973-1977), tahap kejatuhan (1977-1990) dan tahap kebangkitan semula (1990-sekarang)⁸². Dari sudut pembinaan ideologi perjuangan PAS, dikatakan berlaku tiga fasa iaitu fasa penubuhan dan pembentukan ideologi (1951-1958), fasa pencernaan ideologi (1958-1982) dan fasa pengukuhan ideologi (1982-1995)⁸³.

⁸⁰ Parti Islam SeMalaysia (PAS). <http://www.pas.org.my/> 5 Oktober 2011.

⁸¹ Mohd Fadli Ghani (2003), Dewan Pemuda PAS: Suatu Kajian Terhadap Tahap-tahap Perkembangan Organisasi Dalam Era Bertindak, 1975-2003, Tesis Sarjana Sastera, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi UKM, h. 27.

⁸² Wan Abdul Rahman Latif (1992), Parti-parti Politik di Malaysia: Asas Perjuangan dan Penerimaan Masyarakat, dalam Dunia Islam, Feb., h.35.

⁸³ Zambry Abd Kadir (1995), Religion and Politics: The Search for Political Legitimacy of The Pan-Islamic Party of Malaysia, Tesis PhD, Temple University, h. 25-28.

BAB 3

Parti Islam SeMalaysia di Daerah Tawau

3.1 Latar Belakang Daerah Tawau

Tawau⁸⁴ (Jawi: تڤاو) merupakan nama sebuah bahagian, daerah dan juga bandar di Sabah. Tawau kini merupakan bandar ketiga terbesar di Sabah selepas Kota Kinabalu dan Sandakan. Bandar ini dihubungkan dengan Kota Kinabalu melalui jalan raya sejauh 500 km, laluan udara melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Tawau dan laut melalui Pelabuhan Tawau.

Daerah Tawau meliputi kawasan seluas 6,125 km persegi atau 612,506 hektar. Ia berkongsi sempadan dengan Kalimantan, Indonesia di selatan serta dikelilingi Laut Sulu di timur dan Laut Sulawesi di selatan. Kedudukan Tawau terletak di garisan bujur 117' ke Timur dan 4' 30' di garisan Lintang ke Utara.

Penduduk Daerah Tawau terdiri daripada berbagai suku kaum seperti Melayu, Cina, Bugis, Suluk, Tidung, Bajau, Bolongan, Banjar, Butun, Kadazan, Arab, India, Murut, Orang Sungai, Ida'an, Jawa dan sebagainya.

Daerah Tawau yang bermula daripada sebuah perkampungan nelayan dengan hanya kira-kira 200 orang penghuni dalam tahun 1892 dan dalam tahun 1931 jumlah

⁸⁴ Sejarah Penduduk Tawau. <http://www.mpt.sabah.gov.my/Tawau.html>. 26 Januari 2012.

tersebut menjadi 1840 orang. Jumlah ini meningkat lagi menjadi 14,282 orang dalam tahun 1951, pada tahun 2000, populasi Tawau dianggarkan berjumlah kira-kira 304,888 orang penduduk, statistik tahun 2010 pula menunjukkan populasi penduduk Tawau dianggarkan berjumlah kira-kira sebanyak 381, 376 orang⁸⁵.

Tawau secara ringkas mendapat julukan sebagai ' Bumi Peladang '. Ini kerana sebahagian besar muka buminya kini adalah kawasan perladangan. Dahulu ketika awal kewujudan Tawau ketika zaman pemerintahan British iaitu sebelum era kemerdekaan, kawasan Tawau dipenuhi dengan ladang kelapa (kopra), getah dan pisang lanut (abaka), kini wajah Tawau sudah berubah wajah dengan pokok-pokok kelapa sawit yang terbentang luas jika dilihat dari atas muka bumi dan sebahagian kecilnya masih ditanam dengan tanaman koko yang dahulunya juga pernah menjadi identiti daerah Tawau. Sebahagian besar ladang-ladang kelapa sawit ini adalah dimiliki Sime Darby Corporation, Sabah Softwood Sdn Bhd dan Borneo Samudera (Sawit) Sdn Bhd.

3.2 Pembahagian Kawasan Pilihanraya

Tawau mempunyai 10 mukim dan 81 kampung yang terhimpun dalam dua kawasan parlimen dan enam Dewan Undangan Negeri (DUN). Parlimen Tawau mengandungi DUN Sri Tanjung, Apas dan Balung sementara Parlimen Kalabakan mengandungi Merotai, Tanjung Batu dan Sebatik⁸⁶. Dahulunya ia terkandung dalam satu kawasan parlimen dengan empat kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri

⁸⁵ Buku Tahunan Perangkaan Malaysia (2010), Jabatan Perangkaan Malaysia.
<http://www.statistics.gov.my/portal>. 27 Januari 2012.

⁸⁶ Profile Tawau. <http://www.mpt.sabah.gov.my/geografi.html>. 22 September 2011.

Sabah iaitu Balung, Merotai, Sri Tanjung dan Kalabakan. Wakil rakyat bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Sabah di daerah Tawau seperti di Jadual 3.

Jadual 3.1 : Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah di Daerah Tawau

N.55	Balung	S.Abas S.Ali	 BN
N.56	Apas	Tawfiq Abu Bakar Titingan	 BN
N.57	Sri Tanjung	Wong Sze Phin @ Jimmy	 DAP
N.58	Merotai	Pang Yuk Ming	 BN
N.59	Tanjong Batu	Hamisa Samat	 BN
N.60	Sebatik	Abd Muis Picho	 BN

(Sumber Jadual : Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia)

3.3 Latar Belakang Sejarah Penubuhan PAS Kawasan Tawau

Penubuhan PAS Kawasan Tawau adalah atas kesedaran perlunya satu wadah gerakan Islam yang menyeluruh bagi meneruskan seruan Islam, membina masyarakat Islam dan seterusnya menegakkan *Dawlah Islamiyyah*. Usaha-usaha untuk menubuhkan PAS Kawasan Tawau telah lama dijalankan oleh orang perseorangan di Tawau. Usaha ini diawasi oleh PAS di Pejabat Agung Pusat dengan menghantar

beberapa orang wakilnya bagi membantu dan meninjau perkembangannya dari masa ke semasa.

Atas usaha ini beberapa orang ahli PAS telah menubuhkan ahli Jawatankuasa penaja PAS Kawasan Tawau pada 27 Oktober 1987 yang dipengerusikan oleh saudara Aminuddin Zainuddin. Jawatankuasa ini telah berusaha mendaftarkan ahli-ahli sehingga telah berjaya mendaftarkan seramai 210 orang. Ahli-ahli yang daftar sendiri / daftar terus 2 orang dan ahli kawasan lain yang bertukar ke Tawau 4 orang. Jumlah ahli ketika itu 216 orang. Di samping itu banyak ahli PAS Kawasan lain yang tinggal di Tawau tetapi belum lagi mendaftar dengan Kawasan Tawau⁸⁷.

Pada mesyuarat penubuhan PAS Kawasan Tawau yang diadakan pada 17 Julai 1988 bersamaan 3 Zulhijjah 1409H hari Ahad yang bertempat di 703 Rich Park, Batu 2½, Jalan Apas, Tawau, jam 9.00 pagi, yang dihadiri seramai 88 orang telah melantik Pengerusi Tetap iaitu saudara Ezani Hamzah. Yang Dipertua PAS Kawasan Tawau yang pertama ialah Tuan Hj. Muhammad Abdullah. Timbalan Yang Dipertua ialah mantan pengerusi penaja iaitu saudara Aminuddin Zainuddin⁸⁸.

Mesyuarat ketika itu sebulat suara menerima cadangan daripada ustaz Ali Shaari yang mencadangkan 12 ahli jawatankuasa kerja PAS Kawasan Tawau dan disokong oleh saudara Mohd Ehwan Ithnin iaitu;

⁸⁷ Pejabat PAS Kawasan Tawau (1987), *Minit Mesyuarat Penubuhan PAS Kawasan Tawau pada 27 Oktober 1987*, h. 1.

⁸⁸ Pejabat Agung PAS (1988), *Penyata Tahunan Mesyuarat Agung PAS Kawasan Tawau Kali Pertama pada 17 Julai 1988*, h. 1.

- | | |
|-----------------------|-----------------------------|
| 1. Abu Jahal b. Jilan | 7. Zahari Mat Diran |
| 2. Hasan Salim | 8. Juaser Mat Amin |
| 3. Alimuddin Abu | 9. Darmansyah Arshad |
| 4. Karate Ahmade | 10. Mohd. Tahir Omar |
| 5. Edris Hasan | 11. Jais Ambai |
| 6. Abdul Dulah | 12. Syed Othman Syed Jaafar |

Jadual 3.2 : Organisasi PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013⁸⁹

BIL	NAMA	JAWATAN
1	MOHAMAD HUSAIN	YANG DIPERTUA
2	AHMAD DULLAH	TIMBALAN YANG DIPERTUA
3	DAUD JALALUDDIN	NAIB YANG DIPERTUA
4	MUHAMMAD NASIR	SETIAUSAHA
5	AMBOASE RAMANO	PENOLONG SETIAUSAHA
6	HJ. ABDUL RAHMAN AWANG	BENDAHARI
7	UST. ALIAS SULONG	KETUA URUSAN ULAMA'
8	UST. MOHD NAZRI MOKHTAR	KETUA DEWAN PEMUDA
9	PUAN MANDIN LADALE	KETUA DEWAN MUSLIMAT
10	UST. AZIMI SIWOK	KETUA PENERANGAN
11	KASMAN KARATE	PENGARAH PILIHANRAYA
12	MAJID BACHIK	LAJNAH KEBAJIKAN
13	MOHAMAD HUSAIN	LAJNAH POLITIK
14	ABDUL HAMID MOHD NOR	LAJNAH PEKERJA & SETINGGAN
15	UST. AZIMI SIWOK	LAJNAH PENERANGAN & DAKWAH
16	AHMAD DULLAH	LAJNAH EKONOMI
17	UST. ABDULLAH TAHIR	LAJNAH TARBIAH
18	UST. ZAIM HELMI HUSAIN	LAJNAH PENDIDIKAN
19	KADARISMAN KADIRAN	MADRASAH DARUL HIDAYAH
20	MUHAMMAD NASIR	PENGURUSAN BANGUNAN PEJABAT

⁸⁹ Pejabat Perhubungan PAS Kawasan Tawau (2011), *Penyata Tahunan Mesyuarat Agung PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013*, h. 2-3.

3.4 Visi, Misi, Piagam Pelanggan, Pendaftaran, dan Alamat PAS Kawasan Tawau⁹⁰

Visi

Meletakkan PAS sebagai elemen utama masyarakat di Tawau ke arah menempatkan wakil di DUN Sabah.

Misi

Mewujudkan satu gerak kerja organisasi yang tersusun melalui penglibatan secara proaktif Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat bagi melahirkan petugas yang cemerlang ke arah pelaksanaan Islam di Negeri Sabah.

Piagam Pelanggan

1. Memberi peluang kepada semua ahli untuk melibatkan diri dalam semua aktiviti jamaah / parti.
2. Memberi ruang kepada ahli untuk mengembangkan potensi kepimpinan masing-masing tanpa sebarang kekangan.
3. Menjadikan PAS Tawau sebagai gelanggang utama untuk semua ahli mendapat tarbiah amali tentang perjuangan Islam yang sebenar.
4. Mengurus proses permohonan untuk menjadi ahli secara mudah dan cepat tanpa kekangan birokrasi.
5. Sentiasa bersikap mesra terhadap semua golongan masyarakat di bumi Tawau tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan.

⁹⁰ Laman Rasmi PAS Kawasan Tawau. <http://www.pastawau.org>. 22 Februari 2012.

Pendaftaran

Pendaftaran PAS Kawasan Tawau telah diusahakan oleh Pejabat Agung PAS dan pendaftarannya telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 30 April 1988. Bilangan pendaftaran PPM/SB: 26/52-3090(2)⁹¹.

Alamat

PEJABAT PAS KAWASAN TAWAU,
TB 321, TINGKAT 3, BLOK 38,
KOMPLEKS FAJAR, JALAN HJ. KARIM,
PETI SURAT 62040,
91030 TAWAU, SABAH.
TEL: 089-760214

3.5 Urusan Ulamak PAS Kawasan Tawau

Urusan Ulamak PAS Kawasan Tawau diketuai oleh Ustaz Alias Sulong sejak tahun 2008. Beliau melakukan kerja-kerja tarbiyah dan pendidikan. Berikut antara tugas beliau:

1. Mengenalpasti dan menyenaraikan orang-orang yang berpendidikan agama atau ulamak dan orang-orang yang berpengaruh.
2. Mengenalpasti semua masjid, surau dan pusat pengajian agama yang boleh digunakan dan dikuasai oleh PAS.
3. Merancang, mengatur dan menyelaraskan program-program keagamaan dan majlis muzakarah dengan semua lapisan masyarakat.

⁹¹ Sijil Kebenaran (1988), *Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 Mengikut peruntukan Seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966*.

4. Merancang dan menyediakan khutbah-khutbah dan ucapan-ucapan.
5. Menggabungkan tenaga ulamak atau ustaz dan uztazah dari luar dengan tenaga tempatan untuk dimanfaatkan dalam program yang diatur.
6. Mengeluarkan dan mengedarkan risalah tentang isu-isu berkaitan agama yang boleh menarik pengundi-pengundi kepada PAS.
7. Merancang perkembangan Madrasah Darul Hidayah⁹².

3.6 Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau

Dewan Pemuda PAS Tawau telah diluluskan penubuhannya pada 14 Februari 1991 oleh Pendaftar Pertubuhan Cawangan Sabah. Rentetan itu, satu Mukhtar Penubuhan telah diadakan pada 28 April 1991 di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) 357 Batu 3 ½ Jalan Kuhara, 91007 Tawau, Sabah. Mukhtar tersebut telah dihadiri 16 orang ahli termasuk 6 orang perwakilan dari cawangan PAS Kawasan Tawau⁹³.

Ketua Penaja Dewan Pemuda PAS Tawau, iaitu saudara Lakarani Lamadiangi telah dilantik semula sebagai Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau yang pertama. Beliau telah membentuk Jawatankuasa Penaja yang terdiri seramai 10 orang ahli.

⁹² Ustaz Alias Sulong, Ketua Urusan Ulama' PAS Kawasan Tawau, Temubual pada 3 Februari 2012.

⁹³ Pejabat Agung PAS (1991), *Minit Mesyuarat Penubuhan Dewan Pemuda PAS Tawau pada 28 April 1991*, h. 1.

Jadual 3.3 : Jawatankuasa Penaja Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau⁹⁴

Pengerusi Tetap	Ustaz Saidin Hj. Hasnam
Ketua Penaja	Lakarani Lamadiangi
Naib Ketua Penaja	Norzamri Udin
Setiausaha Penaja	Samsul Lakullu
Bendahari Penaja	Amir Mahmud
Ahli Jawatankuasa Penaja	Ustaz Che Ismail Che Leh Norizan Saad Darmasyah Arsyad Wan Razali Wan Daud Mustafa Omar

Muktamar Pertama Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau telah memutuskan perlantikan AJK Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau bagi sesi 1991/1993 adalah seperti berikut:

Jadual 3.4 : Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau Pertama⁹⁵

Pengerusi Tetap	Bokhari Hj. Kechik
Timbalan Pengerusi Tetap	Mardani Appase
Ketua Pemuda	Lakarani Lamadiangi
Naib Ketua Pemuda	Ustaz Che Ismail Che Leh
Setiausaha Pemuda	Norzamri Udin
Bendahari Pemuda	Wan Razali Wan Daud
Ahli Jawatankuasa Pemuda	Samsul Lakullu Mustafa Omar Amir Mahmud Kasri Rabon Norsyahidzan Saad Darmansyah Arsyad Hasrul Hazaman Md Arsyad
Pemeriksa Kira-kira	Syed Atiqulah Syed Husin Ahmad Dullah

⁹⁴ *Ibid.*, h. 2.

⁹⁵ Pejabat Agung PAS (1991), *Penyata Tahunan Dewan Pemuda PAS Tawau Kali Pertama*, h. 2-3.

Jadual 3.5 : Organisasi Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013⁹⁶

BIL	NAMA	JAWATAN
1	MUHAMMAD NAZRI MOKHTAR	KETUA PEMUDA
2	DARAMANSAH LAMASA	TIMBALAN
3	KARIM DOLLAH	NAIB
4	DARWISY DAHLAN	SETIAUSAHA
5	HARDI HAMID	PEN.SETIAUSAHA II
6	RUSLI BASRI	PEN.SETIAUSAHA III
7	ARIFIN HAMID	BENDAHARI
8	IRWAN HAMDAN	PENGARAH PILIHANRAYA
9	KASMAN KARATE	KETUA PENERANGAN
10	ZAIM AL-HILMI HUSIN	AHLI JAWATANKUASA
11	JUPRI AHMAD	AHLI JAWATANKUASA
12	ARIZAM ELYAS	AHLI JAWATANKUASA
13	ADRY SABRI	AHLI JAWATANKUASA
14	BURHAN NURDIN	AHLI JAWATANKUASA
15	SATUWO HJ SAIDI	AHLI JAWATANKUASA
16	QAHARUDDIN UTHMAN	AHLI JAWATANKUASA
17	ROSLAN RAMLI	AHLI JAWATANKUASA
18	RUSLI HASANI	AHLI JAWATANKUASA

3.7 Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau

Usaha menubuhkan Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau telah lama diusahakan sejak tahun 1989 lagi. Dewan Muslimat (Penaja) telah mengadakan 2 kali Mesyuarat Agung Tahunannya iaitu pada 16 Februari 1991 dan 22 Mac 1992, namun pendaftarannya telah diluluskan pada 21 Oktober 1992. Bilangan pendaftarannya PPM/SB. 26/52-4177(2). Pengerusi Penaja Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau ialah Puan Zaiton binti Ahmad. Beliau seterusnya dicadangkan oleh Puan Hasni binti

⁹⁶ Pejabat Agung PAS (2011), *Penyata Tahunan Dewan Pemuda PAS Tawau Sesi 2011-2013*, h. 2.

Abdullah dan disokong oleh Puan Misrah Sirah untuk dilantik sebagai Ketua Dewan Muslimat yang pertama dalam Mesyuarat Penubuhan Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau yang diadakan jam 2:00 petang pada 18 April 1993 (Ahad) yang bertempat di Pusat Pendidikan Islam (PASTI), No. 357, Jalan Kuhara, 91000 Tawau, Sabah⁹⁷.

Mesyuarat Penubuhan Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau telah memutuskan perlantikan Ahli Jawatankuasa kerja Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau bagi sesi 1993/1995 adalah seperti berikut:

Jadual 3.6 : Jawatankuasa Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau

Pertama⁹⁸

Pengerusi Tetap	Pn. Hairani
Ketua Muslimat	Pn. Zaiton Ahmad
Naib Ketua Muslimat	Pn. Misrah Sirah
Setiausaha Muslimat	Pn. Mandin Ladale
Bendahari Muslimat	Pn. Ainor Zarain Zainal Abidin
Ahli Jawatankuasa Muslimat	Zubaidah Abdul Kasmah Abdullah Rokiah Rakim Salmiah Neni Hasni Abdullah Siti Fatimah Abd. Samad Kalsom Abd. Hamid Anisah Nuhan Juminah Betta
Juru Audit	Warnah Sirah Aznah Tandek

⁹⁷ Pejabat Agung PAS (1993), *Minit Mesyuarat Penubuhan Dewan Muslimat PAS Tawau pada 18 April 1993*, h. 1.

⁹⁸ *Ibid.*, h. 2-3.

**Jadual 3.7 : Organisasi Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-
2013⁹⁹**

BIL	NAMA	JAWATAN
1	PN. MANDIN LADALE	KETUA MUSLIAMAT
2	PN. ASIAH AHMAD	TIMBALAN
3	PN. DARMAWATI PATARUDDIN	NAIB
4	CIK ROSNANY SEMIN	SETIAUSAHA
5	CIK APSAH AHMAD	PEN.SETIAUSAHA II
6	PN. SITI RAHMAH BUNDU	BENDAHARI
7	PN. SYARINA FOZITA MOHD SHARIP	PENGARAH PILIHANRAYA
8	PN. ARMAWATI AMIRULLAH	KETUA PENERANGAN
9	NOOR 'AIN KADIR	AHLI JAWATANKUASA
10	ASMA' ABU BAKAR	AHLI JAWATANKUASA
11	JUMRIAH ABDULLAH	AHLI JAWATANKUASA
12	MARDIYANA OSMAN	AHLI JAWATANKUASA
13	HIDAYAH ZAINAL	AHLI JAWATANKUASA
14	ISYAH LABONGKO	AHLI JAWATANKUASA
15	AMINAH BAHAR	AHLI JAWATANKUASA
16	MURNI KAMARUDDIN	AHLI JAWATANKUASA
17	AMIRAH YASSE	AHLI JAWATANKUASA
18	SANTI AHMAD	AHLI JAWATANKUASA

3.8 PAS Kawasan Kalabakan, Tawau

Usul untuk menubuhkan PAS Kawasan Kalabakan telah dicadangkan oleh saudara Osman Madeaming dan disokong oleh saudara Arman Mohd Amin. Saudara Osman Madeaming juga mencadangkan alamat pendaftaran cawangan seperti berikut;

**Madrasah Darul Hidayah,
Peti Surat 2019,
91045 Tawau, Sabah.**

⁹⁹ Pejabat Agung PAS (2011), *Penyata Tahunan Dewan Muslimat PAS Tawau Sesi 2011-2013*, h. 2.

Jawatankuasa Penaja telah dipilih melalui pengundian, setelah pengundian Jawatankuasa Penaja berikut telah terpilih;

Ketua Penaja	Kadarisman Kadiran
Naib Ketua Penaja	Tn. Hj. Norbin Aloh
Setiausaha	Ustaz Anuar Yusri
Bendahari	Fatmawati Hj. Yusuf
Ahli Jawatankuasa	Arman Amin Abdullah Tahir Amir Mahmud Salman Marzuki Warnidah Jefrey Sari Lita Nurjannah Jam-Jam Norzamri Udin

Mesyuarat Jawatankuasa Penaja PAS Kawasan Kalabakan telah diadakan pada 8 Januari 2011 jam 2:00 petang bertempat di Madrasah Darul Hidayah, Sg. Imam, Tawau. Mesyuarat tersebut dihadiri 15 orang ahli dan juga turut hadir Yang Dipertua PAS Kawasan Tawau iaitu saudara Mohamad Husain.

PAS Kawasan Kalabakan telah diluluskan penubuhannya oleh Mesyuarat Ahli Jawatankuasa PAS Pusat pada 13 Mac 2011 yang diadakan di Perlis. Surat permohonan untuk kelulusan menubuhkan PAS Kawasan Kalabakan telah dihantar ke Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia bersama-sama penubuhan PAS cawangan Rangu, Tawau yang bertarikh 30 Mac 2011 dan telah diluluskan pendaftarannya pada 25 April 2011.

Jadual 3.8 : Organisasi PAS Kawasan Kalabakan Sesi 2011-2013¹⁰⁰

BIL	NAMA	JAWATAN
1	KADARISMAN KADIRAN	YANG DIPERTUA
2	TN. HJ. NORBIN ALOH	TIMBALAN YANG DIPERTUA
3	AMER MAHMUD	NAIB YANG DIPERTUA
4	NORYUSRY MANSUR	SETIAUSAHA
5	DEVI NOVITA SARI A.	PENOLONG SETIAUSAHA
6	FATMAWATI HJ. YUSOFF	BENDAHARI
7	LOKMAN MAT YUSOF	KETUA URUSAN ULAMA'
8	USMAN MADEAMING	KETUA DEWAN PEMUDA
9	WARDENA JEFFREY	KETUA DEWAN MUSLIMAT
10	GHAZALI DAUD	KETUA PENERANGAN
11	NORZAMRI UDEN	PENGARAH PILIHANRAYA
12	KADARISMAN KADIRAN NORBIN ALOH	LAJNAH POLITIK
13	LOKMAN MAT YUSOF ROSLAN AMIN	LAJNAH TARBIAH
14	SUHAZMAN KINARONG	PENERANGAN & DAKWAH
16	KAMARUDDIN AHMAD	LAJNAH KEBAJIKAN, SUKAN & RIADAH
17	JUFRI TALLONG	LAJNAH PENDIDIKAN
19	REZAH AMIRUL MAHSYURI SAMPE	LAJNAH EKONOMI
20	JUPRAN JALIL	LAJNAH IT
21	AMER MAHMUD AL-MUTAHHARA K. DEVI NOVITA SARI A. FATMAWATI HJ. YUSOFF	PENGURUSAN BANGUNAN PEJABAT
22	EN HANAFI B. HAMSAH	NAQIB

¹⁰⁰ Pejabat Perhubungan PAS Kawasan Kalabakan (2011), *Penyata Tahunan Mesyuarat Agung PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013*, h. 2-3.

3.9 Masalah PAS Kawasan Tawau

Masalah Dalaman PAS Kawasan Tawau¹⁰¹

1. Kepimpinan dari Semenanjung, jika mereka balik tiada yang ganti.
2. Ramai ahli yang bekerja dengan kerajaan takut dilabel sebagai pembangkang dan tidak mahu pegang jawatan dalam parti.
3. Petugas parti yang statik.
4. Pertumbuhan ahli lambat.
5. Cawangan kurang aktif.
6. Cawangan lambat berkembang.
7. Ahli Jawatan kuasa yang tidak lengkap, seseorang memegang beberapa jawatan.
8. Ahli sekadar menyokong saja kurang menyumbang tenaga dan wang ringgit.
9. Gerak kerja yang berkaitan dengan Urusan Ulamak masih belum aktif dan berkesan.

¹⁰¹ Usman bin Madeaming, mantan calon PAS Pilihanraya tahun 2004 Bahagian N.58 Merotai. Temubual pada 22 Disember 2011.

Cabaran Luaran PAS Kawasan Tawau¹⁰²

1. Gerakan Islam lambat berkembang disebabkan kurang sekolah agama.
2. Petugas parti dipindahkan atau buang daerah bagi yang kerja dengan kerajaan.
3. Kurang kefahaman masyarakat terhadap politik Islam.
4. Masyarakat diberi gambaran buruk kepada PAS oleh media perdana.
5. Tawaran kebendaan yang dijanjikan oleh pihak lain.
6. Sabotaj dan membakar kain rentang program-program parti oleh pihak yang tidak suka terhadap parti.
7. Kenduri dan majlis kesyukuran ahli dipulaukan oleh masyarakat.
8. Jemaah Islam lain tidak membantu dan mendokong perjuangan Islam yang berbentuk politik.
9. Politik pembangunan masih relevan di Tawau, yang mana PAS kurang dana untuk membantu masyarakat.

¹⁰² Muhammad Nasir Ali, mantan Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 2005-2007, merangkap Setiausaha PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013, Temubual pada 1 Februari 2012.

BAB 4

Perkembangan Parti Islam SeMalaysia Kawasan Tawau

4.1 Aktiviti PAS Kawasan Tawau

Penulis dalam bab ini akan menghuraikan beberapa aktiviti yang dilaksanakan oleh PAS kawasan Tawau. Berikut adalah aktiviti yang dilaksanakan:

4.1.1 Ziarah

Aktiviti ziarah dan lawatan dari rumah ke rumah dilakukan untuk mengeratkan lagi perhubungan di antara PAS dan masyarakat sekeliling terutamanya di kalangan ahli PAS itu sendiri. Pada kebiasaannya, ziarah sering kali dilakukan pada sebelah petang dan hujung minggu serta melibatkan sejumlah peserta yang agak ramai¹⁰³.

Semasa program ziarah berjalan, PAS Kawasan Tawau melalui Dewan Pemuda serta Dewan Muslimat turut memberi sumbangan berbentuk wang, beras, bahan-bahan makanan dan sebagainya kepada keluarga yang ditimpa bencana, kesusahan, kemalangan dan kematian. Sebagai contoh, sekiranya berlaku kemalangan

¹⁰³ Muhammad Nasir Ali, Setiausaha PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013, Temubual pada 1 Februari 2012.

atau kematian terutamanya di kalangan keluarga ahli, dianggarkan RM 200.00 akan disumbangkan kepada keluarga berkenaan¹⁰⁴.

Ziarah juga dilakukan di hospital dan di rumah fakir miskin terutamanya pada bulan Ramadhan supaya mereka juga turut bergembira seperti orang lain yang sempurna kehidupannya. Pada kebiasaannya, sumbangan berbentuk wang dan *hamper* dihulurkan kepada mereka yang berkenaan.

4.1.2 Usrah

Usrah berasal dari perkataan bahasa Arab yang bermaksud keluarga. Usrah merupakan satu aktiviti yang diadakan pada sekali setiap minggu di setiap cawangan PAS Kawasan Tawau. Kebiasaannya dibuat pada waktu malam. Penyertaannya terbuka kepada semua lapisan masyarakat kerana ia merupakan suatu majlis ilmu.

Peserta akan dianggap sebagai satu keluarga dan segala masalah akan diselesaikan bersama-sama. Perkara yang dibincangkan dalam usrah adalah hal-hal yang berkaitan dengan Tauhid, Fiqh dan Fardhu Ain. Walau bagaimana pun, bagi usrah yang dianjurkan oleh PAS Kawasan Tawau, pada kebiasaannya mereka akan membincangkan isi kandungan sebuah buku. Setelah isi sesebuah buku itu selesai dibincangkan, mereka akan beralih ke buku lain yang dirasakan lebih menarik.

¹⁰⁴ Muhammad Nasir Ali, Setiausaha PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013, Temubual pada 1 Februari 2012.

Bagi aktiviti usrah mingguan yang diadakan oleh PAS cawangan, pada kebiasaannya akan diadakan di rumah ahli secara bergilir di kalangan mereka yang sukarela untuk menjadikan rumah mereka sebagai tempat usrah. Tajuk perbincangan pada kebiasaannya berkisar mengenai Hadith dan Tafsir, namun ada di kalangan peserta mencadangkan tajuk lain yang bersesuaian¹⁰⁵.

Usrah merupakan satu aktiviti pendidikan yang melibatkan partisipasi peserta. Setiap peserta akan diminta memberikan pandangan dan ulasan mereka terhadap perkara yang dibincangkan. Hasilnya, peserta akan menjadi lebih faham secara mendalam terhadap perkara yang dibincangkan dan akan dapat menyelesaikan segala permasalahan. Aktiviti ini juga dapat mengeratkan persaudaraan di kalangan peserta usrah, ahli dan penyokong PAS serta penduduk kampung.

Sungguhpun usrah merupakan satu kegiatan politik kerohanian yang sangat berkesan, namun pada hakikatnya aktiviti ini kurang mendapat sambutan di kalangan penduduk kampung terutamanya kaum wanita. Hal ini berkemungkinan disebabkan mereka tidak mampu memberikan buah fikiran dan pandangan semasa usrah dijalankan. Mereka lebih suka menjadi pendengar daripada memberikan buah fikiran. Di samping itu, usrah juga merupakan satu perkara yang baru bagi mereka.

Oleh itu, penerimaan usrah yang baik adalah di kawasan bandar yang dianjurkan oleh PAS Kawasan Tawau. Peserta yang hadir adalah terdiri daripada mereka yang berlatarbelakangkan pendidikan akademik dan agama yang baik.

¹⁰⁵ Ust. Azimi Siwok, Ketua Penerangan PAS Kawasan Tawau, Temubual pada 1 Februari 2012.

4.1.3 Ceramah Mingguan

Ceramah mingguan diadakan pada setiap minggu mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh penduduk setempat. Di kawasan kampung ia lebih dikenali sebagai ‘Kuliah Maghrib’. Penyertaan terbuka kepada semua penduduk dan tidak dikenakan sebarang bayaran. Aktiviti ini sering diadakan di masjid dan surau. Aktiviti ini bukanlah satu alternatif untuk mendapatkan sumber kewangan tetapi ianya lebih kepada memenuhi tuntutan rohani¹⁰⁶.

Kebanyakan penceramah yang dijemput adalah terdiri di kalangan mereka yang mahir dan berpengalaman di dalam ilmu agama Islam. Secara tidak langsung mereka ini merupakan ustaz atau uztazah yang mengajar di sekolah menengah atau rendah yang terdapat di sekitar daerah Tawau.

Semasa ceramah dijalankan, kutipan derma diadakan sebagai sumbangan ikhlas daripada orang ramai kepada penceramah dan dimasukkan dalam tabung masjid atau surau jika ada kelebihan dari kutipan. Ceramah mingguan ini boleh dikatakan mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan penduduk kampung. Ceramah Mingguan Khas pula diadakan bersempena dengan hari Kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul, Israk dan Mikraj ataupun menyambut Tahun Baru Hijrah.

¹⁰⁶ Kadarisman Kadir, mantan Ketua Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 1993-1995 merangkap YDP PAS Kawasan Kalabakan Sesi 2011-2013. Temubual pada 19 Disember 2011.

4.1.4 Ceramah Isu Semasa / Umum¹⁰⁷

Ceramah Isu Semasa / Umum diadakan apabila ada pimpinan negeri atau pusat turun ke daerah Tawau. Mereka akan menyampaikan syarahan berkenaan dengan isu-isu semasa dalam negara. Ceramah isu semasa adalah medium penyampaian maklumat untuk menjelaskan dan mengupas mengenai isu yang dilontarkan penceramah yang berbeza dengan apa yang diutarakan oleh media arus perdana seperti televisyen.

4.1.5 Aktiviti-Aktiviti lain¹⁰⁸

PAS Kawasan Tawau melalui Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat juga menganjur banyak aktiviti setiap bulan dan sepanjang tahun antaranya ialah seperti berikut:

1. Pertandingan deklamasi sajak / puisi dan usrah pelajar.
2. Temasya Sukaneka dan Ihtifal Alam Ria PASTI.
3. Perlawanan badminton, bola Sepak, dan futsal.
4. Sukan rakyat dan konvoi bermotor .
5. Kem Remaja Islam (KRIS) dan Kursus Amal Islami.
6. Bengkel fotografi & photoshop.
7. *Munaqasyah* Buku Ucapan Dasar Pimpinan dan diskusi buku.
8. Program ketibaan Ramadhan dan ziarah rumah anak yatim.

¹⁰⁷ Kadarisman Kadir, mantan Ketua Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 1993-1995 merangkap YDP PAS Kawasan Kalabakan Sesi 2011-2013. Temubual pada 19 Disember 2011.

¹⁰⁸ Muhammad Nazri Mokhtar, Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 1 Februari 2012.

9. *Ijtimak Tarbawi* dan *Qiam Tarbawi*.

10. Kursus pengurusan rencana, video, blog & berita dan lain-lain.

4.2 Cawangan dan Ahli

Sehingga tahun 2012 terdapat 3 buah cawangan PAS sahaja yang berdaftar di dalam PAS Kawasan Tawau iaitu PAS Cawangan Taman Ria, PAS Cawangan Jalan Apas dan PAS Cawangan Ranggu. Manakala jumlah keahlian PAS Kawasan Tawau seramai 976 orang ahli sahaja¹⁰⁹.

PAS Kawasan Kalabakan pula mempunyai 2 cawangan PAS yang berdaftar setakat tahun 2012 iaitu PAS Cawangan Umas-Umas dan PAS Cawangan Pasir Putih. Jumlah ahli PAS Kawasan Kalabakan dalam sekitar 4 ratus orang saja. Bilangan ahli secara terperinci tidak dapat dikenal pasti kerana PAS Kawasan Kalabakan belum membuat proses pemutihan ahli¹¹⁰.

Oleh itu, secara keseluruhan ahli PAS di daerah Tawau lebih kurang berjumlah 1376 orang ahli. Manakala cawangan pula sebanyak 5 buah cawangan setakat tahun 2012¹¹¹.

¹⁰⁹ Muhammad Nasir Ali, Setiausaha PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013, Temubual pada 1 Februari 2012.

¹¹⁰ Kadarisman Kadir, mantan Ketua Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 1993-1995 merangkap YDP PAS Kawasan Kalabakan Sesi 2011-2013. Temubual pada 19 Disember 2011.

¹¹¹ Muhammad Nasir Ali, Setiausaha PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013, Temubual pada 1 Februari 2012.

4.3 Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) Tawau

Sejarah penubuhan PASTI Kawasan Tawau bermula dari kesedaran ahli-ahli PAS yang menjadi penggerak utama penubuhan PASTI di daerah Tawau yang terdiri daripada mereka yang datang dari semenanjung Malaysia. Mereka menyedari bahawa di bumi Sabah amnya dan di daerah Tawau khususnya masyarakatnya sangat ketandusan ilmu pengetahuan dan pengamalan Islam sebagai cara hidup meskipun penduduknya majoriti Melayu Islam.

Sekitar tahun 80-an pusat pendidikan Islam agak sukar ditemui di Tawau. Atas kesedaran ini dan kecintaan terhadap Islam maka, inisiatif diambil untuk menubuhkan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) yang pertama pada tahun 1986. Hal ini berlaku kerana pendokong dan penyokong PAS pada masa itu merasa terpanggil dan bertanggungjawab untuk membimbing dan merubah minda masyarakat setempat melalui penyediaan institusi pendidikan yang berteraskan Islam. Penubuhan PASTI adalah untuk mendidik anak-anak yang merupakan tunas-tunas kepada Islam. Tunas-tunas ini perlulah dijaga, dibajai dan disirami dengan asas keimanan agar ia dapat tumbuh merimbun seterusnya akan menghasilkan buah¹¹².

PASTI pertama yang ditubuhkan di daerah Tawau ialah PASTI Nurul Hannani Jalan Kuhara. Pada peringkat awal hanya anak-anak penggerak dan ahli PAS sahaja yang belajar di PASTI. Pengerusi PASTI Kawasan Tawau pada masa itu ialah Saudara

¹¹² Armawati Amirullah, Ketua Penerangan Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 20 Disember 2011.


Zahari Mad Diran. Pendokong dan penyokong PAS pada ketika itu bekerja keras dan bertungkus-lumus menguruskan dan mempromosikan PASTI kepada masyarakat. Usaha-usaha yang dijalankan ialah mengedarkan risalah dari rumah ke rumah di samping memberi penerangan tentang perlunya pendidikan Islam kepada anak-anak¹¹³.

Cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh perintis PASTI sememangnya terlalu banyak. Hal ini wujud kerana pelbagai masalah dihadapi seperti kekurangan tenaga penggerak, penyokong, sambutan masyarakat agak kurang, kekurangan sumber kewangan, kemudahan infrastruktur dan seribu satu masalah yang dihadapi. Namun ianya bukanlah penghalang kerana kata-kata pujangga menyebut bahawa ‘kejayaan semanis madu memerlukan pengorbanan sepahit hempedu’. Usaha-usaha golongan awal ini perlu dihargai kerana mereka telah membuka jalan untuk meneruskan gerak kerja sehinggalah ke hari ini.

PASTI di daerah Tawau telah berkembang dan berjaya melebarkan sayapnya. Hal ini terbukti melalui pertambahan PASTI dan pelajar saban tahun. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat telah menerima dan mengiktiraf PASTI sebagai salah satu khazanah Institusi Pendidikan Islam yang berupaya meneraju keunggulan pra-sekolah. Situasi ini juga menunjukkan bahawa masyarakat memberi sokongan dan kepercayaan dengan memilih PASTI sebagai pusat pendidikan awal kepada anak-anak mereka.


¹¹³ Muhammad Nazri Mokhtar, Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 1 Februari 2012.

Berikut dipaparkan statistik bilangan PASTI dan pelajar PASTI di daerah Tawau dari tahun 1986 hingga 2009¹¹⁴;



¹¹⁴ Muhammad Nazri Mokhtar, Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 1 Februari 2012.

**JUMLAH PELAJAR
PASTI KAWASAN TAWAU
1986 - 2009**



SENARAI PASTI DI DAERAH TAWAU

1. Nurul Hannani, Jalan Kuhara.
2. Nurul Iman, Tg. Batu Laut.
3. Nurul Huda, Pasir Putih.
4. Nurul Mawaddah, Taman Ria.
5. Nurul Falah, Kg. Titingan.
6. Nurul Ain, Bt.2 Jalan Apas.
7. Nurul Izzah, Jalan Saddani.
8. Nurul Farah Ain, Merotai.
9. Nurul Siddiq, Taman Semarak.
10. Nurul Syuhada, Bt. Payong.
11. Nurul Hidayat, Log Pond.
12. Nurul Hasanah, Sg. Gading.
13. Nurul Sakinah, Balung.
14. Nurul Haq, Taman Kinabutan.
15. Nurul Faizin, Bandar Sri Indah.
16. Nurul Najah, Taman Megah Jaya.
17. Nurul Ikhwan, Felda Umas.

4.4 Unit Amal dan Unit Nisa' PAS Kawasan Tawau¹¹⁵

Di bawah pengurusan Dewan Pemuda Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau, wujud sebuah unit yang dikenali sebagai Unit Amal dan Unit Nisa'. Keahlian Unit Amal dan Unit Nisa' ialah lelaki dan wanita berusia 15 - 40 tahun. Visi dan Misi unit ini adalah seperti berikut:

Unit Amal PAS Kawasan Tawau

VISI

- Pergerakan kebajikan sukarela beruniform yang cemerlang pilihan generasi baru berteraskan Islam

MISI

- Berkhidmat secara sukarela untuk membangun semula budaya generasi muda Malaysia melalui pendekatan kebajikan dan kemasyarakatan berdasarkan Islam.
- Melahirkan ahli-ahli pergerakan sukarela yang serba boleh yang menghayati Teras Lima Budaya Amal.

Teras Lima Budaya Amal

1. Keimanan dan ketakwaan.
2. Ilmu dan amal yang soleh dan benar.
3. Kemahiran dan keterampilan.
4. Berdisiplin dan berakhlak mulia.
5. Beramal kerana Allah.

¹¹⁵ Muhammad Nazri Mokhtar, Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 1 Februari 2012.

Ikrar Amal

- Allah tuhan kami.
- Allah matlamat kami.
- Rasul ikutan kami.
- Al-Quran perlembagaan kami.
- Jihad jalan kami.
- Syahid cita-cita tertinggi kami.

Unit Nisa' PAS Kawasan Tawau¹¹⁶

VISI

- “Menjadi penghubung utama generasi muda ke arah hidup yang lebih baik”.
“Connecting youth for a better life”.

MISI

- NISA' berhasrat melahirkan generasi yang mengagungkan agama, mencintai ilmu & berakhlak mulia.
- Misi NISA' ini akan tercapai melalui program-program yang dirancang dengan teliti, disemai dengan kasih sayang, dan disampaikan dengan penuh keikhlasan.

¹¹⁶ Armawati Amirullah, Ketua Penerangan Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 20 Disember 2011.

4.5 Penglibatan dalam Pilihanraya

PAS Kawasan Tawau telah melibatkan diri dengan aktiviti pilihanraya bermula tahun 1990 dalam Pilihanraya Umum Ke-8 (PRU-8) sehinggalah Pilihanraya Umum Ke-12 pada tahun 2008. PAS Kawasan Tawau akan terus menyertai pilihanraya sehinggalah visinya tercapai iaitu meletakkan PAS sebagai elemen utama masyarakat di Tawau ke arah menempatkan wakil rakyatnya di Dewan Undangan Negeri Sabah dan misinya membuahkan hasil iaitu mewujudkan satu gerak kerja organisasi yang tersusun melalui penglibatan secara proaktif Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat bagi melahirkan petugas yang cemerlang ke arah pelaksanaan Islam di negeri Sabah¹¹⁷.

Walaupun PAS Kawasan Tawau belum pernah meraih kemenangan, namun petugas dan jentera pilihanraya PAS Kawasan Tawau optimis suatu hari nanti PAS dapat mencapai visi dan misinya dengan bantuan Allah S.W.T.

Pada tahun 1990, PAS Kawasan Tawau telah meletakkan calonnya yang pertama untuk masuk bertanding bagi Bahagian Pilihanraya P.151-Tawau iaitu saudara Mohamed bin Husain. Beliau bertanding menentang calon dari Parti Bersatu Sabah (PBS), DAP dan tiga calon Bebas. Pertandingan 6 penjurur ini telah memberi keputusan PAS hilang wang deposit kerana hanya mendapat 426 undi berbanding PBS mendapat 11,595 undi. DAP pula mendapat 1,253 undi manakala Bebas masing-

¹¹⁷ Muhammad Nasir Ali, Setiausaha PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013, Temubual pada 1 Februari 2012.

masing 5,504 undi, 3,258 undi dan 731 undi. PBS mendapat keputusan menang bagi mewakili rakyat di Bahagian Pilihanraya P.151-Tawau yang disandang oleh Yee Lung Fook @ Geossrey. Apa yang menarik, dua calon Bebas tidak hilang wang deposit iaitu saudara Osman Mohamad dan saudara Bandy bin Pilo @ Sabandy yang mendapat undi kedua dan ketiga tertinggi¹¹⁸.

Jadual 4.1 : Keputusan Pilihan Raya Bahagian P.151-Tawau Tahun 1990

Bil.	NAMA CALON	PARTI	BILANGAN UNDI	STATUS
1	BANDY BIN PILO @ SABANDY	BEBAS	3,258	
2	ISMAIL BIN HJ. SENANG	BEBAS	731	Hilang Deposit
3	MOHAMED BIN HUSAIN	PAS	426	Hilang Deposit
4	OSMAN MOHAMAD	BEBAS	5,504	
5	SAMSONG CHIN CHEE TSU	DAP	1,253	Hilang Deposit
6	YEE LUNG FOOK @ GEOSSEY	PBS	11,595	MENANG

(Sumber Jadual : Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia)

Pada tahun 1995 pula, PAS Kawasan Tawau telah meletakkan calonnya yang kedua untuk masuk bertanding bagi Bahagian Pilihanraya P.165-Tawau iaitu Tuan Hj. Mohamed bin Tingka. PAS tewas dan hilang wang deposit. Beliau mendapat 825 undi berbanding pilihanraya tahun 1990 yang hanya mendapat 426 undi. Ini menunjukkan PAS mendapat hampir seratus peratus peningkatan sokongan walaupun kalah.

¹¹⁸ Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen Negeri Sabah Bagi Tahun 1990, http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 28 Februari 2012.

Perkembangan ini menunjuk sokongan masyarakat terhadap PAS semakin meningkat saban tahun.

Tuan Hj. Mohamed bin Tingka mewakili PAS bertanding melawan BN, PBS, DAP dan calon Bebas. Pertandingan 5 penjurong ini memberi keputusan Barisan Nasional (BN) menang besar dengan majoriti 9,131 undi. BN melalui Chua Son Bui mendapat 20,168 undi dengan mengalahkan PBS, DAP, PAS dan calon Bebas. PBS yang diwakili Chee Yau Fah hanya mendapat 11,037 undi, DAP yang diwakili Samson Chin Chee Tsu mendapat 1,401 undi, manakala calon Bebas iaitu Semanis bin Hj. Mohd Salleh hanya mendapat 372 undi¹¹⁹.

Jadual 4.2 : Keputusan Pilihan Raya Bahagian P.156-Tawau Tahun 1995

Bil.	NAMA CALON	PARTI	BILANGAN UNDI	STATUS
1	SEMANIS BIN HJ. MOHD SALLEH	BEBAS	372	Hilang Deposit
2	CHEE YAU FAH	PBS	11,037	
3	SAMSON CHIN CHEE TSU	DAP	1,401	Hilang Deposit
4	MOHAMED BIN TINGKA	PAS	825	Hilang Deposit
5	CHUA SON BUI	BN	20,168	MENANG

(Sumber Jadual : Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia)

Pada Pilihanraya Umum (PRU Ke-10) tahun 1999, PAS Kawasan Tawau tidak meletakkan seorang pun calon untuk bertanding kerusi Parlimen atau DUN di Daerah

¹¹⁹ Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen Negeri Sabah Bagi Tahun 1995, http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 28 Februari 2012.

Tawau. Menurut YDP PAS Kawasan Tawau saudara Mohamed bin Husain, PAS bersetuju dengan permintaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam perbincangan dan mesyuarat bahawa PAS memberi laluan kepada PKR untuk bertanding. Namun, amat dikesali calon dari PKR menarik diri di saat akhir dan ada yang tidak tunjuk muka di hari penamaan calon di Dewan Masyarakat Tawau¹²⁰.

Dalam PRU Ke-10 PAS Sabah hanya bertanding 2 kerusi sahaja iaitu di Bahagian Parlimen Gaya dan Kota Belud yang diwakili oleh Tuan Hamzah bin Hj. Abdullah dan Allahyarham Dr. Datu' Bandira bin Datu' Alang. Kedua-duanya mantan Pesuruhjaya PAS negeri Sabah. Perkembangan ini menunjukkan bahawa PAS telah berkembang ke daerah-daerah lain pada tahun tersebut.

Pada Pilihanraya Umum (PRU Ke-11) tahun 2004, PAS Kawasan Tawau telah meletakkan 2 orang calon untuk bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu saudara Usman bin Madeaming bagi DUN N.58-Merotai dan Tuan Hj. Abdul Wahid Yemang bagi DUN N.60-Sebatik. Kedua-dua kawasan DUN ini terletak di bawah Parlimen Kalabakan. Satu lagi DUN di bawah Parlimen Kalabakan ialah N.59-Tanjong Batu, PAS tidak bertanding di kawasan DUN tersebut kerana tidak cukup persiapan.

PAS Kawasan Tawau juga tidak bertanding di kerusi Parlimen Tawau dan kerusi Parlimen Kalabakan dan di semua kawasan DUN dalam Parlimen P.190-

¹²⁰ Mohamad bin Husain, mantan calon PAS Pilihanraya Umum tahun 1990 Bahagian P.151-Tawau, Temubual pada 28 Februari 2012.

Tawau, iaitu kawasan N.55-Balung, N.56-Apas dan N.57-Sri Tanjong atas 3 faktor iaitu tiada ahli yang sedia bertanding, kekangan kewangan dan kurang persiapan parti¹²¹.

Saudara Usman bin Madeaming mewakili PAS bertanding melawan BN, parti SETIA¹²² dan 2 calon Bebas. Pertandingan 5 penjurur ini memberi keputusan Barisan Nasional (BN) menang besar dengan majoriti 4,305 undi. BN melalui Liew Yun Fah mendapat 5,344 undi dengan mengalahkan parti SETIA, PAS dan 2 calon Bebas.

Calon PAS hanya mendapat 1,039 undi tetapi tetap bertuah kerana tidak hilang wang deposit, parti SETIA yang diwakili Abdul Gaffar Bin Mohd Nor hanya mendapat 405 undi, manakala calon Bebas iaitu Foo Chee King hanya mendapat 584 undi. Ini menyebabkan parti SETIA dan calon Bebas hilang wang deposit¹²³.

Jadual 4.3 : Keputusan Pilihan Raya Bahagian N.58-Merotai Tahun 2004

Bil.	NAMA CALON	PARTI	BILANGAN UNDI	STATUS
1	ABDUL GAFFAR BIN MOHD NOR	SETIA	405	Hilang Deposit
2	FOO CHEE KING	BEBAS	584	Hilang

¹²¹ Muhammad Nazri Mokhtar, Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 1 Februari 2012.

¹²² Parti Demokratik Setiahati Kuasa Rakyat Bersatu Sabah (SETIA) ditubuhkan pada tahun 1994 oleh Shuhaidin Langkap di negeri Sabah. Walaupun parti ini mempunyai platform etnosentrik Bumiputera, keahliannya adalah terbuka kepada semua kaum dan kepimpinannya diwakili berbilang kaum dan bertanding sebagai pembangkang di dalam pilihan raya negeri Sabah. Parti SETIA telah menukar nama baru iaitu BERSAMA pada 23 Mac 2011 apabila mengembangkan sayapnya ke semenanjung Malaysia. Kini dikenali sebagai Parti Bersatu Sasa Malaysia (BERSAMA) atau *Malaysia United People's Party* (MUPP). 21 Mac 2012.

¹²³ Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah Bagi Tahun 2004, http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 1 Mac 2012.

				Deposit
3	USMAN BIN MADEAMING	PAS	1,039	
4	MOKTAR BIN AHMAD	BEBAS	441	Hilang Deposit
5	LIEW YUN FAH	BN	5,344	MENANG

(Sumber Jadual : Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia)

Seorang lagi calon yang mewakili PAS pada Pilihanraya Umum Ke-11 (PRU11) tahun 2004 iaitu Hj. Abdul Wahid Yemang bertanding bagi Dewan Undangan Negeri Sabah N.60-Sebatik melawan BN dan parti SETIA. Pertandingan 3 penjurong ini memberi keputusan Barisan Nasional (BN) menang besar dengan majoriti 4,198 undi.

BN melalui Datuk Dr. Patawari bin Patawe mendapat 4,708 undi dengan mengalahkan parti SETIA dan PAS. Calon PAS hanya mendapat 452 undi seterusnya hilang wang deposit, manakala parti SETIA yang diwakili Mohd Eddris bin Jikirun hanya mendapat 510 undi juga hilang wang deposit¹²⁴. Analisis mengenai sokongan masyarakat terhadap PAS di daerah Tawau selepas PRU11 menunjukkan PAS berjaya mendapat undi 1,491 bagi 2 DUN yang ditandingi. Ini menunjukkan pengaruh PAS tetap berkembang walaupun PAS kalah dalam pilihanraya.

Jadual 4.4 : Keputusan Pilihan Raya Bahagian N.60-Sebatik Tahun 2004

_Bil.	NAMA CALON	PARTI	BILANGAN UNDI	STATUS
1	ABDUL WAHID BIN YEMANG	PAS	452	Hilang Deposit

¹²⁴ *Ibid.*, Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah Bagi Tahun 2004, http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 1 Mac 2012.

2	MOHD EDDRIS BIN JIKIRUN	SETIA	510	Hilang Deposit
3	PATAWARI BIN PATAWE	BN	4,708	MENANG

(Sumber Jadual : Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia)

Pada Pilihanraya Umum (PRU Ke-12) tahun 2008, PAS Kawasan Tawau telah meletakkan hanya seorang calon untuk bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Sabah (DUN) iaitu Tuan Hj. Mohamed bin Tingka mantan calon PAS Pilihanraya P.165-Tawau tahun 1995 untuk bertanding bagi DUN N.58-Merotai. Beliau ketika itu merupakan Yang Dipertua PAS Kawasan Tawau.

Tuan Hj. Mohamed bin Tingka mewakili PAS bertanding melawan BN dan 3 calon Bebas. Pertandingan 5 penjurur ini memberi keputusan Barisan Nasional (BN) menang tipis dengan majoriti 242 undi. PAS hanya mendapat 931 undi yang menyebabkannya hilang wang deposit. BN melalui Pang Yuk Ming mendapat 3,723 undi dengan mengalahkan 3 calon Bebas. Calon Bebas Salman bin Nurillah hanya mendapat 286 undi juga hilang wang deposit, manakala Moktar bin Ahmad hanya mendapat 289 undi juga hilang wang deposit dan seorang lagi calon Bebas yang hampir mengalahkan calon BN iaitu Soon Ten Fook mendapat 3,481 undi¹²⁵.

Pada tahun 2008, PAS Kawasan Tawau tidak meletakkan ramai calon untuk bertanding kerana memberi laluan Parti Keadilan Rakyat (PKR) bertanding di banyak kawasan di daerah Tawau. PAS Kawasan Tawau mengambil kesempatan ini mengatur

¹²⁵ Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen Negeri Sabah Bagi Tahun 2008, http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 1 Mac 2012.

perancangan dan mengumpulkan wang ringgit demi usaha untuk menarik sokongan rakyat Tawau kepada politik Islam dan dakwah di masa hadapan.

Jadual 4.5 : Keputusan Pilihan Raya Bahagian N.58-Merotai Tahun 2008

Bil.	NAMA CALON	PARTI	BILANGAN UNDI	STATUS
1	SALMAN BIN NURILLAH	BEBAS	286	Hilang Deposit
2	MOKTAR BIN AHMAD	BEBAS	289	Hilang Deposit
3	PANG YUK MING	BN	3,723	MENANG
4	MOHAMAD BIN TINGKA	PAS	931	Hilang Deposit
5	SOON TEN FOOK	BEBAS	3,481	

(Sumber Jadual : Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia)

4.6 Faktor-Faktor Belum Menang Pilihanraya¹²⁶

Dalam konteks kekalahan di dalam senario Pilihanraya Umum yang telah dihadapi ini, PAS Kawasan Tawau telah membuat analisis dan mendapati ianya berpunca daripada 3 faktor utama iaitu:

1. Faktor kelemahan sendiri.
2. Faktor Barisan Nasional.
3. Faktor pengundi.

¹²⁶ Muhammad Nasir Ali, Setiausaha PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013, Temubual pada 1 Februari 2012.

Dalam konteks faktor kelemahan diri sendiri, PAS Kawasan Tawau mendapati bahawa mereka belum menang kerana;

1. Kelemahan jentera Pilihanraya PAS.
2. Kempen lambat dimulakan.
3. Tidak yakin dengan kemenangan sehingga kerja-kerja yang perlu dilakukan gagal dilakukan.
4. Kempen PAS begitu MANDOM dan "*DEFENSIVE*".
5. Bergantung kepada ahli / pengundi / penyokong setia sahaja.
6. Kelemahan jentera parti yang tidak dapat mendekati / menguasai / mempengaruhi masyarakat Tawau.
7. Menumpukan kepada isu peringkat nasional dan bukan isu tempatan.
8. Kempen kurang agresif kerana daerah Tawau adalah kawasan tradisi BN.
9. Kaedah dakwah ahli-ahli PAS Kawasan Tawau masih menggunakan metod '*sirrun*' yakni secara rahsia.
10. Belum ada pemimpin PAS di kalangan rakyat tempatan yang berkaliber dan berpengaruh dan menjadi '*figure*' kepada pengundi.
11. PAS Kawasan Tawau belum berjaya mendekati badan bukan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan.
12. Kurang tumpuan terhadap kawasan yang mempunyai potensi untuk menang.
13. PAS Kawasan Tawau sering terlewat memperkenalkan calon.

14. Isu-isu semasa yang telah dimainkan oleh PAS Kawasan Tawau tidak dapat diterima oleh masyarakat setempat.
15. PAS kawasan Tawau kurang mempunyai tenaga penerangan dan penggerak yang terlatih dan mencukupi di peringkat kawasan, cawangan dan kampung.
16. Organisasi urusan ulamak yang tidak tersusun¹²⁷.
17. Hubungan *ukhuwwah* yang lemah antara pemimpin dan ahli di peringkat kawasan dan cawangan menjadikan ahli tidak aktif dan komited.
18. Kurang komitmen ahli terhadap usrah dan *tarbiyyah* sehingga mereka meninggalkan jemaah perjuangan PAS dan medan dakwah.
19. Kurang berusaha dengan gerak kerja dan strategi yang bersepadu di semua peringkat.
20. Kurang melaksanakan solat hajat, berdoa dan bermunajat agar Allah mengurniakan kemenangan.

Dalam konteks faktor Barisan Nasional, PAS Kawasan Tawau mendapati bahawa mereka belum menang kerana¹²⁸;

1. Barisan Nasional terlalu kuat buat PAS.
2. Masyarakat Melayu dilihat amat setia kepada BN.
3. Barisan Nasional telah menyogok pengundi dengan wang.

¹²⁷ Ustaz Alias Sulong, Ketua Urusan Ulama' PAS Kawasan Tawau, Temubual pada 1 Februari 2012.

¹²⁸ Muhammad Hussain, YDP PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 14 Disember 2011.

4. Jentera BN dibantu agensi kerajaan.
5. Ugutan pihak BN terhadap penyokong-penyokong PAS.
6. BN menggunakan media massa kerajaan untuk mempengaruhi rakyat.

Manakala faktor pengundi pula, PAS Kawasan Tawau mendapati bahawa mereka belum menang kerana;

1. Pengundi sudah membuat keputusan awal untuk menolak PAS kerana tetap yakin untuk bersama-sama UMNO-BN yang membela nasib dan kehidupan mereka selama ini.
2. Pengundi belum memahami sepenuhnya apa yang dikatakan 'Politik Islam'.
3. Pengundi 'atas pagar' belum dapat dipengaruhi oleh PAS Kawasan Tawau.
4. Pengundi memilih kempen pembangunan berbanding janji-janji tidak pasti pakatan pembangkang.

4.7 Persiapan Menghadapi Pilihanraya

Melalui tinjauan khusus PAS Kawasan Tawau yang telah melibatkan diri dengan aktiviti pilihanraya bermula tahun 1990 dalam Pilihanraya Umum Ke-8 (PRU8) sehinggalah Pilihanraya Umum (PRU12) pada tahun 2008, kekalahan demi kekalahan yang dialami pada setiap kali pilihanraya menyebabkan beberapa pimpinan PAS Negeri dan Pusat telah mengemukakan saranan untuk mengubah strategi

perjuangan khususnya untuk menghadapi Pilihanraya Umum akan datang. Berikut antara persediaan yang diutarakan¹²⁹:

4.7.1 Cara Kempen dan Dakwah

PAS Pusat merasakan bahawa corak berdakwah dan berkempen perlu diubah di semua peringkat setelah mendapati terdapatnya kelemahan di dalam corak berdakwah dan berkempen yang telah lalu. Cara yang lebih sistematik perlu dilaksanakan supaya perjuangan ini dapat diterima oleh masyarakat Tawau. Dalam erti kata lain, cara berdakwah hendaklah dilakukan dengan lebih lembut dan hikmah atau secara bijaksana kerana cara yang telah lalu kelihatannya agak kasar sehingga masyarakat tidak dapat menerima perjuangan PAS. Hal ini sesuai dengan firman Allah S.W.T:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ
بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk¹³⁰.

(Surah al-Nahl (16) : 125)

¹²⁹ Muhammad Hussain, YDP PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 14 Disember 2011.

¹³⁰ Al-Quran, Surah al-Nahl (16) : 125.

Dalam konteks ini juga, kegiatan dakwah dan kempen perlulah diteruskan dan ianya hendaklah dimulakan dari awal lagi, selama 3 atau 4 tahun sebelum Pilihanraya Umum diadakan dengan memberi tumpuan kepada umat Islam sendiri. Hal ini kerana didapati kurangnya pemahaman yang mendalam mengenai Islam sehingga mereka menolak gagasan untuk menubuhkan pemerintahan Islam. Mereka juga seolah-olah takut dan meragui kemampuan tokoh-tokoh dari kalangan pihak PAS untuk menjalankan pemerintahan. Oleh itu, sasaran dakwah dan kempen perlulah tepat dan bersesuaian dengan kehendak masyarakat setempat. Ianya juga perlulah dinilai dari sudut latar belakang individu yang hendak didakwahkan serta taraf pendidikannya. Ini bertujuan untuk membantu mereka dengan lebih mudah menghayati Islam yang disampaikan menurut kadar kemampuan mereka yang menerimanya.

4.7.2 Menambah Keahlian

Di dalam perjuangan seterusnya, PAS Kawasan Tawau perlulah meningkatkan usaha bagi memperbanyakkan jumlah ahli. Hasilnya, mereka akan dapat dijadikan penggerak parti di masa hadapan. Ramainya jumlah ahli sudah pasti akan memudahkan lagi pihak PAS Kawasan Tawau untuk bergerak mengatur strategi dengan lebih mantap. Program-program penerangan tentang PAS itu sendiri perlu diperbanyakkan dan dipergiatkan dari masa ke semasa bagi menarik perhatian masyarakat setempat untuk mereka mendaftar diri sebagai ahli¹³¹.

¹³¹ Ust. Azimi Siwok, Ketua Penerangan PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 1 Februari 2012.

Di dalam konteks ini juga, bagi memperkuat kefahaman tentang Islam di kalangan ahli sendiri, aktiviti-aktiviti seperti usrah, tamrin, diskusi, seminar, kelas pengajian agama dan kelas al-Quran, konvensyen, *qiam al-lail* dan ceramah perlulah diperbanyakkan. Aktiviti seperti ini merupakan proses *tarbiyyah* terhadap ahli khususnya kepada golongan pemuda dan muslimat serta lain-lain golongan.

4.7.3 Penyusunan Semula Organisasi dan Jawatankuasa

Selain daripada itu, organisasi PAS di semua peringkat haruslah disusun semula bagi memastikan individu yang diamanahkan jawatan tertentu dapat menjalankan amanah tersebut sebaik mungkin. Di samping itu, pihak PAS Kawasan Tawau juga perlu meneruskan tugas jawatankuasa penyelarasan di semua DUN. Pihak PAS Kawasan Tawau juga perlulah memikirkan cara yang terbaik untuk lebih merapati pengundi ‘atas pagar’ seperti memberikan mereka hadiah dan bantuan bagi membolehkan mereka lebih menghayati Islam dan memahami perjuangan PAS itu sendiri untuk Islam¹³².

Di dalam konteks organisasi pula, Urusan Dewan Ulamak PAS Kawasan Tawau perlulah diberikan peranan yang lebih penting di dalam usaha membentuk petugas-petugas parti yang mempunyai sifat-sifat dan keupayaan di dalam keilmuan yang berasaskan keimanan, keteguhan dan ketinggian akhlak¹³³.

¹³² Kadarisman Kadir, mantan Ketua Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 1993-1995 merangkap YDP PAS Kawasan Kalabakan Sesi 2011-2013. Temubual pada 19 Disember 2011.

¹³³ Ustaz Alias Sulong, Ketua Urusan Ulama’ PAS Kawasan Tawau, Temubual pada 3 Februari 2012.

Jawatankuasa Kerja pula, merupakan satu peringkat kepimpinan di dalam parti yang akan menggabungkan para ulamak, intelektual dan petugas-petugas parti. Jawatankuasa Kerja ini menggabungkan tenaga-tenaga pilihan yang mewakili pelbagai golongan di dalam PAS. Semua tenaga penggerak pula dipandu oleh Majlis Syura yang berperanan menghurai, memperjelas dan merumuskan dasar PAS berpandukan ajaran Islam. Menerusi Majlis Syura ini akan dapat menghancurkan kuasa-kuasa mutlak dalam organisasi PAS¹³⁴.

Selain itu, Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau pula hendaklah bekerjasama dengan semua pihak dan terlibat secara langsung di dalam semua aktiviti yang dianjurkan sama ada di peringkat kawasan mahupun kampung / cawangan. Ini akan dapat menarik lebih ramai lagi masyarakat terutamanya golongan muda dan terpelajar untuk menyertai PAS¹³⁵.

Peranan dan tanggungjawab yang diberikan kepada ahli hendaklah diperluas setahun atau dua tahun sebelum pilihanraya berlangsung. Kerja-kerja berikut hendaklah dibuat:

¹³⁴ Muhammad Hussain, YDP PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 14 Disember 2011.

¹³⁵ Muhammad Nazri Mokhtar, Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 1 Februari 2012.

4.7.4 Bilik Gerakan¹³⁶

- a) Mengumpul dan mendokumentasikan data dan maklumat seperti kekuatan PAS dan lain-lain parti politik, institusi PAS dan lain-lain parti politik, pengkalan-pengkalan politik, masjid atau surau dan penguasaannya, keputusan pilihanraya yang lalu dan Buku Daftar Pemilih yang terakhir.
- b) Menyediakan peta pilihanraya dan melengkapkannya dengan maklumat seperti tempat-tempat mengundi, jalan keluar masuk pengundi, kedudukan cawangan PAS dan lain-lain parti politik, masjid dan surau, Markas PAS dan lain-lain parti politik, pengkalan politik dan institusi PAS dan lain-lain parti politik, Buku Daftar dan Software Daftar Pemilih yang terkini, senarai atau daftar alamat dan telefon perhubungan orang yang penting dan berpengaruh.
- c) Menyediakan dengan lengkap dan cukup peralatan siaraya, P.A Sistem, telekomunikasi, faks, komputer, *printer*, LCD, mesin fotocopy dan alat rakaman.
- d) Menyelaras semua program persiapan dan gerak kerja pilihanraya dan bertindak sebagai urusetia di musim pilihanraya.

¹³⁶ Muhammad Nasir Ali, Setiausaha PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013, Temubual pada 1 Februari 2012.

4.7.5 Kewangan dan Bekalan¹³⁷

- a) Menyediakan anggaran perbelanjaan persiapan dan pilihanraya mengikut bidang tugas dan portfolio masing-masing.
- b) Merancang dan berikhtiar mencari kewangan / bekalan dari punca yang halal dengan secukupnya bagi membiayai perbelanjaan persiapan dan pilihanraya.
- c) Mewujudkan dan mengendalikan satu sistem pentadbiran kewangan yang baik dan tersusun.
- d) Menyediakan dan membekal makan dan minum kepada petugas.
- e) Menyediakan dan membekal bahan-bahan peralatan untuk kerja-kerja persiapan dan gerak kerja pilihanraya.

4.7.6 Urusan Pemilih¹³⁸

- a) Berpandukan kepada peta pilihanraya peringkat lokaliti dan menyediakan senarai lengkap penduduk (kad kenal pasti).

¹³⁷ Muhammad Hussain, YDP PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 14 Disember 2011.

¹³⁸ Muhammad Nasir Ali, Setiausaha PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013, Temubual pada 1 Februari 2012.

- b) Memastikan semua cawangan PAS / Unit Peti Undi (UPU) mempunyai buku / CD daftar pemilih yang terakhir dan lengkap.
- c) Mengurus kerja-kerja pendaftaran dan semakan pengundi.
- d) Menyenarai dengan lengkap:
 - Pengundi yang berada di luar kawasan.
 - Pengundi yang tidak dapat dikenalpasti.
 - Pengundi yang tidak didaftarkan (Pengundi Hantu).
- e) Menyediakan dan membekalkan kad saluran mengundi.

4.7.7 Penerangan dan Penyelidikan¹³⁹

- a) Mengenalpasti lokasi yang strategik untuk diadakan program penerangan.
- b) Merancang, menyusun dan mengendalikan program penerangan yang menyeluruh, tersusun dan berkesan.
- c) Mewujudkan sistem laporan maklum balas mengenai program penerangan PAS dan lain-lain parti politik.
- d) Mengumpul, menganalisa dan mendokumentasikan data dan maklumat untuk dijadikan bahan dalam penerangan dan asas kepada lain-lain perancangan gerak kerja.
- e) Menyusun dan melaksanakan gerakan kempen dan rayuan undi dari rumah ke rumah.

¹³⁹ Ust. Azimi Siwok, Ketua Penerangan PAS Kawasan Tawau, Temubual pada 1 Februari 2012.

- f) Memastikan program penerangan yang dibuat dapat meyakinkan pengundi terhadap perjuangan PAS dan menarik mereka supaya menyokong PAS dan meninggalkan parti lawan.

4.7.8 *Polling Agent dan Counting Agent*¹⁴⁰

- a) Mengenal pasti dan melantik petugas-petugas parti untuk dijadikan PACA.
- b) Menganjurkan program kursus / latihan yang secukupnya kepada anggota PACA bagi memastikan mereka dapat melaksanakan tugas dengan betul dan berkesan.
- c) Mengatur jadual giliran bertugas.
- d) Memastikan petugas PACA mempunyai dokumen yang lengkap sebelum menjalankan tugas.

4.7.9 Keselamatan dan Perang Saraf¹⁴¹

- a) Bertanggungjawab sepenuhnya tentang keselamatan pimpinan, calon yang bertanding, bilik gerakan, petugas, program, peralatan, harta benda dan semua kepentingan PAS.
- b) Mengadakan hubungan langsung dengan pihak keselamatan (polis) dan membuat pengaduan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.
- c) Mengesan dan mendapat maklum balas mengenai gerakan parti lawan.

¹⁴⁰ Muhammad Hussain, YDP PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 14 Disember 2011.

¹⁴¹ Muhamad Husain. Temubual pada 14 Disember 2011.

- d) Melaporkan sebarang kejadian yang melanggar peraturan dan undang-undang pilihanraya.
- e) Mengkaji kelemahan-kelemahan parti lawan untuk digunakan dalam kempen.

4.7.10 Pengangkutan¹⁴²

- a) Merancang dan menentukan keperluan pengangkutan untuk kegunaan gerak kerja pilihanraya dan hari mengundi.
- b) Menyediakan pelekut untuk semua kenderaan PAS.
- c) Menyediakan perayu undi tempatan bagi pemandu-pemandu dari luar.

4.7.11 Risalah, Banner dan Poster¹⁴³

- a) Merancang dan mengenal pasti tempat-tempat yang strategik untuk menampal poster, memasang sepanduk dan menggantung bendera.
- b) Mengenal pasti dan merancang penggunaan lain-lain media kempen.
- c) Menyediakan pasukan petugas untuk kerja-kerja pemasangan dan menyebarkan poster dan banner.
- d) Membersihkan dan mengumpulkan bahan-bahan poster, banner dan sepanduk selepas hari mengundi.
- e) Merancang dan menyediakan jadual pemasangan, penyebaran dan penggunaan poster dan banner yang strategik.

¹⁴² Muhammad Nazri Mokhtar, Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 1 Februari 2012.

¹⁴³ Muhammad Nazri Mokhtar. Temubual pada 1 Februari 2012.

4.7.12 Urusan Pemuda¹⁴⁴

- a) Menyelaras dan menggerakkan petugas dan tenaga pemuda di dalam kerja-kerja pilihanraya.
- b) Mengendalikan program kursus dan latihan kepada petugas-petugas pemuda supaya berkemampuan menjalankan kerja-kerja pilihanraya.
- c) Menyusun dan mengatur program pengisian rohani dan fizikal untuk pemuda dengan tujuan meningkatkan kemampuan dan daya juang mereka.
- d) Merangka, menyusun dan melaksanakan program kepemudaan yang sesuai dan menarik minat golongan belia supaya mendekati dan menyertai perjuangan Islam dan menyokong PAS.
- e) Menjadi tenaga pembantu kepada mana-mana jentera/portfolio pilihanraya apabila diperlukan.

4.7.13 Urusan Muslimat¹⁴⁵

- a) Membentuk dan menggerakkan jentera kerja muslimat di dalam kerja-kerja pilihanraya.
- b) Mengendalikan program kursus dan latihan kepada petugas-petugas muslimat supaya berkemampuan menjalankan kerja-kerja pilihanraya.
- c) Menyusun dan mengatur program pengisian untuk muslimat bagi melahirkan kefahaman, penghayatan dan semangat di kalangan pengundi wanita.

¹⁴⁴ Muhammad Nazri Mokhtar. Temubual pada 1 Februari 2012.

¹⁴⁵ Muhammad Hussain, YDP PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 14 Disember 2011.

- d) Menubuhkan pasukan perayu undi di kalangan muslimat untuk menjalankan gerak kerja kempen dari rumah ke rumah dan bertugas di 'bangsal / pondok panas' pada hari pengundian.

4.8 Pengaruh PAS dalam Masyarakat Tawau

Sesungguhnya perjuangan dan gerakan-gerakan yang telah dilakukan oleh PAS ternyata telah meninggalkan kesan di dalam masyarakat. Walaupun hasilnya tidaklah menyeluruh, namun sebahagian anggota masyarakat Tawau terutamanya masyarakat Bugis sudah menerima perjuangannya secara beransur-ansur dan bertahap¹⁴⁶.

4.8.1 Gerakan Politik

Parti Islam SeMalaysia (PAS) adalah sebuah gerakan Politik Islam yang melaksanakan aktiviti *amal Islami* ke arah mencapai cita-cita perjuangan Islam iaitu meninggikan kalimah Allah SWT sehingga ia mampu mengatasi ideologi ciptaan manusia.

Penyertaan PAS dalam medan *siasah* (politik) adalah sebahagian dari tanggungjawab perjuangannya untuk mendaulatkan syariat Allah S.W.T di atas muka bumi ini. Manakala *siasah* PAS adalah *siasah Islamiyyah* yang mesti dikayakan

¹⁴⁶ Kadarisman Kadir, mantan Ketua Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 1993-1995 merangkap YDP PAS Kawasan Kalabakan Sesi 2011-2013. Temubual pada 19 Disember 2011.

dengan adab, akhlak dan prinsip Islami yang dipandu oleh wahyu dan sunnah Rasulullah S.A.W.

Semua pemimpin dan anggotanya terikat dengan tatacara yang telah dimaktubkan, maka pelanggaran terhadap prinsip-prinsip tersebut dianggap satu kesalahan yang tidak wajar dilakukan oleh pemimpin dan anggota PAS.

Tugas dan tanggungjawab PAS jauh lebih besar dari hanya sekadar berpolitik. Tanpa mengabaikan tanggungjawab politik yang dilunas mengikut prinsip *amal Islami*, PAS juga mempunyai tanggungjawab besar untuk turun berdakwah dan memimpin fikrah (pemikiran), *syakhsiah* (peribadi) dan *ruhiyyah* (spiritual) masyarakat.

4.8.2 Gerakan Dakwah

Selain daripada aktiviti politik, pihak PAS Tawau juga tidak melupakan aspek yang lain seperti gerakan dakwah kepada masyarakat Islam dan bukan Islam. Sesungguhnya PAS Tawau telah memberikan sumbangan besar ke arah kesedaran beragama melalui ceramah-ceramah agama, usrah-usrah, kuliah-kuliah agama, kelas-kelas pengajian al-Quran, pusat-pusat asuhan Tunas Islam (PASTI), Madrasah Darul Hidayah dan lain-lain cara yang termampu sebagai sebuah parti pembangkang¹⁴⁷.

¹⁴⁷ Muhamad Husain, YDP PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 14 Disember 2011.

Kepimpinan PAS Tawau pada hari ini terus mengorak langkah ke arah menanamkan semangat dan akidah Islamiyah di hati setiap umat Islam dalam usaha meluaskan pengaruh perjuangannya. Melalui gerakan dakwah ini, para pemimpin PAS Tawau tidak lari dari menyuarakan persoalan-persoalan politik semasa. Bagi PAS, Islam dan politik tidak dapat dipisahkan kerana Islam turut merangkumi soal-soal politik, ekonomi, kebudayaan, sosial dan pendidikan yang merupakan sebahagian daripada aspek kehidupan. Di dalam konteks ini, perhubungan yang terdapat di antara akidah dan politik adalah merupakan suatu hubungan yang berterusan dalam proses gerakan dakwah seperti mana hubungan akidah dan syariah atau hubungan antara iman dan amal soleh. Hubungan demikian menggambarkan keistimewaan sistem politik Islam.

4.9 Ramalan Masa Depan PAS di Tawau

Sesungguhnya adalah agak sukar untuk memberi ramalan mengenai masa depan PAS Kawasan Tawau ekoran daripada berbagai-bagai strategi yang dilakukan oleh Umno-BN yang mempunyai peluang dan potensi, serta menguasai pelbagai sumber kewangan dan kemudahan strategik khususnya melalui penguasaan di peringkat negeri dan Kerajaan Persekutuan serta menguasai agensi-agensi penting seperti polis dan mahkamah.

Selagi Parlimen atau DUN belum dibubarkan, malah sehingga detik-detik akhir hari pengundian, proses untuk mempengaruhi keputusan pilihan raya masih terbuka luas, sama ada bagi PAS dalam Pakatan Rakyat mahupun Barisan Nasional.

Biar dalam keadaan sedaif mana sekalipun, termasuk diasak siri penipuan melibatkan persoalan paling asas, iaitu senarai daftar pemilih, PAS Kawasan Tawau tetap berpeluang untuk mengatasi perangkap itu dan seterusnya mencipta kemenangan di daerah Tawau. Kalau DAP boleh menang di kerusi N.57 Sri Tanjong dalam Parlimen Tawau dengan majoriti 1,172 undi melalui Wong Sze Phin @ Jimmy Wong yang mendapat sebanyak 5,359 undi, persoalannya mengapa PAS tidak boleh menang juga macam DAP sedangkan kerusi yang PAS masuk bertanding dikenal pasti berpotensi boleh menang?

Kini, PAS Kawasan Tawau sudah berusia 25 tahun sejak ditubuhkan pada tahun 1987. Bermula tahun 1990 turun bertanding dalam pilihanraya sehingga tahun 2008 PAS Kawasan Tawau telah bertanding dalam 5 pilihanraya yang sudah tentu banyak pengalaman yang dilaluinya. Namun tidak juga menang, maka PAS Kawasan Tawau wajib bermuhasabah dan mesti menilai diri dengan harapan bahawa baki masa yang ada dapat dimanfaatkan bagi melakukan pelbagai usaha penambahbaikan, memperkemas persiapan, dan memperbaiki kelemahan. Jika ditanya pendapat saya tentang kemungkinan PAS Kawasan Tawau boleh menang di daerah Tawau, tanpa ragu saya menjawab, “tidak mustahil”.

Dengan setiakawan di dalam Pakatan Rakyat, lembaran baru kerjasama PAS-DAP-PKR ini bakal memangkin satu pembaharuan dan imej ke hadapan yang akan menarik lebih ramai golongan muda serta pelbagai bangsa untuk mendekati PAS yang suatu ketika dahulu pernah digeruni. Semoga dengan calon pemimpin muka baru yang dapat diterima pengundi muda dan dapat diterima oleh semua kaum serta imej baru PAS bakal mencorak perjalanan penuh dengan kejayaan kelak.

BAB 5

Rumusan dan Penutup

5.1 Rumusan

Rakyat Negeri Di Bawah Bayu popular dengan kecenderungan *siasah*nya yang lebih terbuka dan berani membuat keputusan. Lama sebelum tsunami politik melanda semenanjung, Mac 2008, bumi Sabah sudah menyaksikan perubahan kepemimpinan negeri, ada kalanya berlaku secara mengejut dan tidak dijangka.

Parti-parti yang menerajui kerajaan negeri bersilih ganti. Bermula *United National Kadazan Organization* (UNKO), pimpinan Donald Stephens, kepada *United Sabah National Organizatin* (USNO), diasaskan Datu Mustapha Datu Harun, kepada Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) diketuai Fuad Stephens dan Haris Salleh, seterusnya Parti Bersatu Sabah (PBS) diterajui Joseph Pairin Kitingan.

Penyertaan mengejut PBS bersama Gagasan Rakyat pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah menjelang Pilihan Raya Umum 1990 mendorong UMNO bertapak di Sabah, seterusnya menguasai negeri itu sehingga kini.

PAS bertapak di Sabah bermula pada 19 Mei 1986 ekoran kemenangan besar PBS pada pilihanraya negeri pada 6 Mei 1986. Faktor lain ialah kerana sikap dingin UMNO membela masyarakat Islam di Sabah terutamanya USNO yang tengah tenat

pada ketika itu dan dirancarkan pula oleh faktor dominasi guru-guru semenanjung yang ditempatkan di negeri ini setelah melalui proses tarbiyah di peringkat kampus. Jika dalam pilihan raya 1986 PAS bertanding tiga kerusi Parlimen, iaitu Kota Belud, Jambongan dan Kimanis, untuk PRU13, Parti Islam ini akan diamanahkan untuk bertanding sejumlah kerusi yang jauh lebih besar, mungkin mencatat rekod sepanjang 26 tahun berjuang dengan penuh getir di Sabah. Menyorot kembali tahun 1986, walaupun PAS Sabah masih baru pada tahun tersebut tetapi penerimaan masyarakat Sabah sangat baik apabila tiga calon PAS, Jamlidi bin Oleh, Tuan Hj. Hamzah bin Hj. Abdullah dan Pg. Ali Uddin yang bertanding dalam pilihan raya tahun 1986 tidak hilang wang deposit.

PAS seterusnya mula bertapak dan berpangkalan di empat kawasan iaitu Sandakan, Tawau, Kinabatangan dan Kota Belud selain berkembang di sekitar Kota Kinabalu. Islam di negeri ini berkembang dari tahun ke tahun, dengan penubuhan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dan madrasah akan merancarkan lagi gerakan Islam. Cawangan PASTI terawal di Sabah telah beroperasi di Tawau dan akhirnya berkembang ke seluruh Negeri Di Bawah Bayu dengan rekod perkembangan yang baik dan warga Cina dan Kadazan yang bukan beragama Islam turut menghantar anak mereka ke PASTI.

Tokoh yang banyak membantu PAS Sabah pada peringkat awal ialah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dan Subki Latif yang banyak membantu dari segi fikrah dan haraki bagi memantapkan lagi era pergerakan politik Islam di Sabah. Mereka

memberi beberapa saranan untuk generasi akan datang antaranya pergerakan harus berasaskan kepada pelan bertindak yang disepakati, pembinaan kepimpinan mesti melalui proses tarbiyah harakiah, mewujudkan jaringan kerja dengan pihak NGO, memahami budaya, bahasa, dan adat resam masyarakat setempat, mendewasakan pergerakan Pemuda dan Muslimat serta melakukan lawatan kerja ke negeri-negeri yang dimenangi PAS dan Pakatan Rakyat.

Dapat dirumuskan bahawa PAS Kawasan Tawau bermula dengan cawangan PASTI yang diwujudkan di Daerah Tawau. Kini berkembang menjadi organisasi politik yang berperanan di daerah Tawau. Diasaskan oleh beberapa tokoh setempat di antaranya ialah Yang Dipertua PAS Kawasan Tawau yang pertama ialah Tuan Hj. Muhammad Abdullah dan Timbalan Yang Dipertuanya iaitu mantan pengerusi penaja, saudara Aminuddin Zainuddin dan lain-lain.

Bermula dari sebuah organisasi kecil, PAS Kawasan Tawau telah berkembang ke beberapa cawangan. Jumlah ahli semakin bertambah dari masa ke semasa. PAS Kawasan Tawau telah didaftarkan secara rasminya dengan pihak Pendaftar Pertubuhan pada 30 April 1988. Bilangan pendaftaran PPM/SB: 26/52-3090(2).

Berpunca daripada kekalahan demi kekalahan yang dialami di dalam pilihan raya, PAS Kawasan Tawau telah menyemak kembali strategi perjuangannya di samping meneruskan gerakan dakwah yang telah dilaksanakan selama ini yang difikirkan perlu. PAS Kawasan Tawau merasakan bahawa corak berdakwah dan

berkempen perlu diubah setelah mendapati terdapatnya banyak kelemahan di dalam corak berdakwah dan berkempen yang telah lalu. Cara yang lebih sistematik perlu dilaksanakan supaya perjuangan ini dapat diterima oleh masyarakat Tawau. Dalam erti kata lain, cara berdakwah hendaklah dilakukan dengan lebih lembut dan hikmah atau secara bijaksana kerana cara yang telah lalu kelihatannya tidak mesra sehingga masyarakat lambat menerima perjuangan PAS.

Selain penerimaan masyarakat yang menggalakkan terhadap PASTI dan pendidikan Islam di Tawau, PAS Kawasan Tawau dan PAS Kawasan Kalabakan tidak dapat lari dari menghadapi beberapa masalah, namun masalah tersebut cuba diatasi oleh PAS Kawasan Tawau dan PAS Kawasan Kalabakan dengan terus mengorak langkah ke arah menanamkan semangat dan akidah Islamiyah di hati setiap umat Islam di samping pelbagai aktiviti yang dijalankan dalam usaha meluaskan pengaruh perjuangannya. Mereka berusaha meningkatkan kefahaman dan penghayatan petugas-petugas PAS di semua peringkat bagi mengikis penyakit atau budaya negatif seperti *futur*, *isti'jal*, *ukhuwah* yang longgar dan seumpamanya. Mereka juga menegaskan bahawa setiap anggota jemaah sama ada pemimpin, petugas atau ahli parti, hendaklah memperkukuhkan sifat-sifat kualiti peribadi dan meningkatkan keupayaan diri dalam memperkasakan jihad dengan memperkukuhkan *wala'*, *thiqah* dan *intima'* terhadap pimpinan dan jemaah.

PAS Kawasan Tawau terus menyokong dan memperkukuhkan kerjasama politik di kalangan parti-parti dalam Pakatan Rakyat melalui kaedah *tahaluf siyasi*

tanpa menggadai prinsip perjuangan di samping menjadikannya sebagai satu ruang dakwah. Mereka juga komited dalam meneruskan sumbangan dalam memperkasakan PAS benar-benar sebagai sebuah gerakan Islam yang syumul.

5.2 Saranan

Penulis ingin mengemukakan beberapa saranan kepada pimpinan, petugas parti, pendokong dan penyokong PAS Tawau, masyarakat Islam, para penyelidik dan pengkaji serta ilmuan dan pendakwah jika ingin berjaya dalam mencapai misi dan visinya, 7 perkara mesti diambil berat dan dilaksanakan;

1. Menanamkan keyakinan bahawa PAS boleh berjaya mencapai misi dan visinya.
2. Fokus kepada misi dan visi yang mahu dicapai.
3. Hindarkan perkara sia-sia dalam mengejar misi dan visi.
4. Buat penyucian dan pembersihan dalam diri serta parti.
5. Jaga maruah diri dan parti.
6. Jaga amanah dan kotakan janji.
7. Jangan tinggal solat serta berdoa dan Solat Hajat.

Selain itu, segala kelemahan hendaklah diatasi dan diselesaikan dengan bijaksana dan secara syura. Angkatlah pemimpin yang kuat bekerja dan dipercayai. Kepimpinan ulamak diutamakan di samping menggabungkan mereka dengan tenaga-tenaga profesional dan pakar dari kalangan yang berpendidikan sekular supaya

bersama-sama dapat membangunkan Islam serta masyarakat ke arah satu matlamat yang sama iaitu untuk memperolehi keredhaan Allah S.W.T.

Demi keteguhan jemaah dan Islam dalam jangka panjang, penulis menyarankan supaya lebih menekankan masalah tarbiyyah pimpinan dan ahli secara berkekalan dan terancang. Ini kerana pimpinan akan menjadi ikutan dan teladan kepada pengikut. Segala apa yang dilakukan pemimpin akan dinilai dan diperhatikan oleh pengikut dan penyokong.

Belajar daripada negeri-negeri yang telah ditadbir PAS, bagaimana mereka memerintah dan mendapat pemerintahan. Apa rahsia mereka sehingga mereka boleh menang dalam pilihan raya? Bagaimana untuk diterapkan cara-cara mereka mencapai kejayaan dalam situasi negeri Sabah umumnya dan di Tawau khususnya?

Para pimpinan Islam di Daerah Tawau hendaklah merangka satu strategi yang jitu dan berkesan supaya masyarakat Islam dan bukan Islam dapat dipengaruhi untuk memberikan kerjasama agar mereka memberi sokongan kepada Islam atau setidaknya tidak menentang Islam.

Pada pendapat penulis, skop perjuangan PAS haruslah diperluaskan lagi. Cadangan-cadangan lain yang ingin dikemukakan dalam disertasi ini ialah:

1) PAS haruslah membesarkan peranan yang dimainkan oleh markas-markas PAS demi menggalakkan penglibatan orang ramai secara aktif, terancang, bersifat memberi perkhidmatan kepada masyarakat setempat khususnya serta melicinkan pergerakan idea rakyat secara dua hala.

Dalam erti kata lain, memakmurkan markas-markas PAS. Memakmurkan di sini kita cuba merujuk kepada markas-markas PAS untuk bertindak sebagai suatu sumber keperluan bagi masyarakat setempat. Jadikanlah Markas PAS itu sebagai suatu tempat yang mesti disinggahi oleh oleh semua golongan tak kira tua, muda, pelajar, golongan profesional, pegawai rendah kerajaan, petani dan tak ketinggalan juga bagi kaum hawa seperti suri rumah mahupun yang bekerja.

Jadikanlah Markas PAS itu sebagai “Kalau tak singgah sehari atau seminggu semacam ada sesuatu yang tak kena bagi mereka”. Peranan yang boleh dimainkan ialah menjadikan Markas PAS sebagai pusat untuk penyebaran berita dan hal-ehwal semasa negara dan parti. Penyebaran berita amat penting untuk mengetahui komen, penjelasan, aduan dan analisis yang terjadi sebenarnya yang sengaja dirahsiakan oleh pihak akhbar dan televisyen kepunyaan Barisan Nasional. Analisis amat penting untuk mengelakkan masyarakat dari dipesongkan dengan pelbagai isu, menjelaskan peristiwa, tipu helah polisi dan langkah-langkah tertentu yang diambil oleh Barisan Nasional untuk mengelirukan rakyat.

Teknologi seperti fax, internet, fotokopi, facebook, twitter dan telefon hendaklah digunakan secara optimum. Cetaklah artikel-artikel yang bermanfaat yang telah diteliti oleh para *Webmaster* untuk menjauhkan masyarakat dari ditipu oleh akbar harian dan menunjukkan pengiktirafan kepada Webmaster. Berita yang diterima melalui alat-alat yang disebutkan tadi seboleh-bolehnya cetak secepat mungkin dan ditampal di papan kenyataan atau dijadikan 'akhbar kecil' untuk pembacaan tetamu di ruang yang agak selesa yang sudah disediakan untuk sesiapa sahaja yang datang. Jika selalu berita di '*update*' secara tetap, maka keraplah orang akan datang sepertimana ketagihnya pengguna internet melayari laman-laman kesukaan mereka setiap hari. Tapi ingat, usaha ini mestilah konsisten.

Dengan adanya 'ruang rehat' seperti ini juga dapat menggalakkan perbincangan, bertukar-tukar pendapat, berkenalan seterusnya mengeratkan ikatan silaturrahim bagi semua peringkat masyarakat terutama ahli-ahli PAS. Jika ahli-ahli UMNO diajak datang bersama, PAS juga mungkin dapat memenangi hati mereka apabila mereka diberikan *hospitality* yang menakjubkan dan untuk membolehkan mereka tidak kekok dengan Persekitaran PAS dan suasana KeIslaman seterusnya mendapat ramai sahabat baru yang sememangnya ahli PAS selaras dengan kehendak agama kita yang menuntut umatnya untuk berdakwah secara bijaksana.

Berdoalah kepada Allah S.W.T agar mengilhamkan kepada PAS untuk menggunakan *psychological advantage* secara perlahan pada keadaan tertentu untuk melembutkan 'hati yang telah keras' itu. Ceramah adalah satu cara yang sesuai untuk

Melayu jenis A, tetapi ia tidak sesuai untuk Melayu jenis B dan memerlukan pendekatan yang berlainan. PAS mesti guna banyak pendekatan.

2) Sistem *Newsletter* atau *NewsSMS* (untuk yang tidak dapat ke markas PAS kerana jauh). Disebabkan pengguna internet rata-ratanya dari kalangan kaum lelaki dan perempuan muda, berpendidikan, bertaraf sederhana dan sederhana atas, PAS juga digalakkan untuk mengadakan sistem newsletter dan newsSMS kepada ahli-ahlinya yang tidak mempunyai kemudahan internet. Belajarlah bagaimana cara untuk menghantar newsSMS dengan segera secara banyak atau membangunkan database alamat ahli-ahli dan mengepos secara sistematik. Kajilah kumpulan sasaran supaya bersesuaian dengan newsletter yang hendak dikeluarkan itu seperti petani, nelayan, peniaga, bekas askar, bekas polis, kakitangan kerajaan, pensioner dan juga belia. Pusatkan sasaran newsletter dan newsSMS kepada kubu kuat Barisan Nasional.

Cubalah dahulu di DUN PAS hampir menang buat ketika ini untuk mencogak kos yang perlu dikeluarkan untuk peralatan, percetakan dan pengeposan, anggaran kakitangan serta penjadualan masa. Sekurang-kurangnya Newsletter dan NewsSMS dapat dijadikan bahan perbualan ketika melawat sahabat handai, di kedai kopi dan seterusnya tempas dari berita itu mesti akan sampai kepada orang UMNO juga dan Insya' Allah mereka pun tertarik untuk membacanya.

Dengan ini, PAS dapat mempelbagaikan teknik berjihad dan juga dapat mengalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti parti secara konsisten. Newsletter

dan NewsSMS juga mesti konsisten. Kita mesti sedarkan masyarakat yang mereka sentiasa mendapat perhatian PAS tak kira di mana jua mereka berada.

3) Mewujudkan Tabung dan Jawatankuasa Bantuan. PAS Kawasan Tawau harus lebih agresif dan cergas dalam menolong orang yang dalam kepayahan dan kesusahan walaupun kawasan itu tidak dimenangi olehnya ketika pilihanraya. Memang tak ada salah pun sebab itulah ajaran agama Islam. PAS haruslah mengadakan satu program untuk menguruskan kutipan wang untuk menjalankan kerja-kerja kebajikan dan lakukan tindakan jauh lebih cepat dan efisien berbanding jabatan-jabatan yang dinaungi Barisan Nasional.

Banyak tabung bantuan yang boleh diwujudkan seperti Tabung Keluarga Miskin, untuk pendidikan anak-anak miskin peringkat rendah dan menengah seperti membeli buku serta alat tulis dan mungkin juga basikal. Tabung Pembinaan / membaiki masjid, sekolah agama, madrasah dan surau. Tabung untuk kewangan PAS sendiri untuk komputer, fax, percetakan dan risalah yang diterbitkan di setiap markas PAS seperti yang dicadangkan di atas. Jawatan kuasa mestilah ditubuhkan dan ini akan menambahkan penglibatan masyarakat dengan kegiatan PAS.

4) Khidmat masyarakat dari segi nasihat dan bimbingan. Terdapat beberapa kategori dalam memberi nasihat dan bimbingan seperti:

- a) Hal ehwal ibadat harian, kemusykilan agama, haji / umrah dan lain-lain.
- b) Hal ehwal rumahtangga dan keibubapaan.

- c) Hal ehwal kesihatan keluarga dan pemakanan anak-anak.
- d) Hal ehwal pendidikan anak-anak.
- e) Hal ehwal belia dan pembelajaran.

Para ustaz / ustazah, doktor, teknokrat seperti engineer, pakar kaunseling, pakar motivasi dan lain-lain dapat bergerak secara berjadual di antara satu markas ke satu markas tak kira di kampung atau di bandar. Jadual telah pun disediakan setiap hujung minggu (hari Sabtu petang atau Ahad pagi) bagi setiap jenis kategori nasihat di atas. Setiap minggu ada aktiviti yang dilakukan. Jika dilaksanakan, Insya' Allah akanhiduplah setiap markas PAS dan ia dijadikan sebagai pusat untuk memperbaiki kehidupan keluarga Islam dari segi keagamaan, kesihatan, pelajaran dan pembinaan mental anak-anak Islam yang lemah dalam pembelajaran terutama matematik dan Bahasa Inggeris, penjagaan kesihatan dan pemakanan ibu-ibu mengandung serta lain-lain aktiviti.

Banyak lagi aktiviti kemasyarakatan yang dapat dibangunkan oleh PAS seperti *Charity Shop* untuk menjual baju, buku, permainan kanak-kanak, pingan mangkuk dan barang-barang terpakai yang lain dengan harga yang rendah. PAS boleh mencontohi kedai-kedai seperti ini yang banyak terdapat di United Kingdom di bawah kelolaan tabung-tabung seperti *Cancer Research Fund*. Kita percaya golongan sederhana dapat memberi barangan terpakai yang masih elok untuk dijual oleh *charity shop* dari dibiarkan bersarang di rumah mereka. Hasil keuntungan dapatlah disalurkan kepada fakir miskin atau digunakan dalam perjuangan PAS sendiri.

Jika diteliti cadangan ini, dapat dilihat satu rangka usaha dan ruang untuk berjihad masih terbuka luas untuk dilakukan. Sebenarnya untuk menghasilkan satu kelompok bangsa yang mantap dari segi akidah, pelajaran, kesihatan zahir dan batin serta kekuatan institusi kekeluargaan. Bagi seorang ahli politik, mereka berjuang dengan cara berpolitik dan bagi doktor dan lain-lain, masing masing ada peluang untuk mereka berjuang ke arah Islam cuma PAS hanya memerlukan sedikit usaha untuk membuka ruang kepada mereka dengan cara yang dicadangkan. Jangan sempitkan cara perjuangan kita hanya pada ceramah saja. Besar lagi skop perjuangan sebenarnya yang dapat dilakukan oleh segenap lapisan masyarakat.

5) Menggunakan kekuatan statistik dan perangkaan. Apakah gunanya statistik? Statistik berperanan sebagai penguat hujah-hujah ketika ceramah, hujah-hujah buku-buku yang dikeluarkan, usaha pemantauan dan ‘analisis pasaran’. Dari statistik, PAS akan dapat membuat kesimpulan dengan lebih jitu dan dapat menyakinkan rakyat.

PAS mesti melakukan sesuatu untuk membolehkan rakyat nampak dengan sejelas-jelasnya apa yang telah berlaku selama ini jika ditunjukkan peratusannya dan graf-graf yang ‘cantik’ itu. PAS perlulah rajin mengkaji selidik sama ada menghubungi Jabatan Perangkaan, jabatan-jabatan kerajaan dan mengadakan temubual rambang dengan rakyat jelata dan bandar mahupun di desa. Banyak yang boleh PAS lakukan seperti melakukan temubual / kajiselidik yang boleh dijadikan bahan bukti akan sokongan atau bantahan rakyat terhadap tindakan kerajaan

sebenarnya. PAS juga haruslah mengumpul, menyimpan, menganalisis, mengemaskini, dan menyebarkan analisis statistik mereka.

Semasa menjawab kajiselidik atau temubual, rakyat berpeluang memberikan komen dan dari situ juga akan dapat diketahui pendirian mereka, cadangan mereka, kehendak mereka, perasaan mereka, harapan mereka dan seterusnya statistik ini akan dapat kita janakan suatu program, merencanakan polisi dan merangka perjuangan yang lebih mantap kerana kita disokong oleh angka-angka dan kita telah mengetahui dengan jitu akan kehendak rakyat.

6) PAS diharapkan istiqamah dengan aqidah Ahl Sunnah Wal- Jamaah. PAS Kawasan Tawau perlu berusaha dengan lebih gigih lagi dalam menambah baik kefahaman Islam masyarakat dengan menggalakkan budaya beragama mengikut manhaj *salaf as-saleh* yang dapat menghapuskan budaya taqlid buta. Ini secara langsung dapat menghapuskan amalan-amalan khurafat dan bida'ah di dalam masyarakat Islam.

Pemimpin dan penyokong PAS diseru menyemaikan sikap cintakan Islam melebihi segalanya. PAS perlu berusaha melenyapkan sikap *ta'asub hizbiyyah* yang melampau di kalangan ahli. Ini adalah seruan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat agar pendakwah PAS sentiasa menyeru masyarakat kepada Islam dan bukannya PAS. Ini bagi mengelak pihak lain menawarkan "Ummah Centric" sebagai alternatif PAS. Walhal PAS sejak dulu memperjuangkan umat Islam namun sikap fanatik kepartian

pada sesetengah ahli terutama di kalangan pelajar IPT khasnya yang menggambarkan seolah-olah keseluruhan ahli PAS ta'asub pada jemaahnya dan hanya menerima kebenaran yang datang dari pimpinan PAS dan menolak sebarang kebenaran dari yang selain PAS. Walhal neraca kebenaran adalah al-Quran dan Sunnah RasulNya.

7) Bagi laman web / blog dan facebook kawasan atau cawangan, perlu diadakan ruang aktiviti terkini dan masa akan datang. Setiap aktiviti yang telah dijalankan, mesti dibuat rumusan dan dipaparkan di dalam laman web dan facebook. Kalau ada gambar lagi bagus. Biarpun aktiviti itu kecil sahaja seperti tazkirah atau tarbiyah, perlu dibuat rumusan apakah pengisian daripada aktiviti itu. Tujuannya supaya jawatankuasa dan ahli-ahli PAS Kawasan Tawau dan cawangannya tidak dilihat lesu dan dilihat ada program-program yang dijalankan.

8) PAS Kawasan Tawau juga perlu menggalakkan usaha-usaha dialog dengan agensi-agensi Islam Kerajaan (Jabatan Agama, JAKIM, Pejabat Mufti dan Mahkamah Syariah) hatta dengan UMNO bagi membincangkan pelbagai masalah umat Islam. Ini juga dapat menjernihkan sebarang kekeliruan yang terbit dari kurangnya interaksi antara PAS dan agensi-agensi Islam kerajaan. Ini secara tidak langsung menunjukkan keterbukaan serta seriusnya PAS dalam menangani masalah umat.

9) Memastikan ceramah agama / politik PAS menawarkan input-input berkualiti kepada masyarakat. Dan mengurangkan cerita-cerita / lawak picisan melampau yang merendahkan pemikiran dan intelektual rakyat. Walaupun mungkin dapat menarik

minat orang ramai tetapi natijahnya melahirkan masyarakat yang rendah tahap intelektual dan kesat perilakunya. Penceramah PAS juga perlu memastikan setiap fakta, dalil-dalil adalah sahih dan mempunyai kredibiliti. Elakkan budaya caci, fitnah dan maki dalam ceramah. Insya Allah natijahnya lebih baik.

10) Cadangan-cadangan Tambahan; PAS Kawasan Tawau juga dapat menjalankan khidmat seperti:

- a) Bantuan kepada isteri yang suami sedang dipenjara.
- b) Bantuan kepada Ibu Tunggal.
- c) Bantuan Menyambung Pelajaran.
- d) Bantuan makanan kepada gelandangan
- e) Bantuan kepada muslim yang memerlukan perhatian khas.
- f) Mengadakan '*Sister Link*' bagi Dewan Muslimat.
- g) Bantuan untuk mencari keluarga angkat kepada anak yatim atau anak-anak orang miskin.
- h) Skim bantuan makanan berkhasiat kepada golongan miskin.
- i) Bantuan kepada Muallaf.
- j) Latihan vokasional dan keusahawanan kepada belia.

5.3 Penutup

Penulis amat berharap cadangan ini dapat dikemukakan kepada pucuk pimpinan PAS Kawasan Tawau dan pimpinan PAS Sabah untuk dibincangkan

seterusnya menjana kemenangan pada PRU13 atau dalam pilihanraya seterusnya dan memberi bantuan kepada masyarakat di daerah Tawau khususnya dan negeri Sabah umumnya pada masa yang sama.

Penulis mengakui masih banyak lagi kelemahan tulisan ini dan penulis berharap ia dapat diperbetulkan dan penulis mohon maaf atas kekurangan ini. Sesungguhnya penulis juga manusia biasa yang tidak sunyi dari melakukan kesilapan. Oleh itu, penulis dengan sedaya upaya memerah otak sepanjang hari cuba merangka satu '*GRAND DESIGN*' untuk menggalakkan penglibatan rakyat, mencadangkan dan membuka ruang-ruang yang membolehkan masyarakat berjuang dan berjihad mengikut kepakaran masing-masing. Penulis yakin PAS akan berjaya kerana perjuangan PAS merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah yang sesuai sepanjang zaman dan di mana jua serta telah dibuktikan oleh para Khalifah Islam terdahulu yang menguasai 2/3 dunia.

Apa yang perlu dilakukan oleh pendokong dan penyokong PAS ialah merangka satu gerak kerja yang sistematik dan menyeluruh oleh pemimpin parti, menggalakkan penglibatan oleh semua lapisan masyarakat dari segi pengorbanan tenaga, masa dan wang, pemantauan dan analisis akan respon masyarakat, pemantauan dan analisis akan keberkesanan setiap aktiviti parti, sentiasa berwaspada dan meramalkan tindak balas parti lawan serta doa dan tawakal kepada Allah S.W.T secara konsisten dan tidak putus asa.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran.

Ahmad Kamar Abdul Rahman (1984), "Parti Islam SeMalaysia Di Peringkat Negeri [Kedah] Dan Di Peringkat Kawasan [Kubang Pasu] : Satu Kajian Tentang Agama, Politik Dan Kepimpinan." (Tesis (Ph.D.), Jabatan Antropologi Dan Sosiologi, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

Al-Fayyumi, Ahmad Ibn Muhammad Ibn Ali (t.t), *al-Misbah al-Munir*, Beirut: Maktabah Lubnan.

Al-Qurtubiy, Abi Abdillah Muhammad ibni Ahmad Ibni Abi bakr (2006), *Tafsir al-Jami'u li ahkam al-Quran*, Beirut: Al-Resalah Publishers.

Amir Ramadhan Ibrahim (1995/96), "Pendekatan Parti Islam SeMalaysia (PAS) dalam Membentuk Negara Islam: Satu Analisis". (Latihan Ilmiah (B.A.) Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).

Azhar Jaafar (2001), "Parti Islam SeMalaysia (PAS) : Suatu Kajian Tentang Sejarah Perkembangannya Di Jerantut, Pahang Darul Makmur." (Disertasi M.Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Bharuddin Che' Pa (1987), "PAS Dari 1982 Hingga Kini : Satu Kajian Khusus Bagi Kawasan Kota Bharu". (Latihan Ilmiah (B.A.), Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).

Chamil Wariya (1992), *Umno Sabah Mencabar Dan Dicabar*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd

Eduardo bin Marusin (2007), "Politik Sabah, 1967-1994 : Suatu Kajian Perbandingan Dasar-Dasar Politik Kerajaan USNO-SCA, BERJAYA dan PBS." (Disertasi M.A., Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

H. Zainal Abidin Ahmad (1977), *Ilmu Politik Islam, Jilid 1*. Jakarta: Bulan Bintang.

Herman J. Luping (1994), *Sabah's Dilemma - The political History of Sabah (1960-1994)*, Petaling Jaya: Fasali Trading Sdn. Bhd.

Ibn al-Qayyim, Abu Abdullah Muhammad Ibn Abi Bakr, (1995), *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Ibn Farhun, Ibrahim Syamsuddin, (1301H), *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-Aqdiah wa al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, juz 2.
- Ibn Fudi, Syaikh Abdullah Ibn Muhammad (1988), *Diya’ al-Siyasat wa Fatawa al-Nawazil*, Kaherah: Al-Zahra al-‘Ilam al-‘Arabiy.
- Ibn Manzur (1990), *Lisan al-Arab*, jilid 6. Beirut: Dar al-Fikr.
- Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.
- Ismail Yusoff (2004). *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ken Goodlet (2009), *The Making of a Tropical Community*. Tawau : Opus Publication.
- Khallaf, Abd al-Wahhab (1987), *al-Siasah al-Syar’iyyah wa Nizam al-Daulah al-Islamiyyah fi al-Syu’un al-Dusturiyyah, wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Khusairie Talib (1991), *PBS Keluar Membela Maruah*, Kota Kinabalu : Goldana Corporation Sdn. Bhd.
- Koentjaraningrat (ed) (1977), *Metod-Metod Penelitian Masyarakat*, Jakarta : P.T Gramedia.
- Lukman Thaib (2000), *Penubuhan Parti Politik Menurut Pandangan Islam, Jurnal Syariah Bil. 2 Jilid. 8*, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- M. Quraish Shihab (2002), *Tafsir Al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*, Jakarta: Lentera Hati.
- Mohd Fadli Ghani (2003), *Dewan Pemuda PAS: Suatu Kajian Terhadap Tahap-tahap Perkembangan Organisasi Dalam Era Bertindak, 1975-2003*, Tesis Sarjana Sastera, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi UKM.
- Mohd Sheffie Abu Bakar (1995), *Metodologi Penyelidikan*, Edisi ke-2, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhamad Taqyir Rahbar (1986), *Sistem Politik Di Dalam Islam, terj. Ustaz Hassan Salleh*, Kuala Lumpur: Pustaka ‘Alami.
- Mujahid Yusof Konflik (2007), “Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Perubahan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di

Melaka.” (Tesis (Ph.D.), Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Nawi Abdullah (1989/90), “Perubahan dan Perkembangan di dalam Pemikiran Politik Parti Islam SeMalaysia (PAS) : Satu Analisa”. (Latihan Ilmiah (B.Ec.) Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya).

Nina M. Armando (2005), *Ensiklopedi Islam. Ed. baru*, Jakarta : PT. Ichtiar Baru van Hoeve.

Noresah bt. Baharom (2007), *Kamus Dewan, edisi ke-4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman Lebar (2007), *Pengenalan Kualitatif Kepada Teori dan Metod*, Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pejabat Agung PAS (1988), *Penyata Tahunan Mesyuarat Agung PAS Kawasan Tawau Kali Pertama pada 17 Julai 1988*.

Pejabat Agung PAS (1991), *Minit Mesyuarat Penubuhan Dewan Pemuda PAS Tawau pada 28 April 1991*.

Pejabat Agung PAS (1991), *Penyata Tahunan Dewan Pemuda PAS Tawau Kali Pertama*.

Pejabat Agung PAS (1993), *Minit Mesyuarat Penubuhan Dewan Muslimat PAS Tawau pada 18 April 1993*.

Pejabat Agung PAS (2011), *Penyata Tahunan Dewan Muslimat PAS Tawau Sesi 2011-2013*.

Pejabat Agung PAS (2011), *Penyata Tahunan Dewan Pemuda PAS Tawau Sesi 2011-2013*.

Pejabat PAS Kawasan Tawau (1987), *Minit Mesyuarat Penubuhan PAS Kawasan Tawau pada 27 Oktober 1987*.

Pejabat Perhubungan PAS Kawasan Kalabakan (2011), *Penyata Tahunan Mesyuarat Agung PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013*.

Pejabat Perhubungan PAS Kawasan Tawau (2011), *Penyata Tahunan Mesyuarat Agung PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013*.

Shukeri b. Mohamad (2009), “Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar’iyyah Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 Hingga 2000: Kajian Dalam

Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan.” (Tesis (Ph.D), Jabatan Siasah Syar’iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,

Sijil Kebenaran (1988), *Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 Mengikut peruntukan Seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966*.

Taqiuddin Ibn Ahmad, Ibn al-Taymiyyah (1988), *al-Siasah al-Syar’iyyah fi Islah al-Ra’i wa al-Ra’iyyah*, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.

Wan Abdul Rahman Latif (1992), *Parti-parti Politik di Malaysia: Asas Perjuangan dan Penerimaan Masyarakat, dalam Dunia Islam*.

Wan Ismail Wan Abdullah (1994), “Parti Islam SeMalaysia (PAS) dalam Usahnya Menegakkan Sebuah Negara Islam”. (Latihan Ilmiah (B.A.) Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya).

Yahaya Ismail (1986), *Politik Islam Di Sabah*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif Sdn. Bhd.

Zambry Abd Kadir (1995), *Religion and Politics: The Search for Political Legitimacy of The Pan-Islamic Party of Malaysia*, Tesis PhD, Temple University.

TEMUBUAL

Armawati Amirullah, Ketua Penerangan Dewan Muslimat PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 20 Disember 2011.

Azimi Siwok, Ketua Penerangan PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 1 Februari 2012.

Kadarisman Kadir, mantan Ketua Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 1993-1995 merangkap YDP PAS Kawasan Kalabakan Sesi 2011-2013. Temubual pada 19 Disember 2011.

Muhamad Husain, YDP PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 14 Disember 2011.

Muhammad Nasir Ali, mantan Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 2005-2007, merangkap Setiausaha PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013, Temubual pada 1 Februari 2012.

Muhammad Nazri Mokhtar, Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau Sesi 2011-2013. Temubual pada 1 Februari 2012.

Usman bin Madeaming, mantan calon PAS Pilihanraya tahun 2004 Bahagian N.58 Merotai. Temubual pada 22 Disember 2011.

Ustaz Alias Sulong, Ketua Urusan Ulama' PAS Kawasan Tawau, Temubual pada 3 Februari 2012.

LAMAN WEB

Akhmad Sudrajat. Perkembangan Individu.

<http://akhmadsudrajat.wordpress.com/2008/01/24/perkembangan-individu/>. 28 Mei 2012.

Barisan Nasional. http://barisannasional.org.my/?page_id=4361. 5 Mei 2012.

Buku Tahunan Perangkaan Malaysia (2010), Jabatan Perangkaan Malaysia.

http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=959&Itemid=111&lang=bm. 27 Januari 2012.

Dewan Ulamak PAS Pusat. <http://ulamak.pas.org.my>. 19 Oktober 2011.

Kedudukan Tawau, <http://www.mpt.sabah.gov.my/Tawau.html>. 22 September 2011.

Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah Bagi Tahun 2004,

http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 1 Mac 2012.

Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen Negeri Sabah Bagi Tahun 1986.

http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 27 Januari 2012.

Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen Negeri Sabah Bagi Tahun 1990.

http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 2 November 2011.

Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen Negeri Sabah Bagi Tahun 1995,

http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 28 Februari 2012.

Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen Negeri Sabah Bagi Tahun 2008,

http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. 1 Mac 2012.

Kerajaan Negeri Sabah Sejak 1963. <http://www.sabah.gov.my>. 9 Februari 2013.

Laman Rasmi PAS Kawasan Tawau. <http://www.pastawau.org/about-2>. 22 Februari 2012.

Malaysia United Peoples Party. <http://www.facebook.com/pages/Malaysia-United-Peoples-Party-MUPP/107436599366548?sk=wall>. 21 Mac 2012.

Parti Islam SeMalaysia (PAS). <http://www.pas.org.my/> 4 Oktober 2011.

Pengertian Perkembangan. <http://yoezronbloon.blogspot.com/2009/10/pengertian-perkembangan.html>. 28 Mei 2012.

Perhubungan PAS Negeri Sabah. <http://pasabah.wordpress.com/about/>. 17 Oktober 2011.

Perlembagaan PAS. <http://perlembagaan-pas.blogspot.com/2009/05/bab-yang-ketiga-tujuan-usaha-hukum-dan.html>. 26 Januari 2012.

Profile Tawau, <http://www.mpt.sabah.gov.my/Geografi.html>. 22 September 2011.

Sejarah Penduduk Tawau. <http://www.mpt.sabah.gov.my/Tawau.html>. 26 Januari 2012.

Sejarah Penubuhan PAS Sabah. <http://pasabah.tripod.com/sejarah.html>. 17 Oktober 2011.

LAMPIRAN

SOALAN-SOALAN INTERVIEW

1. Bagaimana Parti Islam SeMalaysia (PAS) berkembang di Sabah dan siapakah tokoh-tokoh awal yang memperjuangkan politik Islam di Sabah?
2. Bilakah PAS Tawau mula ditubuhkan?
3. Di manakah PAS Tawau mula ditubuhkan?
4. Siapakah yang menubuhkan PAS Tawau dan PAS Kalabakan?
5. Bagaimana latar belakang sejarah awal tertubuhnya PAS di Daerah Tawau dan perkembangannya sehingga kini?
6. Apa program-program yang dibuat oleh PAS sebelum dan semasa pilihanraya?
7. Berapa cawangan dan ahli PAS di Daerah Tawau?
8. Apakah perancangan masa depan PAS Tawau?
9. Bagaimana perkembangan PASTI di Tawau?
10. Bagaimana perkembangan PAS dalam Pilihanraya Umum yang lalu?
11. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan PAS di daerah Tawau belum menang pilihanraya?
12. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh PAS Kawasan Tawau?
13. Apakah strategi dan persiapan PAS Kawasan Tawau bagi menghadapi pilihanraya (PRU) akan datang?
14. Bolehkah PAS menang di Daerah Tawau atau di Parlimen Kalabakan?

**PEJABAT PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)
KAWASAN TAWAU**



**PEJABAT PAS KAWASAN TAWAU,
TB 321, TINGKAT 3, BLOK 38,
KOMPLEKS FAJAR, JALAN HJ. KARIM,
PETI SURAT 62040,
91030 TAWAU, SABAH.
TEL: 089-760214**

LAMPIRAN 3



PEJABAT PUSAT ASUHAN TUNAS ISLAM (PASTI)
BERSEBELAHAN PEJABAT PARTI ISLAM SEMALAYSIA



Usman bin Madeaming, mantan calon PAS Pilihanraya tahun 2004 N.58 Merotai. Merangkap Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Kalabakan, Tawau.



PUSAT TARBIAH PAS TAWAU / PUSAT ASUHAN TUNAS ISLAM (PASTI)
NURUL HANNANI ADALAH PASTI YANG PERTAMA DI TAWAU



MADRASAH DARUL HIDAYAH, TERLETAK DI KG. SUNGAI IMAM, TAWAU.
DIURUS TADBIR PAS KAWASAN TAWAU.



MADRASAH DARUL HIDAYAH, TAWAU.



Madrasah Darul Hidayah yang terletak di Kg. Sg. Imam Tawau.



Penulis (Bakri bin Amboala) kiri, bersama Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah bagi Kawasan N.56 Apas, Tawau iaitu Datuk Tawfiq bin Abu Bakar Titingan bersama isteri beliau ketika melawat Darul Quran, JAKIM di Kuala Kubu Bharu, Selangor.

(Pertubuhan 7)



MALAYSIA

AKTA PERTUBUHAN 1966

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984

(Peraturan 7 (4))

SIJIL KEBENARAN

Mengikut peruntukan Seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966, maka saya dengan ini
beri kebenaran penubuhan cawangan yang disebutkan di bawah ini bagi
pertubuhan.....
PARTI ISLAM SE MALAYSIA (PAS)

Nama Cawangan..... Kawasan Tawau

Alamat Cawangan..... 703, Rich Park, Batu 2½, Jalan Apas, 91000 Tawau.

Bertarikh pada 30 haribulan April, 19 88.



(MOHD. IBRAHIM B. HJ. MOHAMAD)
TIM. Pendaftar Pertubuhan,
Malaysia

Kepada:

Setiausaha Agung,

Parti Islam Se Malaysia (PAS);

Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Lot 2549/3, Lorong Haji Hassan,

Off Jalan Batu Geliga, Taman Melewar 68100 Batu Caves, Selangor.

[Bil. PPM/SB: 26/52-3090] 2)

L-J.P.N. K.L.

PARTI ISLAM SAMALAYSIA (PAS).
KAWASAN TAWAU.

SALINAN

Minit mesyuarat penubuhan PAS Kawasan Tawau.

Tarikh: 17hb. Julai 1988.
bersamaan: 3hb. Zulhijjah 1409.
Hari: Ahad.
Tempat: 703 Rich Park,
Batu 2½ Jalan Apas,
Tawau.
Waktu: Jam 9.00 pagi. Hadzir 88 orang.

Ajinda 1. Ucapan Pengerusi Penaja PAS Kawasan Tawau.
Sdr. Aminuddin Zainuddin.

- 1.1. Sdr. Aminuddin bersyukur kerana telah dapat mengadakan mesyuarat penubuhan PAS Kawasan Tawau pada hari ini. Beliau berterima kasih atas kehadiran semua ahli-ahli pada hari ini. Penubuhan PAS Kawasan Tawau ada lah atas kesedaran perlunya satu wadah gerakan Islam yang menyeluruh bagi meneruskan seruan Islam, membina masyarakat Islam dan seterusnya menegakkan Daulah Islam.
- 1.2. Usaha usaha menubuhkan PAS kawasan tawau telah lama di jalan kan oleh orang persaorangan di Tawau ini. Usaha ini di awasi oleh PAS di Pejabat Agung dengan menghantar beberapa orang wakilnya bagi meninjau perkembangannya dari masa kesemasa.
- 1.3. Atas usaha usaha ini beberapa orang ahli PAS telah menubuhkan ahli Jawatankuasa penaja PAS Kawasan Tawau pada 27hb. Oktober 1987. Jawatankuasa ini telah berusaha mendaftarkan ahli ahli sehingga ini telah berjumlah 210 orang. Ahli ahli yang mendaftar sendiri 2 orang dan ahli kawasan lain yang tukar ke Tawau 4 orang. Jumlah 216 orang. Di samping itu banyak lagi ahli PAS Kawasan lain yang tinggal di Tawau tetapi belum lagi mendaftar dengan Kawasan Tawau.
- 1.4. Pendaftaran PAS Kawasan Tawau telah di usaha kan oleh Pejabat Agung dan pendaftarannya telah di luluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 30hb. April 1988. Bilangan pendaf taran PPM/SB: 26/52-3090(2).

Ajinda 2: Ucapan Wakil PAS Negeri Sabah.
Ustaz Abi Rerah Ag. Chik.


- 2.1. Beliau bersyukur dapat hadir bersama dalam majlis yang bersejarah ini bagi menubuhkan PAS Kawasan Tawau. Beliau berharap PAS Kawasan Tawau ini akan bergerak mengikut cara Allah dan Rasul nya yaitu dengan pertunjuk Al Quran dan Hadith.
- 2.2. In Sya Allah kita akan teruskan perjuangan yang suci ini untuk menegakkan Daulah hakimiah - untok yang hak, kerana umat Islam di Sabah ini memijak buminya tidak saperti memijak bumi Allah. swt. Tuntutan menegakkan Daulah Islam ini tidak terhenti di Sabah sahaja malah seluruh Malaysia dan dunia ini.

Ajinda 3: Perlantikan Pengerusi Tetap

- 3.1. Us. Ali Shabri mencadangkan Sdr. Ezani Hamzah.
Sdr. Azhar Omar menyokong.

Ajinda 4: Perlantikan Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan Tawau.

- 4.1. Sdr. Ezani Hamzah memberi penjelasan bahawa mesyuarat agung Pas Kawasan boleh melantik Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua dan 12 orang ahli Jawatankuasa. Manakala Jawatankuasa pula boleh melantik setiausaha, penolong setiausaha, bendahari dan 6 orang ahli Jawatankuasa lagi.
- 4.2. Jawatan Yang Dipertua.
Sdr. Aminuddin Zainuddin mencadangkan Hj. Muhammad Abdullah.
Sdr. Azhar Omar sokong.
Majlis menerima sebulat suara Tuan Hj. Muhammad Abdullah sebagai Yang Dipertua PAS Kawasan Tawau.
- 4.3. Jawatan Timbalan Yang Dipertua.
Sdr. Syed Othman Syed Jaafar mencadangkan Sdr. Aminuddin Zainuddin.
Sdr. Ehwon Ithnin sokong.
Majlis menerima sebulat suara Sdr. Aminuddin Zainuddin sebagai Timbalan Yang Dipertua PAS Kawasan Tawau.
- 4.4. Jawatan Ahli Jawatankuasa.
Us. Ali Shaari mencadangkan 12 nama berikut:-
1. Sdr. Abu Jahal b. Jilan.
2. Sdr. Alimuddin Abu.
3. Sdr. Edris Hasan.
4. Sdr. Zahari Mat Diran.
5. Sdr. Darmansyah Arshad.
6. Sdr. Mat Jais Ambai.
7. Sdr. Hasan Salim.
8. Sdr. Karate Ahmade.
9. Sdr. Abdul Dulah.
10. Sdr. Juaser Mat Amin.
11. Sdr. Mohd. Tahir Omar.
12. Sdr. Syed Othman Syed Jaafar.
Sdr. Mohd. Ehwon Ithnin menyokong.
Majlis menerima sebulat suara atas perlantikan di atas.


HAJI HASSAN HAJI SHUKRI
Setiausaha Agong
PARTI ISLAM SEMALAYSI (PAS)


Ajinda 5: Perlantikan 2 orang pemeriksa kira-kira.

- 5.1. Sdr. Mohamad Husain mencadangkan Sdr. Sidik Simin dan Sdr. Azhar Omar.
Sdr. Mohd. Yasin Yunus menyokong.
Majlis menerima perlantikan Sdr. Sidik Simin dan Sdr. Azhar Omar sebagai pemeriksa kira-kira.

Ucapan penangguhan:

Tuan Hj. Muhammad Abdullah mewakili AJK Yang Dipilih mengucapkan terima kasih atas kepercayaan ahli ahli yang memilih ahli Jawatankuasa pada hari ini. Saya menganggap perlantikan ini sebagai satu tanggung jawab yang berat dan berharap mendapat kerjasama dari semua ahli PAS Tawau. Insya Allah kita akan teruskan perjuangan Islam ini secara terang terang kerana selagi Islam di selindungi tidak dapat tegak lah Islam seperti yang di harapkan. Beliau lebih nampak kepentingan meningkatkan qualiti ahli dari segi ilmu persiapan diri lebih daripada kepentingan quantiti ahli. Walaubagai mana pun kita tidak akan mengabaikan kepentingan mendapat sokongan massa (masyarakat umum) bagi meneruskan cita cita PAS.

Majlis ditangguhkan jam 11.30 pagi.


Yang Dipertua
PAS KAWASAN TAWAU.


Setiausaha
PAS KAWASAN TAWAU.

PERINGATAN MUKTAMAR (PENUBUHAN) DEWAN PEMUDA PAS
KAWASAN TAWAU

SALINAN

Tarikh : 28hb. April 1991
Masa : 08.30 pagi.
Tempat : Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI)
357 Batu 3 1/2 Jalan Kuhara
91007 Tawau.

Kehadiran Jawatankuasa

- | | |
|--|-------------------|
| 01. Ustaz Saidin Hj. Hasnam | Pengerusi Tetap |
| 02. Sdr. Lakarani Lamadiangi | Ketua Penaja |
| 03. Sdr. Norzamri Udin | Naib Ketua Penaja |
| 04. Sdr. Samsul Lakullu | Setiausaha Penaja |
| 05. Sdr. Amir Mahmud | Bendahari Penaja |
| 06. Ustaz Che Ismail Che Leh | AJK Penaja |
| 07. Sdr. Norizan Saad | AJK Penaja |
| 08. Sdr. Darmansyah Arsyad | AJK Penaja |
| 09. Sdr. Wan Razali Wan Daud | AJK Penaja |
| 10. Sdr. Mustafa Omar | AJK Penaja |
| 11. Enam orang perwakilan dari Cawangan PAS Kawasan Tawau. | |

AGENDA MESYUARAT

01. Ucapan Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau (Penaja) dan pembubaran AJK Penaja.
02. Perlantikan Pengerusi Tetap dan Timbalannya.
03. Perlantikan AJK Pemuda PAS Kawasan Tawau.
04. Perlantikan Pemeriksa kira-kira.
05. Ucapan Penagguhan.

AGENDA 1

UCAPAN ALU-LUAN KETUA PENAJA DEWAN PEMUDA PAS KAWASAN TAWAU DAN PEMBUBARAN AJK.

1.1 Ketua Penaja Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau mengucapkan ribuan terima kasih kepada AJK Penaja kerana bersedia menjadi AJK Penaja PAS Kawasan Tawau dan seterusnya memberikan kerjasama sehingga terbentuknya Muktamar Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau Kali Pertama.

1.2 Beliau seterusnya mengumumkan pembubaran AJK Panaja.

AGENDA 2

PERLANTIKAN PENERUSI TETAP DAN TIMBALANNYA.

2.1 Saudara Asru' Hazaman telah mencadangkan Sdr. Bokhari Hj. Kechik dilantik sebagai Pengerusi tetap dan telah mendapat sokongan dari seluruh ahli yang hadir.

2.2 Saudara Norzamri Udin pula mencadangkan agar Sdr. Mardani Appase menjadi timbalan Pengerusi tetap dan juga telah disokong oleh semua ahli yang hadir.

AGENDA 3

PERLANTIKAN AJK DEWAN PEMUDA PAS KAWASAN TAWAU SESSI 1991/1992³ d.

3.1 Muktamar Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau telah memutuskan perlantikan AJK Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau bagi sesi 1991/1992³ adalah seperti berikut:

Ketua Pemuda : Sdr. Lakarani Lamadiangi
Naib : Ust. Che Ismail Che Leh
AJK : 01. Sdr. Asrul Hazaman
02. Sdr. Mustapa Omar
03. Sdr. Samsul Lakullu
04. Sdr. Amir Mahmud
05. Sdr. Norzamri Udin
06. Sdr. Wan Razali Wan Daud

AGENDA 4

PERLATIKAN PEMERIKSA KIRA-KIRA

4.1 Jawatankuasa sebulat suara melantik Sdr. Syed Atiqulah Syad Husin dan Sdr. Ahmad Dullah sebagai pemeriksa kira-kira.


AGENDA 5

UCAPAN PENAGGUHAN


6.1 Ketua Pemuda berharap kepada semua AJK Dewan agar tidak hanya meletakkan tanggungjawab DPP hanya kepada seseorang sahaja. Semua AJK hendaklah bekerjasama.

6.2 Saudara Pengerusi Tetap menengguhkan Muktamar Kali Pertama Dewan Pemuda PAS Kawasan Tawau dengan bersama-sama membaca Surah Al-Ashr.


Disediakan oleh,


(NORZAMRI UDIN)
Setiausaha
DPP Kawasan Tawau

Disemak oleh,


(LAKARANI LAMADIANGI)
Ketua
DPP Kawasan Tawau.




HAJI ABDUL HALIM ARSHAT.
Setiausaha Agung PAS.

**PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)
DEWAN MUSLIMAT PAS KAWASAN TAWAU**

MESYUARAT PENUBUHAN DEWAN MUSLIMAT PAS KAWASAN TAWAU

Tarikh : 18hb. April 1991
 Hari : Ahad
 Masa : 2.00 petang
 Tempat : Pusat Pendidikan Islam (PASTI)
 No. 357, Jalan Kuhara
 91000, Tawau, Sabah.

SALINAN

Kehadiran: 23 orang

Agenda 1: Ucapan Pengerusi Penaja Dewan Muslimat PAS Tawau
 Pn. Zaiton Ahmad

- 1.1 Pn. Zaiton Ahmad bersyukur kerana dapat mengadakan mesyuarat penubuhan pada hari ini. Beliau mengingatkan tentang peranan kita sebagai pendakwah yang tidak lepas daripada hitungan Allah. Justeru itu pegangan utama kita ialah aqidah Islamiah. Sekiranya aqidah kita mantap maka berkatlah hidup kita. Seterusnya beliau mengharapkan agar setiap ahli mempunyai komitmen yang kekal kepada PAS agar usaha dakwah dapat berjalan lancar.
- 1.2 Usaha menubuhkan Dewan Muslimat PAS telah lama diusahakan sejak tahun 1989 lagi. Dewan Muslimat (penaja) telah mengadakan 2 kali Mesyuarat Agung Tahunannya iaitu pada 16hb. Februari 1991 dan 22hb. Mac, 1992. Namun pendatangannya telah diluluskan pada 21hb. Oktober, 1992 bilangan pendaftaran PPM/SB. 26/52-4177(2).

Agenda 2: Pelantikan Pengerusi Tetap

- 2.1 Sidang sebulat suara melantik Pn. Hairani menjadi pengerusi tetap. Cadangan oleh Pn. Zaiton dan disokong oleh Pn. Mandin Ladale.

Agenda 3: Pelantikan Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Tawau.

- 3.1 Sidang sebulat suara melantik AJK Kerja Dewan Muslimat bagi jawatan seperti berikut:

Ketua Muslimat	: Pn. Zaiton Ahmad
Cadangan	: Pn. Hasni Abdullah
Sokongan	: Cik Misrah Sirah

- 3.2 Naib Ketua Muslimat : Cik Misrah Sirah
 Cadangan : Cik Salmiah Neni
 Sokongan : Pn. Rosliawati Zakaria

3.3	Setiausaha	: Pn. Mandin Ladale
	Cadangan	: Pn. Anisah Nuhan
	Sokongan	: Cik Juisa Jakla
3.4	Bendahari	: Pn. Ainor Zarian Zainal Abidin
	Cadangan	: Pn. Mandin Ladale
	Sokongan	: Cik Warnidah Jefferi.
3.5	Ahli Jawatankuasa	: Cik Anisah Nuhan
		Cik Zubaidah Abdul
		Cik Kasmah Abdullah,
		Cik Rokiah Rakim
		Cik Salmiah Neni
		Pn. Hasni Abdullah
		Pn. Siti Fatimah Abd. Samad
		Pn. Kalsom Abd. Hamid
		Pn. Anisah Nuhan
		Pn. Juminah Betta
	Cadangan	: Cik Salmiah Neni
	Sokongan	: Cik Misrah Sirah

Agenda 4: Pelantikan 2 orang pemeriksa kira-kira

Jawatan Juruodit: Cik Warnah Sirah
 Cik Aznah Tandek
 Cadangan : Cik Misrah Sirah
 Sokongan : Cik Mulyani Jam Jam


Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.45 petang.

Ukhti Fil Islam

 (PN. Asiah bt. Hj. Ahmad)
 Setiausaha 93/95

Disahkan oleh :

 (Puan Zaiton bt. Ahmad)
 Ketua Dewan Muslimat PAS,
 Kem. Tawau.


 HAJI ALIM ARSHAD
 Setiausaha Agung
 PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)

Carta Organisasi PAS Kawasan Tawau

